

# Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

Keadilan yakin kekal Permatang Pauh walau dicabar Pas



→ ms2

Batalkan perjanjian dengan Climate Protector

→ ms2



Perlantikan Ketua Hakim Negara dan Presiden Mahkamah Rayuan

# BETULKAH SHAFEE TERLIBAT, SOAL ANWAR

DATUK Seri Anwar Ibrahim meminta Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengesahkan apakah benar peguam kanan Tan Sri Shafee Abdullah terlibat dalam menyediakan pandangan perundungan serta asas perlantikan Ketua Hakim Negara dan Presiden Mahkamah Rayuan yang kini dipertikaikan oleh pelbagai pihak.

→ Laporan penuh muka 2

**HARGA:**  
RM7000 - RM9000  
**TARIKH:**  
NOVEMBER @ DISEMBER  
**PENGINAPAN:**  
HOTEL MADINAH:  
SARAYA TABA @ MUBARAK  
SILVER @ SETARAF  
HOTEL MEKAH:  
HILTON TOWER (50M)

**PENERBANGAN:**  
الخطوط الجوية المغربية الخطوط الجوية السعودية  
SAUDI ARABIAN AIRLINES  
Emalaysia AIRLINES

JOM UMRAH  
BERSAMA USTAZ AHMAD AWANG



# Benarkah Shafee terlibat, soal Anwar

DATUK Seri Najib Razak diminta mengesahkan apakah benar begum Tan Sri Shafee Abdullah terlibat dalam menyediakan pandangan perundangan serta asas perlantikan ketua hakim negara yang kini dipertikaikan oleh pelbagai pihak.

Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam satu kenyataannya berkata, beliau telah difahamkan bahawa Shafee terlibat di dalam menyediakan pandangan perundangan serta asas untuk memutuskan perkara berkenaan penyambungan perkhidmatan Ketua Hakim Negara Tan Sri Md Raus Sharif dan Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Zulkefli Makinudin untuk tempoh 3 tahun dan 2 tahun telah disambut cukup negatif oleh umum kerana melibatkan persoalan pelanggaran perlembagaan.

benar atau tidak.

"Sekiranya benar, maka perkara tersebut perlu dimaklum kepada umum secara telus," katanya dalam satu kenyataan 10 Julai lalu.

Pengumuman penyambungan perkhidmatan Ketua Hakim Negara, Tan Sri Md Raus Sharif dan Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Zulkefli Makinudin untuk tempoh 3 tahun dan 2 tahun telah disambut cukup negatif oleh umum kerana melibatkan persoalan pelanggaran perlembagaan.

Malah beberapa mantan hakim Mahkamah Persekutuan dan Majlis Peguam telah menyatakan penafsiran mereka bahawa penyambungan tersebut adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

"Perkara ini amat kritikal kerana melibatkan hak rakyat untuk menikmati institusi kehakiman yang bebas," kata Anwar dalam satu kenyataannya.

berlian berwarna merah jambu yang diberi oleh Jho Low kepada isteri Malaysian Official 1 iaitu Rosmah Mansor.

(M01 adalah Perdana Menteri mengikut pengakuan Pengarah Komunikasi Strategik BN, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri Abdul Rahman Dahlan)

Bagi Anwar, Jho Low dan Riza Aziz yang didakwa oleh DoJ sepatutnya pergi ke Amerika Syarikat untuk melawan tuduhan mencuri duit 1MDB.

"Tetapi mereka tidak berani. Pepatah Melayu berkata, berani kerana benar, takut kerana salah. Mereka bersembunyi di China dan Malaysia. Sekaligus ia menjadi pengakuan bahawa segala tuduhan DoJ adalah benar," katanya.

"Oleh itu, Perdana Menteri Datuk Sri Najib Razak perlu pada kadar segera mengesahkan sama ada perkara ini adalah

## Invoke kenalpasti 50 kerusi marginal untuk ke Putrajaya

**PAKATAN** Harapan dijangka boleh menang di 50 kerusi marginal yang dikenalpasti di Semenanjung yang dimenangi Umno-Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum ke-13 lalu untuk menawan Putrajaya.

Nail Presiden PKR Rafizi Ramli berkata dapatan hasil kajiselidik yang dilakukan INVOKE itu, dengan meningkatkan kempen secara tersusun di kerusi-kerusi marginal, Pakatan Harapan boleh memenangi PRU14 kelak.

"Pantauan sentimen pengundi yang dibuat oleh INVOKE (yang menelefon pengundi setiap hari) menunjukkan Pakatan Harapan kini mendahului di 97 kerusi Parlimen sementara Barisan Nasional mendahului di 125 kerusi Parlimen yang lain jika pertandingan 3 penjuruh berlaku."

"Ini bermakna, jika pilihanraya dipanggil hari ini, Datuk Seri Najib hanya menang dengan majoriti 13 kerusi (melebihi majoriti mudah 112 kerusi) yang hampir pasti menyebabkan beliau digulingkan dari dalam Umno sendiri," ujarnya dalam kenyataan.

Ahli Parlimen Pandan ini juga berkata menerusi INVOKE beliau telah mengenalpasti kebanyakannya pengundi atas pagar sedia maklum mengenai skandal 1MDB dan tuduhan penyelewengan dana awam yang dikaitkan dengan perdana menteri.

Bagaimanapun ujarnya pengundi atas pagar sebenarnya lebih tertarik kepada isu-isu yang mempunyai kesan langsung kepada kehidupan sehari-hari mereka.

"Kenaikan harga barang yang dikira tidak terkawal sebab itu rata-rata pengundi atas pagar mahukan GST dimansuhkan dan subsidi minyak dikembalikan."

"Kenaikan gaji yang rendah dan tidak setimpal dengan kenaikan harga barang."

"Lambakan pekerja asing yang dirasakan menyempitkan peluang pekerjaan yang ada kepada pekerja tempatan," ujarnya.

Justeru beliau bersama pimpinan Pakatan Harapan telah pun memulakan kempen khusus di 50 kerusi-kerusi yang dikategorikan sebagai marginal bermula di Johor Bharu pada hari Ahad yang lalu.

## PKR yakin kekal Permatang Pauh walau dicabar Pas

**PARTI** Keadilan Rakyat (PKR) yakin dapat mempertahankan kerusi Parlimen Permatang Pauh dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 yang akan datang walaupun terpaksa berdepan dengan calon dari Pas.

Selain daripada itu, kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Penanti, Seberang Jaya dan Permatang Pasir juga dijangka mampu dikekalkan oleh Pakatan Harapan sekali lagi.

Keyakinan ini diluahkan oleh presidennya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail semasa meraikan lebih 5000 hadirin yang membanjiri Rumah Terbuka Parlimen Permatang Pauh dan Dun Seberang Jaya di padang Taman Pauh kelmarin.

16 Julai, Pas mengajurkan ceramah sempena pelancaran jentera pilihan raya Permatang Pauh dengan slogan "Pas tawan Permatang Pauh" yang membawa naib presidennya, Idris Ahmad menjadi penceramah utamanya.

Menurut Wan Azizah, kubu kuat PKR yang telah diterajui oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim akan tetap dipertahankan kerana ia merupakan tapak permulaan perjuangan reformasi sehingga berjaya menjadi ketakutan Umno dan Barisan Nasional (BN) hingga kini.

"Kemenangan PKR dan Pakatan Harapan adalah sesuatu yang amat menjadi harapan menggunakan rakyat yang inginkan perubahan."

"Rakyat semakin tertekan dengan pelbagai birokrasi, ketirisan, pemborosan dan kleptokrasi yang diamalkan oleh kerajaan pimpinan Umno dan BN kini."

"Oleh kerana itu kepimpinan yang menyiksa rakyat melalui pelbagai polisi mereka yang lemah dan menekan tidak harus dibiarkan berterusan," jelasnya.

## MB diminta batalkan perjanjian dengan Climate Protector

**PEMUDA** AMANAH Kelantan menyeru menteri besar Datuk Ahmad Yakob supaya mengaji semula seterusnya membatalkan perjanjian konsesi menguruskan hutan seluas 1 juta ekar selama 30 tahun yang dianugerahkan oleh Kerajaan Kelantan kepada Climate Protector Sdn Bhd (EcoBit).

Menurut memorandum yang dihantar mereka kepada MB Kelantan itu, ketuanya, Hazmi Hassan berkata, rakyat secara umumnya tiada masalah dengan projek Carbon Credit Trading ini, ia suatu projek yang baik demi kelestarian alam sekitar.

Bahkan, katanya, mampu menjana pulangan kewangan kepada negeri Kelantan, jika dilaksanakan dengan betul sebagaimana yang digariskan oleh Kementerian Sumber Asli



Hazmi menyerahkan memo kepada MB Kelantan rugi dengan integriti Climate Protector Sdn Bhd.

dan Alam Sekitar, Bank Negara Malaysia dan REDD+, UNDP serta UNFCCC.

"Walaubagaimanapun, kami meragui status keupayaan dan integriti syarikat Climate

Protector Sdn Bhd dan EcoBit yang memperolehi perjanjian ini, berdasarkan latar belakang syarikat ini yang diragui dari pelbagai aspek," katanya.

Tambah pula, kedua-dua

buah syarikat ini telahpun disenaraihitamkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai "unauthorised", dan salah seorang Board of Director kedua buah syarikat ini iaitu Tang Too Siah atau TS Tang, terlibat dalam kes penipuan wang melibatkan skandal BTC Panda, yang mengakibatkan kerugian berpuluhan juta ringgit di negara Indonesia dan Filipina.

Sehubungan itu, demi maruah dan integriti negeri Kelantan, mereka menyeru agar MB Kelantan membuat laporan polis terhadap Climate Protector Sdn Bhd, seterusnya memohon kepada pihak berkuasa agar membekukan sejumlah besar wang yang telah diperolehi oleh syarikat berkenaan, sehingga siasatan terhadap kes ini selesai.



# Mengurus unit harta tanah Bumiputera tidak terjual

**E**XCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Md Jaus Sardy baru-baru ini membuat kenyataan dalam The Star berhubung hasratnya untuk bertemu dengan Persatuan Pemaju Perumahan (REHDA) bagi mencari jalan penyelesaian ke atas lebih 80,000 unit lot bumiputera yang tidak terjual yang mana akhirnya menjasakan kedudukan aliran kewangan pihak pemaju perumahan.

Persoalan yang ingin dikemukakan adalah mengapa Kerajaan Johor tidak membeli unit-unit rumah murah atau mampu milik daripada 80,000 unit lot bumiputera yang tidak terjual tersebut dan dijual semula

kepada rakyat melalui Skim Sewa-Beli (Rent To Own-RTO) kepada rakyat berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40).

Ini kerana sebahagian mereka yang layak untuk membeli RMMJ tidak mempunyai pekerjaan tetap atau penyata kewangan yang lengkap. Jadi adalah sukar untuk mereka dapatkan pinjaman perumahan daripada bank.

RTO adalah pendekatan yang boleh memudahkan mereka memiliki rumah dengan menganggap bayaran sewa bulanan sebagai ansuran pembelian perumahan. Skim RTO boleh dibuat secara kerjasama dengan mana-mana bank. Skim RTO ini secara tidak

langsung akan meningkatkan bilangan rumah mampu milik di negeri Johor.

Kerajaan Johor boleh mendapatkan dana bagi menjayakan Skim Sewa-Beli (RTO) dengan menerbitkan bon atau sukuk jangka panjang dan menggunakan wang perolehan bon atau sukuk tersebut untuk membeli rumah-rumah murah atau mampu milik dan sewa-belikan (RTO) semula kepada rakyat kembali.

Bagi lot bumiputera yang tidak terjual yang bukan kategori RMMJ, Kerajaan Johor boleh menubuhkan Tabung Amanah Harta-harta Bumiputera di mana fungsinya adalah untuk membeli lot-lot bumiputera yang

**PENDAPAT  
SALAHUDDIN AYUB**



tidak terjual tetapi mempunyai lokasi yang strategik dan mempunyai jangkaan kenaikan nilai modal (*capital appreciation*) di masa hadapan.

Maknanya tabung amanah tersebut akan memegang harta tanah dan menjualkan kembali di masa hadapan bila mana ada pembeli bumiputera yang mampu untuk membelinya.

Sementara itu, lot bumi itu akan disewa-kkan sebelum dijual kepada pembeli bumiputera mengikut harga pasaran semasa ianya dijual.

■ **Salahuddin Ayub ialah Timbalan Presiden Parti Amanah Negara.**

## Sensitif, patuhi syarat anjur program hiburan

Oleh ARIF ATAN

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan negeri dan pihak berkaitan perlu sensitif dan mengambil kira pelbagai perkara berhubung pengajuran program hiburan, kata Ahli Jawatankuasa AMANAH Nasional, Mazlan Aliman.

Menurutnya, pertimbangan yang teliti setelah mengambil kira pelbagai pandangan harus dimuatkan.

"Keinginan dan selera anak muda kepada hiburan akan terus berkembang. Apa pun namanya, ia terus hidup dan segar."

"Kena faham dunia mereka. Yang penting bagaimana acuannya," ujarnya mengulas kontroversi kehadiran penyanyi rock Awie di Kelantan baru-baru ini.

Beliau berkata, pemilihan artis dan garis panduan diikuti adalah antara elemen utama yang diambil kira.

Mengimbang pengalamannya sebagai Naib Ketua Dewan Pemuda Pas Pusat pada 2005, Mazlan berkata, Almarhum Tuan Guru Nik Aziz bukan sahaja merestui bahkan menonton Konsert Tautan Kasih yang berlangsung di Padang Perdana Kota Bharu selepas solat Isyak itu.

"Fenomena Mawi selaku juara



**MAZLAN ALIMAN**

Akademi Fantasia ketiga, juga kehadiran M. Nasir, Akhil Hayy, Rabani dan Mestika telah menggambarkan kehadiran lebih 40,000 pengunjung khususnya anak muda yang dahagakan hiburan.

"Saya dan beberapa orang Exco Pemuda Pas Pusat serta Pemuda Pas Kelantan mengadakan beberapa siri perbincangan ekoran kontroversi dan bantahan beberapa pihak termasuk dalam parti sendiri.

"Saya amat gembira dengan keterbukaan Tok Guru Nik Aziz mengenai konsep hiburan alternatif yang Pemuda Pas mahu jayakan," jelasnya dipetik daripada catatan Facebook beliau.

Walau bagaimanapun, Mazlan

berkata, pada masa sama enakmen hiburan dan dasar Kerajaan Negeri Kelantan mengenai syarat-syarat mengadakan program berunsur hiburan dipatuhi.

"Garis panduan seperti pengasingan lelaki perempuan, dibuat selepas Solat Isyak, lagu yang tidak berunsur lucu dan muzik yang tidak melampau antara syarat yang diputuskan sebelum kelulusan oleh Kerajaan Negeri.

"Alhamdulillah, langkah berani Kerajaan Kelantan dengan melalui proses yang ketat telah membuktikan hasil. Liputan dan ulasan media sangat positif. Mawi menjadi ikon anak muda dengan imej bersih," ujarnya lagi.

## Amanah gesa Raus tolak lanjut khidmat ketua hakim

Oleh HAZAYANI ZAKARIA

**KUALA LUMPUR:** AMANAH mempertikai lanjutan tempoh perkhidmatan Ketua Hakim Negara Tan Sri Md Raus Sharif dan lantikannya sebagai hakim tambahan Mahkamah Persekutuan.

Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH Nasional Mohamed Hanipa Maidin menjelaskan, Perkara 122 (1A) tidak memberarkan seorang bekas ketua hakim menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan pelantikan hakim tambahan yang akan berkuat kuasa selepas beliau bersara.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri, pelantikan Tan Sri Md Raus Sharif dan Tan Sri Zulkefli Ahmad Maknudin sebagai hakim tambahan Mahkamah Persekutuan setelah masing-masing mencapai umur 66 tahun dan 6 bulan adalah atas sembah cadangan dan nasihat Ketua Hakim Negara pada ketika itu, Tun Arifin Zakaria, kepada Yang di-Pertuan Agong pada 30 Mac 2017 sebelum Yang Amat Arif bersara.

"Kenyataan ini silap dari segi undang-undang. Kita lihat kepada Fasal (1A) Perkara 122 Perlombongan Persekutuan yang mengatakan bahawa memang Yang di-Pertuan Agong boleh melantik hakim tambahan selepas mendapat nasihat daripada ketua hakim negara.

"Tapi yang saya hairan kenapa dia kata pelantikan setelah mendapat sembah daripada Tun Arifin. Tun Arifin dah bersara. Apabila dah bersara dia bukan ketua hakim negara lagi."

"Tiba-tiba kerajaan kata pelantikan Tan Sri Md Raus sebagai hakim tambahan atas nasihat ketua hakim. Tun Arifin bukan ketua hakim lagi," katanya pada sidang media di Wisma Amanah Negara, baru-baru ini.

Beliau menegaskan, AMANAH tidak mempertikai keputusan kerajaan mengekalkan Raus dan Zulkefli yang dibuat mengikut Perkara 122B(1)

## Teresa terima pampasan RM350,000 kerana ditahan ISA

**PUTRAJAYA:** Naib Pengerusi Kebangsaan DAP Teresa Kok menerima ganti rugi RM350,000 selepas kerajaan didapati tersalah menahaninya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 2008.

Mahkamah Persekutuan menolak rayuan kerajaan yang mencabar keputusan membayar ganti rugi itu kepadanya kerana ditahan tanpa alasan munasabah di bawah akta drakonian yang telah dimansuhkan

parlimen pada 2011.

"Permohonan ini ditolak. Undang-undang itu telah diselesaikan," kata Ketua Hakim Sabah dan Sarawak Tan Sri Richard Malanjum.

Beliau membaca keputusan sebulat suara tiga panel, dengan kos RM10,000.

Mahkamah mendengar permohonan kerajaan untuk memohon kebenaran merayu bagi keputu-

san Mahkamah Rayuan pada Julai tahun lalu.

Mahkamah Rayuan membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak tuntutan saman Teresa dengan hujah pihak berkuasa tiada asas kuat menahnanya.

Mahkamah tersebut memutuskan RM350,000 diberikan kepada Ahli Parlimen Seputeh selepas ditahan secara salah selama tujuh hari bawah akta itu.



**HANIPA MAIDIN**

# Minda Pengarang

## Pakatan Harapan perlu pulih kehidupan rakyat

**WALAUUPUN** kelihatan suasana meriah sambutan Aidilfitri dengan majlis raya dan kunjung-mengunjungi antara saudara-mara dan sahabat handai, tetapi jauh di sana duka nestapa rakyat terhadap kenaikan harga barang semakin terasa.

Baik di bandar maupun di luar bandar, rasa tertekan di kalangan rakyat baik di kalangan berpendapatan rendah maupun sederhana semakin jelas kelihatan. Harga makanan yang naik mendadak, malah dilihat tidak munasabah sangat dirasakan oleh rakyat.

Barang keperluan yang lain juga begitu, ditambah dengan tanggungan ibu bapa terhadap belanja persekolahan anak, sewa rumah atau flat sangat membebankan, sedangkan nilai wang yang dibawa pulang dari tempat kerja semakin mengecil dan terus mengecil.

Dalam masa yang sama, semakin banyak syarikat yang tutup, atau pindah operasi di negara lain, kerana tidak tertahan akan beban cukai dan karenah birokrasi, malah rasuah yang terus meningkat.

Ini menyebabkan jumlah pengangguran semakin bertambah di kalangan rakyat.

Tidak seharupun yang tidak kedengaran rungutan dan keluhan rakyat terhadap kehidupan yang dirasakan terus-menerus menghimpit mereka.

Semakin mengecil nilai wang yang ada di tangan mereka ketika ke kedia biasa atau ke pasar. Dengan nilai wang yang ada di tangan mereka itu, seperti tidak tercapai akan harga ikan yang begitu mahal. Begitu juga harga daging, ayam, sayur-sayuran dan barang lain yang ada di kedai dan di pasar.

Tetapi bagaimanapun susahnya, kehidupan mesti diteruskan. Ini tekanan hidup yang kelihatan berterusan. Di sinilah kiranya rakyat menaruh harapan jika selepas pilihan raya umum ini akan ada

perubahan.

Rakyat yang mengikuti perkembangan, merasakan di sinilah gabungan mega pembangkang Pakatan Harapan - boleh memberikan jaminan untuk memulihkan ekonomi rakyat ini jika mereka menang dalam pilihan raya umum kali ini.

Maka itu, manifesto Pakatan Harapan, seperti disebut berulang kali, perlulah memberi fokus utama terhadap ekonomi rakyat, supaya mereka dapat memulihkan kembali kehidupan mereka.

Di sinilah, nampaknya, mereka menunggu-nunggu program ekonomi Pakatan Harapan dan tentunya sadar ada dalam perkiraan Pakatan Harapan. Kini Pakatan Harapan sedang mengadakan jelajah dari negeri ke negeri yang akan berakhir September ini.

Diharapkan dalam jelajah menemui rakyat itu, bukan saja akan menerangkan mengenai isu 1MDB dengan segala angkaranya, tetapi juga sangat wajar mendedahkan program pemulihran ekonomi rakyat jika Pakatan Harapan berkuasa selepas PRU14.

Memang jika wang 1MDB itu digunakan untuk rakyat, sudah tentu dapat memberi pertolongan besar kepada mereka dalam meneruskan kehidupan. Tetapi yang berlaku telahpun berlaku dan kerosakan kerananya terlalu besar.

Maka itu bentuk penerangan dalam jelajah seluruh negara itu perlulah dalam bahasa yang mudah dan meyakinkan rakyat. Ini supaya mesej yang hendak disampaikan benar-benar sampai kepada sasaran.

Kita optimis dan gembira, justeru Pakatan Harapan telah mengorak langkah yang penting dalam usaha untuk membela rakyat, walaupun belum berkuasa. Kita yakin usaha mulia ini akan diteruskan dan berjaya.

## Pertahan kewibawaan institusi mufti

**INSTITUSI** mufti berperanan menasihati pemerintah dalam persoalan berkaitan agama dan hukum syarak. Institusi ini begitu mulia dan dihormati kerana dipimpin oleh tokoh ulama yang diiktiraf kewibawaan ilmunya.

Dengan kewujudan institusi ini, rakyat mendapat manfaat yang tidak ternilai kerana peranannya yang sangat berkesan membimbing masyarakat dalam kehidupan beragama.

Namun begitu, sedikit demi sedikit, kewibawaan institusi itu tercemar apabila Umno bertindak mengheretnya supaya bersuara untuk mengalah perhatian rakyat daripada memberi tumpuan kepada penyelewengan yang dibuat oleh pemimpinnya.

Tindakan Umno ini boleh menghakim dan menjelaskan penghormatan rakyat terhadap kewibawaan dan kemuliaan institusi berkenaan.

Rakyat perlu bersuara untuk membebaskan institusi mufti daripada cengkaman kerakusan pemimpin Umno. Institusi itu mesti bebas untuk menegur, memperbaiki serta membentulkan apa-apa kepincangan yang dibuat oleh pemimpin tanpa berasa terancam.

Institusi mufti perlu dilihat sebagai



Pencerahan Mingguan  
**TANWEER USBU'II**  
USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN  
Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH

institusi yang berwibawa dan tidak tunduk kepada penguasa yang melantik mufti. Institusi ini bukan sekadar dirujuk ketika diperlukan sahaja, tetapi mempunyai upaya menegur bahkan mengkritik pen-

banyak lagi institusi lain terjejas fungsinya kerana campur tangan pemimpin Umno.

Kini, campur tangan sebegitu mula menjangkiti institusi mufti pula. Situasi ini membahayakan masa depan negara.

Rakyat diseru supaya bersuara mempertahankan institusi mufti daripada terus diperlakukan oleh pemimpin Umno untuk menutup penyelewengan yang mereka lakukan.

Institusi mufti adalah institusi yang wajib dipertahankan wibawanya un-

**“...Institusi ini bukan sekadar dirujuk ketika diperlukan sahaja, tetapi mempunyai upaya menegur bahkan mengkritik penguasa jika berlaku penyelewengan dan salahguna kuasa.”**

guasa jika berlaku penyelewengan dan salahguna kuasa.

Di bawah Umno-BN, institusi penting negara seperti SPRM, Jabatan Peguam Negara, SPR, PDRM dan

tuk terus bersuara dan membimbing rakyat supaya teguh beragama demi pembentukan sebuah negara yang harmoni dan sentosa.

**“Rasuah dan salah guna kuasa tidak mengenal siapa pelakunya. Boleh jadi yang melakukan perkara tersebut mereka yang bergelar Ustaz atau ahli politik daripada Parti Islam yang berselindung disebalik nama agama. Menghalalkan tindakan mereka ini adalah satu perbuatan yang sangat jijik.”**

**Sekalipun serban yang dililit tiga jengkal diatas, tanpa taqwa kepada Allah mereka tidak lagi takut untuk melakukan perkara yang bercanggah dengan agama. Semoga kita semua dijauhkan daripada pelakuan sebegini.”**



**USTAZ AHMAD AWANG**

PENASIHAT UMUM AMANAH



# Tempoh memanjang, ingatan memendek

SAYA terganggu apabila ter-nampak ulasan bahawa pembangkang sebenarnya menjaja isu lapuk jikalau membangkitkan kes Altantuya, Teoh Beng Hock dan sebagainya. Lebih-lebih lagi, apabila sesetengah daripada penyokong pembangkang juga termakan dengan propaganda sedemikian. Lama-kelamaan, pembangkang dituduh mengeksplorasi saki-baki nilai yang ada pada mangsa untuk dijadikan modal politik.

Saya tidak menolak wujudnya politikus pembangkang yang mengerah simpati massa dengan kezaliman yang berlaku ke atas mangsa. Memang sukar untuk kita bezakan, siapa yang berjuang dengan tulus hatinya untuk menegakkan keadilan, dan siapa pula yang menghangatkan semula isu ini untuk meraih keuntungan politik.

Namun persoalan yang lebih besar, apakah isu ini telah diselesaikan? Apakah kita telah mengetahui motif di sebalik pembunuhan Altantuya oleh tertuduh Azilah Hadri dan Sirul Azhar Umar yang tidak mengenali Altantuya sebelum ini? Adakah suspek yang bertanggungjawab ke atas kematian Teoh Beng Hock telah dikenalpasti, disiasat, dihadap ke muka pengadilan dan dijatuhi hukuman yang setimpal?

Persoalan-persoalan asas ini



**Siang-Malam**  
Lim Hong Siang

langsung tidak dijawab, dan kekal tidak terjawab. Ia dibiarkan supaya masa membunuh kemusyikan dan kesiansian hari demi hari. Kalau ditanya orang awam pada ketika kes itu heboh diperkatakan, semuanya celik dan berkata, sengaja kerajaan Barisan Nasional menangguh-nangguhkan prosesnya, supaya rakyat melupakannya. Namun rakyat yang celik ini jugalah yang akhirnya jemu apabila isu-isu ini diungkit berulangan.

Apakah isu ini tamat di situ? Anak Altantuya masih terpinggiring ke mana ibunya pergi. Bapa Altantuya masih mengeluh setelah penat bermarahan.

Bagaimana dengan anak mendiang Beng Hock, yang langsung tidak pernah menemui wajah ayahnya sejak dilahirkan? Menurut satu wawancara bersama Teoh Lee Lan pada tahun 2014, anak mendiang Beng Hock cuma mengenali ayahnya dengan potrait yang

tertera pada baju "Keadilan Untuk Beng Hock".

Apabila ditanyakan, ke manakah ayah kamu? Dia sekadar menjawab, ayah saya sudah mati, tanpa dia sendiri faham apakah maksud mati. Untuk anak mendiang Beng Hock, ia sekadar satu jawapan, tidak berbeza jika dia menjawab ibu saya pergi kerja, apabila ditanya ke mana ibu kamu.

Kesengsaraan yang tercetus lantaran kehilangan kedua-dua nyawa ini terus menular, memberi kesan kepada keluarga masing-masing, sungguhpun isunya semakin dingin. Ia bagi luka yang tidak dibalut untuk menghentikan darahnya. Ia dinafikan, dibiarkan, dan akhirnya bernanah.

Khalayak ramai disibukkan dengan isu-isu baru yang lebih hangat, dan isu yang belum selesai ini dibiarkan dingin dan basi. Semakin lawan semakin bersendirian, barangkali inilah yang dirasakan keluarga mendiang. Akhirnya kemenangan milik sang penguasa yang melakukan kezaliman.

Demikianlah hakikatnya. Untuk sesiapa yang masih berhati perut, semestinya rasa bersalah. Memang kebanyakannya kita kepenatan kerana isu yang muncul tidak habis-habis. Namun, persoalan yang lebih besar di sebaliknya adalah, bagaimana sang penguasa

boleh memanipulasikan ingatan sesebuah masyarakat untuk memenuhi kepentingannya.

Dengan jentera yang dikuisainya, dari institusi kehakiman, pasukan polis, hingga media, menjahah boleh berlaku tanpa penjenayah. Ingat lagi bagaimana isu Altantuya cuba dipadamkan dari media ketika ia terdedah? Kes yang begitu sensasi, sarat dengan unsur seks, keganasan, pergolatan kuasa, tetapi dilaporkan seringkas mungkin. Bahan bukti misalnya SMS daripada Najib kepada Shafee Abdullah berhubung tertuduh ketiga Razak Baginda, di-irrelevantkan.

Segala-galanya berjalan dalam keadaan terkawal. Tiada motif pembunuhan, yang ada cuma motif untuk menyembunyikan motif pembunuhan.

Begitu juga dengan kes Beng Hock. Sungguhpun diakhiri dengan keputusan Mahkamah Rayuan pada September 2014, bahawa kematianya itu akibat tindakan menyalahi undang-undang oleh seorang atau beberapa orang yang tidak dikenali, namun, setelah tiga tahun berlalu, mengapa suspek yang terbabit masih tidak dikenalpasti, disiasat, ditahan dan dihadap ke muka pengadilan?

Malah dengan kuasa yang terpusat dalam tangan, kes gajah

sebesar 1MDB pun boleh di-irrelevantkan! Ia sedang berlangsung, dengan wang berbilion-billion disonglap, disiasat oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (yang bekerja mengikut telunjuk Anwar Ibrahim dari penjara Sungai Buloh), menghiasi muka depan akhbar di negara asing – tetapi tidak menjadi kes di Malaysia!

Jikalau fenomena ini dibiarkan, sudah tentu penguasa tidak takut untuk melakukan kesalahan pada masa depan. Kerana mereka akan diselamatkan masa, selain jentera negara yang dikuasainya. Walau pun rakyat mungkin meluap-luap apinya pada permulaan, tetapi kemarahan mereka akan mereda mengikut masa.

Apabila tempohnya memanjang, ingatannya pula yang akan memendek. Betapa besar sekali satu-satu isu, jikalau dilengah-lengahkan, ditangguh-tangguhkan, disenyap-senyapkan, ia akan mendingin, basi, lapuk dan akhirnya menjadi bukan isu.

Sesungguhnya kita tidak berkuasa, tetapi kita memiliki ingatan. Selagi kita ingat, kita tidak pasrah. Kita lawan dengan ingatan. Untuk kes yang belum terjawab, kitalah jawapannya.

## Bila Husam dicadang Menteri Besar Kelantan selepas PRU14



SENYUMNYA sentiasa menyerasih, jabat tangannya sentiasa erat dengan wajah yang sangat segar dan menjanjikan.

Dia berada di tengah pusaran politik tanah air, bukan saja di peringkat negeri Kelantan, tetapi juga di peringkat nasional, watak yang lincah tetapi berstrategi.

Itulah dia Dato' Paduka Husam Musa atau Sdr Husam seperti sering disebut. Seorang tokoh politik tanah air yang tidak habis-habis diperkatakan dan memperkatakan, justdru dia penuh dengan ledakan politik dengan pandangan dinamiknya yang sering mempesona dan mengejutkan. Politiknya *versatile*.

Baru-baru ini, Husam dicadangkan menjadi Menteri Besar Kelantan jika Pakatan Harapan berkuasa selepas PRU14. Yang mencadangkan ialah pemimpin utama DAP, Lim Kit Siang ketika berada di Kota Bharu.

Ribut pun dalam dunia politik pun terjadi. Pertama kerana yang mencadangkan nama Husam itu

ialah pemimpin DAP, kedua tokoh yang dicadang bernama Husam, Kedua-dua entiti itu ialah musuh Pas dan musuh Umno. Maka serangan pun bertali-talu tidak habis-habisnya itu dengan pelbagai hujah; lucu, malah menyerlahkan sebuah kebodohan.

Pada hal itu hanya cadangan dari tokoh DAP, itu pun jika Pakatan Harapan menang. Apa salahnya sebuah cadangan, bukan datang dari AMANAH, yang mana Husam naib presidennya.

Ada lagi yang lebih melucukan ialah ulasan mengatakan cadangan menamakan Husam MB Kelantan itu bukan datang dari Pakatan Harapan. Memang bukan datang dari Pakatan Harapan kerana terlalu awal, PRU14 pun

belum diadakan lagi.

Itu hanya cadangan dari Lim Kit Siang, tokoh DAP, maka ia mencecahkan keributan yang tidak perlu, malah kepelikan yang didorong oleh kebencian politik.

Namun apapun yang menjadi keributan, Husam tetap "walking tall" – berdiri gagah di persada politik tanah air. Dia tidak akan terkalahkan dalam apa suasana pun, justeru dia memiliki pemikiran yang tajam, *critical thinking* dan berstrategi serta tabah.

"Husam budak cerdik," kata Allahyarham Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Memang dia lah orang kepercayaan dan harapan Tuan Guru.

Husam lahir pada 14 Oktober 1959, bekas Naib Presiden Pas dan dipecat tahun lalu. Menjadi Adun Salor, Kelantan sejak 2008. Sebelum itu Adun Kijang.

Pernah menjadi Ahli Parlimen Kubang Kerian. Dia bertanding di kerusi Parlimen Putrajaya dalam PRU13 tetapi kalah.

Husam lahir di Kampung Kota,



Kelantan. Bersekolah rendah dan menengah di Kota Bharu. Melanjutkan Pelajaran di Maktab Sultan Ismail. Beliau mendapat ijazah ekonomi dari Universiti Malaya, pernah belajar Bahasa Arab di Jordan.

Husam menjadi Setiausaha Akhbar Tuan Guru Nik Aziz, kemu-

dian menjadi Setiausaha Politik Tuan Guru.

Itulah Husam. Saya mengenalinya lama, Daya intelektualnya tinggi, rajin membaca, ada perpustakaan sendiri. Apabila saya dataang membeli buku di kedai Alam Raya di Kuala Lumpur, beliau sering membayarnya dan kami sering bertemu apabila Husam ada di ibu kota atau ketika saya berrada di Kota Bharu.

Husam kini berada di tengah Parti Amanah Negara, menjadi naib presiden di peringkat nasional dan penasihat di Kelantan.

Tokoh dinamik ini diharapkan akan mengambil peranan penting memperkuat lagi bukan saja kedudukan AMANAH, bahkan memperkuat Pakatan Harapan. Ini kerana hanya Pakatan Harapan yang dilihat mampu berdepan dengan Umno-BN dalam PRU14.

Husam beransur-ansur menjadi sebuah legasi dalam politik Malaysia. Kehadirannya sangat dirasakan dan menjadi tokoh yang sangat dirasakan kehadirannya.

# Lebih 20,000 rakyat Melaka hadiri rumah terbuka PPBM

MELAKA: Laungan "Bersatu Kita... Bersatu Kita... Bersatu Kita..." disambut dengan sorakan lebih 20,000 ahli dan penyokong Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dalam Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri yang diadakan di Shah Beach Resort, Tanjung Keling, dekat sini, 9 Julai lalu.

Pengerusi Negeri PPBM Melaka Mohd Radzuan Yusof ketika berucap berkata, semangat membara untuk berjuang mengubah kerajaan BN kepada Pakatan Harapan mendorong pihaknya bertungkus lumus mendakwa persiapan majlis dalam tempoh tiga minggu.

"Alhamdulillah dalam tempoh singkat itu dan pelbagai halangan kita hadapi, akhirnya kita berjaya menganjurkan rumah terbuka peringkat nasional di negeri ini," ujarnya.

Beliau turut menyeru rakan-rakan parti dalam Pakatan Harapan untuk bersama berkongsi ilmu, pengalaman, perancangan bagi bersama menarik lebih ramai ahli.

Rumah terbuka Aidilfitri itu diserikan dengan kehadiran Pengerusi PPBM Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Ali, Presiden Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Norainee Abdul Rahman, Ketua Srikandi Rina Mohd Harun, Ketua Armada Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dan Ahli-ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Pusat.

Ketua-ketua bahagian PPBM seluruh negara turut hadir.

Antara pemimpin parti rakan Pakatan Harapan yang hadir ialah Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Pengerusi AMANAH Melaka Adly Zakaria dan barisan kepimpinan AMANAH negeri.

Turut hadir Pengerusi DAP Johor Liew Chin Tong, Pengerusi DAP Melaka Teh Kok Kiew dan para pemimpin DAP Melaka semua peringkat manakala Keadihan diwakili Pengerusi Keadihan Melaka Shamsul Iskandar Mohd Akin dan barisan kepimpinannya.

Majlis rumah terbuka itu juga dikejutkan dengan sambutan ulang tahun kelahiran Tun

**Mohd Radzuan Yusof**



Antara pemimpin parti komponen Pakatan Harapan yang hadir.



Dua tunggak utama PPBM, Muhyiddin dan Tun Mahathir menceriakan Rumah Terbuka Aidilfitri Nasional PPBM di Melaka.



Tun Mahathir dan hadirin mengaminkan doa sebelum memotong pulut kuning.



Menerima cenderahati daripada wakil PPBM negeri.

Mahathir yang ke-92.

Tun Mahathir dijemput memotong pulut kuning dengan nyanyian selamat hari lahir oleh para hadirin.

Ketika berucap, Tun Mahathir berkata kehadiran rakyat pelbagai kaum di majlis rumah terbuka itu menunjukkan hubungan antara kaum di negara ini amat baik.

Rakyat, ujarnya berkongsi kemakmuran negara secara adil sehingga Malaysia dilihat lebih aman berbanding negara Islam lain yang menghadapi perperangan saudara.

"Mereka cuma berusaha untuk dapat hidup sahaja, nak berpuasa pun susah, nak dapat bekalan makanan pun susah. Sebaliknya (di Malaysia) kita telah memerintah secara adil kepada orang Islam dan

bukan Islam.

"Saya masih ingat Tunku Abdul Rahman datang ke Melaka untuk menentukan tarikh kemerdekaan. Atas desakan pemuda tarikh itu dipercepatkan dua tahun dan kita merdeka pada 1957.

"Malangnya perdana menteri hari ini tidak memberi tumpuan yang adil sebaliknya menekan rakyat," kesal beliau.

Menurut bekas Presiden Umno itu, walaupun rakyat gembira dapat berhari raya bersama dalam keadaan sempurna, namun mereka mempunyai tugas berat untuk menentukan negara kembali diperintah oleh orang yang bertanggungjawab dan tidak menyalahgunakan kuasa.

"Parti PPBM tidak bergantung kepada pemimpin tetapi PPBM mampu berjuang untuk menyelamatkan negara kita," ujarnya yang mendapat tepukan gemuruh hadirin.

Berucap di majlis yang sama, Setiausaha Agung PPBM Datuk Dr Shaharuddin Md Salleh berkata, kehadiran rakyat negeri Melaka yang di luar jangkaan dalam majlis rumah terbuka itu memberikan petunjuk kepada sokongan rakyat negeri ini kepada Pakatan Harapan.

"Dengan tanda (kehadiran penyokong) begini yang amat menakjubkan dan baik sekali, ini petunjuk negeri ini berpotensi untuk ditakluki Pakatan Harapan," ujarnya.





Dhafir Holiday Travel & Tours Sdn Bhd  
دفرهولیداچ تورز سعدی برماز بحد

# JOM UMRAH

BERSAMA USTAZ AHMAD AWANG

**HARGA:**

**RM7000 - RM9000**

**TARIKH:**

**NOVEMBER @ DISEMBER**

**PENGINAPAN:**

**HOTEL MADINAH:  
SARAYA TABA @  
MUBARAK  
SILVER @ SETARAF  
HOTEL MEKAH:  
HILTON TOWER (50M)**

**PENERBANGAN:**

 **SAUDI ARABIAN AIRLINES**





**TEMPAH SEGERA!!**  
UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:  
011-32334322 (EN HAKIM)

# 'Apa yang Mazlan bimbangkan jadi nyata'

Oleh ARIF ATAN


**TAK** tumbuh tak melata. Tak sungguh orang tak kata. Kebimbangan Pengurus Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak), Mazlan Aliman lebih lima tahun lalu tentang nasib peneroka Felda yang tertindas sudah terbukti kini terbentang di depan mata.

Generasi ketiga peneroka Felda Gedangsa, Syafiq Musa, mengakui hal tersebut dengan kemuncaknya penubuhan Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) yang kemudian dipengerusikan Tan Sri Isa Samad.

Ketika peneroka dihimpit kadar faedah tinggi bagi pinjaman sara hidup yang mencapai 6.25 peratus, mereka pada masa sama dibebani pula dengan potongan sebanyak RM50 setiap bulan untuk urus niaga FGV.

Ironinya, ujar beliau, menjelang Aidilfitri tahun ini, peneroka diberi sumbangan RM180 walhal mereka telah mengeluarkan sebanyak RM600 untuk tempoh setahun.

"Kita pun maklum saham FGV jatuh merdu. Apa yang Mazlan bimbangkan dulu ber-



Peneroka kecewa syarat dalam Perjanjian Tanam Semula cenderung menjerat mereka dalam kitaran hutang.

JADUAL 2

KADAR SEMASA TERKINI

BAVARAN	KADAR SEMASA	KLAUSA
Kos Pembangunan Semasa Terkini		
i. Sawit	RM 10,000.00 /hektar	4 (a) & (b)
ii. Getah	RM 9,230.00 /hektar	4 (c)
Kos Pengurusan	RM 10.00 /ekar /bulan	8
Caj Perkhidmatan	6.25%	14 (g)
Caruman Tabung Tanam Semula	RM 12.00 /ekar /bulan	14 (f)
Tabung Pemulihian Ladang	RM 10.00 /ekar /tahun	14 (f)
Jalan Pertanian	RM 3.00/ekar /bulan	14 (f)

\*Pindaan kadar semasa terkini tertakluk kepada perubahan dasar FELDA

Peneroka dibelenggu caj kadar faedah yang tinggi selain pelbagai bayaran tetapi hasilnya tidak dikembalikan manfaatnya.

Iaku pada masa sekarang. Mazlan yang sebaya dengan ayah saya itu sudah lama sebut.

"Peneroka terikat dengan pelbagai jenis hutang. Betullah apa yang Mazlan tulis. Dulu Felda tolong peneroka tetapi sekarang tidak. Isi buku itu kena dengan rata-rata peneroka.

"Kalau isu FGV ini awal-awal lagi ditangani, pendidasan ke atas peneroka tidak berlaku," kata anak muda berusia 28 tahun berkenaan ketika ditemui akhbar mingguan Amanah baru-baru ini.

Syafiq masih ingat lagi betapa berangnya penyo-

kong Umno termasuk menghambur kata-kata makian menghalang kehadiran Mazlan di Felda Sungai Tengi menjelang Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) lalu.

"Saya masa itu Ketua Unit Amal Hulu Selangor, jaga keselamatan Mazlan. Saya dan kawan-kawan susun strategi bagaimana hendak juga bawa masuk Mazlan masuk Felda Sungai Tengi," ujarnya mengimbas pengalaman empat tahun

lalu. Sehubungan itu, Syafiq menyeru generasi anak pen-eroka bangkit menyuarakan hak mereka agar pengurusan Felda lebih telus termasuk menuntut butiran terperinci hutang yang ditanggung.

"Kita bersuara sebab kita sayangkan Felda bukannya menyokong pembangkang semata-mata. Selagi diam, kita terikat dengan Felda. Bila peneroka asal mati, waris sambung bayar hutang," katanya.

Beliau juga berharap Felda tidak mengabaikan suara pen-eroka dengan memastikan jawatan melibatkan kepentingan peneroka dibuka kepada pemilihan umum seperti sebelum ini.

"Jawatan-jawatan yang ada dalam Felda seperti Jawatankuasa Pengurusan Rancangan (JKKR) berbeza zaman datuk saya jadi peneroka. Lebih 10 tahun lalu ketara suara peneroka dipencilkkan.

"Sebelum itu, orang yang boleh buat kerja dipilih, bantu peneroka tingkatkan hasil, bagi kebun cantik, tahu maksimumkan hasil. Hari ini jawatan itu dilantik lantas beracak bagi kepentingan Felda bukan hak peneroka. Apa Felda cakap angguk saja," luahnya lagi.

## ISU YANG MENJERUT PENEROKA

1. Peneroka dibelenggu caj kadar faedah yang tinggi selain pelbagai bayaran tetapi hasilnya tidak dikembalikan manfaatnya.
2. Syarat-syarat dalam Perjanjian Tanam Semula Kali Kedua dan Pengurusan Kebun antara Felda dan peneroka didakwa lebih banyak menyebelahi anak syarikat Felda iaitu Felda Technoplant Sdn. Bhd. (FTP).
3. FTP yang dilantik untuk menguruskan kebun peneroka gagal memastikan kerja-kerja tanam semula termasuk membaja dan meracun sehingga menuai hasil diurus mengikut jadual sepatutnya sekaligus merencatkan mutu minyak sawit yang dihasilkan.
4. Hasil potongan Caruman Tabung Tanam Semula, Tabung Pemulihian Ladang dan Jalan Pertanian pada setiap bulan dan bagi setiap ekar kebun yang dikenakan tidak dikembalikan manfaatnya kepada peneroka.
5. Tiada mekanisme daripada segi teknologi penternakan antara kerajaan negeri dan Felda dalam membantu peneroka yang menternak lembu dan kambing menyebabkan binatang terbabit berkeliaran di jalan raya.
6. Projek Perumahan Generasi Baharu Felda (PGBF) di Felda Sungai Tengi Selatan terbengkalai walaupun dirasmikan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim pada 2012.
7. Peluang pekerjaan kepada generasi baharu Felda yang terhad menyebabkan mereka terpaksa mencari rezeki jauh dari tanah rancangan.



Generasi baharu Felda tertanya-tanya status sebenar projek yang sudah lima tahun dirasmikan.

# Anak muda Felda semakin celik politik

Oleh ARIF ATAN

**T**ERASA Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) seperti esok lusa sahaja sebaik melihat bendera AMANAH berkibar megah di persimpangan jalan utama menuju ke Felda Gedangsa di Hulu Selangor minggu lalu.

Tanah rancangan yang dibuka sekitar tahun 1960-an sekaligus antara yang terawal dibuka di Selangor itu terletak di kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Hulu Bernam. Turut berada di Dun sama adalah Felda Soeharto, Sungai Tengi dan Sungai Tengi Selatan.

Berkesempatan menemui generasi ketiga di Felda Gedangsa, Syafiq Musa, akhbar mingguan Amanah difahamkan tentang tahap kesedaran politik yang berbeza mengikut kumpulan usia.

Secara umumnya, beliau memberitahu golongan tua masih "terhutang budi" dengan Felda sehingga sukar untuk mereka melakukan perubahan dengan menggantikan parti pemerintah sedia ada.

Tidak hairanlah sebelum ini, empat penempatan Felda yang bersempadan dengan negeri Perak itu tidak pernah berjaya diusik oleh mana-mana parti pembangkang.

"Undi dalam Dun Hulu Bernam, deposit Umno sahaja lebih kurang 3,000 undi. Jadi, mana-mana parti pembangkang sukar untuk mendapat tempat.

"Namun, kita tidak boleh jangka keadaan itu akan berterusan dengan syarat gerak kerja dan penerangan isu semasa diteruskan dari semasa ke semasa. Penerimaan masyarakat itu yang kita mahu," ujarnya.

Walau bagaimanapun, katanya, isu nasional tidak begitu menyengat di hati pengundi tempatan.

"Walaupun di Kuala Lumpur hangat



Syafiq (kanan) ketika memberi penjelasan ketika lawatan pejabat daerah dan tanah bersama wakil parti politik menjelang PRU13 lalu.

isu 1MDB, rasuah sehingga DoJ (Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat). Masyarakat Felda umumnya sukar untuk berubah.

"Mereka tahu berlaku penyelewengan itu, salah guna kuasa ini tetapi untuk berubah sukar sebab terhutang budi pada Felda dan Umno.

"Jadi, generasi baharu peneroka bertanggungjawab untuk memastikan Felda tidak tergadai akibat FGV serta salah guna kuasa pemimpin dan pegawai atasan.

"Apa yang boleh kita harap generasi kedua dan ketiga untuk meneliti apa yang kita bangkitkan demi masa depan Felda bukan politik kepartian semata-mata," ujarnya yang masih memegang jawatan Ketua Pemuda Pas Cawangan Gedangsa.

Beliau turut memegang jawatan

Timbalan Pengurus Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) Cawangan Gedangsa dan pada masa sama banyak terlibat dalam aktiviti Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak).

Tidak memegang mana-mana jawatan dalam AMANAH walaupun banyak terlibat dengan program parti, Syafiq mengakui buat masa ini lebih selesa bergerak dalam badan bukan kerajaan (NGO).

Pernah ditawarkan jawatan Pengurus Generasi di peringkat Hulu Selangor iaitu satu NGO yang ditubuhkan Pas bagi menggantikan Anak, beliau terpaksa menolak memandangkan baginya dasar Anak masih tidak berubah.

"Saya tidak terima (jawatan itu) kalau niat asal Generasi

hendak melawan Anak. Walaupun Mazlan masuk AMANAH, dasar Anak masih demi kepentingan peneroka Felda," ujarnya yang pernah menjadikan halaman rumahnya sebagai tempat program Anak awal tahun ini.

Ditanya tentang sambutan masyarakat tempatan terhadap AMANAH, Syafiq berkata, parti bertemakan

warna jingga itu lebih dikenali walau pun ada yang mendakwa Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) mendapat sambutan warga Felda.

"Di Dun Hulu Bernam ini sahaja, masyarakat Felda lebih kenal AMANAH yang kerap turun ke lapangan dengan pelbagai program kebajikan. AMANAH pun ambil pendekatan sesuai dengan persekitaran masyarakat setempat.


"Penerimaan masyarakat setakat ini Alhamdulillah. Gerak kerja AMANAH Hulu Selangor dalam hal kebajikan dan memperkenal parti berjalan lancar tiada halangan," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau yakin kesedaran politik untuk berubah dalam kalangan generasi kedua dan ketiga peneroka Felda semakin meningkat.

"Namun, kalau generasi baharu Felda masih tidak mahu ambil tahu, masih sokong Umno, itu sangat rugi selepas terbongkar banyak penyelenggan.

"Pengerusi KPF (Koperasi Permodalan Felda Malaysia) lahir di Gedangsa. Pengerusi GWGF (Gabungan Wawasan Generasi Felda), Tan Sri Rozali Ismail pun lahir di sini (Gedangsa).

"NGO-NGO yang besar juga wujud dari Gedangsa tetapi di Gedangsa sendiri nasib keluarga peneroka masih banyak belum terbela sebab kebanyakannya lebih kepada kepentingan diri," tambahnya lagi.



Bendera AMANAH mudah ditemui di jalan-jalan utama sekitar kawasan Felda di Dun Hulu Bernam.

# Gandingan Anwar-Mahathir mantapkan PH

**KUALA LUMPUR:** Gandingan Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim akan memberi impak yang sangat besar kepada negara kerana kedua-dua pemimpin ini ialah tokoh negarawan yang memiliki pengaruh besar kepada rakyat Malaysia.

"DAP Perak mengalu-alukan kenyataan Tun Dr Mahathir yang bersedia untuk menyokong Datuk Seri Anwar sebagai Perdana Menteri sekiranya Pakatan Harapan diberi mandat oleh rakyat untuk membentuk kerajaan baru menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14),"

kata Penggerusi DAP Perak, Nga Kor Ming.

Beliau berkata kesediaan Dr Mahathir menyokong Anwar menjadi perdana menteri sekiranya Pakatan Harapan (PH) diberi mandat mentadbir kerajaan menonjolkan kematangan politik pemimpin-pemimpin PH.

"Ini adalah berita yang baik, ia menunjukkan kematangan berpolitik antara pemimpin Pakatan yang sanggup mengutamakan agenda reformasi demi rakyat dan negara dari mana-mana kepentingan peribadi," katanya.

Ahli Parlimen Taiping itu berkata, kematic-

gan berpolitik yang ditonjolkan ini wajar dicontohi semua pemimpin dan anggota Pakatan Harapan untuk memenangi PRU-14.

"Dengan pengumuman ini, DAP Perak percaya semangat Pakatan akan dipertingkatkan dan rakyat akan mempunyai lebih keyakinan dalam misi kita menyelamatkan negara dari rejim kleptokrat yang mencuri harta benda negara," katanya lagi.

Mahathir dalam satu temubual dengan The Guardian mengulangi desakannya supaya Anwar dibebaskan dan dibenarkan kembali terlibat

dalam politik dan mengakui bahawa bekas timbalannya itu menjadi mangsa dendam politik.

"Jelas sekali keputusan mahkamah dipengaruhi kerajaan dan saya rasa kerajaan akan datang akan mampu memujuk Yang di-Pertuan Agong untuk memberikan pengampunan Diraja kepada Anwar.

"Dalam keadaan dia mampu terlibat kembali dalam politik dan menjadi PM. Saya tidak ada bantahan," kata Penggerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu seperti dipetik The Guardian.

## Saman fitnah Nurul Izzah: Mahkamah tolak rayuan NFC

**KUALA LUMPUR:** Mahkamah Rayuan 10 Julai lalu menolak rayuan dikemukakan National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp) dan Penggerusi Eksekutifnya Datuk Seri Mohamad Salleh berhubung saman fitnah mereka terhadap Nurul Izzah Anwar dan Keadilan berkaitan kenyataan pembelian lapan unit hartanah di KL Eco City.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Abang Iskandar Abang Hashim memutuskan rayuan itu tidak mempunyai merit.

Panel itu juga memutuskan hakim Mahkamah Tinggi tidak melakukan sebarang kekhilafan yang memerlukan mahkamah rayuan untuk campur tangan.



Nurul Izzah Anwar

"Kami mengesahkan dapatkan fakta oleh hakim perbicaraan (Mahkamah

Tinggi). Rayuan ini ditolak dengan kos RM50,000," kata Hakim Abang Iskandar yang bersidang bersama-sama Hakim Datuk Dr Badariah Sahamid dan Hakim Datuk Mary Lim Thiam Suan.

NFCorp dan Mohamad Salleh merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 Mac 2016, yang menolak saman mereka terhadap Nurul Izzah dan Keadilan.

Hakim Mahkamah Tinggi memutuskan kenyataan dibuat Nurul Izzah, selaku defendant, tidak memfitnah Mohamad Salleh.

Hakim berkata, kenyataan itu apabila dibaca secara menyeluruh tidak bersifat memfitnah Mohamad Salleh kerana kenyataan media dibuat Nurul

Izzah adalah dalam kapasitinya sebagai anggota Parlimen (MP) Lembah Pantai.

Hakim juga berkata kenyataan itu ditujukan kepada Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil iaitu bekas MP Lembah Pantai yang juga isteri Mohamad Salleh, dan mana-mana orang yang berfikiran waras akan menimbangkan artikel itu sebagai menggesa akauntabiliti di pihak Shahrzat berhubung kenyataan MP Pandan Mohd Rafizi Ramli berhubung perkara sama.

Pada 24 Dis 2013, Mohamad Salleh memfailkan saman terhadap Nurul Izzah dan Setiausaha Agung Keadilan ketika itu, Datuk Saifuddin Nasution atas dakwaan memfitnahnya dalam

komen Nurul Izzah berhubung pendedahan oleh Mohd Rafizi, yang ketika itu Pengarah Strategi Keadilan, mendaikwa Mohamad Salleh telah melakukan penyelewengan dana syarikat itu.

Rafizi mendedahkan bahawa plaintif telah membeli lapan unit hartanah di KL Eco City menggunakan dana NFCorp.

Plaintif mendakwa Nurul Izzah membuat kenyataan memfitnah itu dalam siaran Malaysiakini TV pada 7 Mac 2012.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah mewakili NFCorp dan Mohamad Salleh manakala peguam Razlan Hadri Zulkifli dan peguam Joshua Kevin mewakili Nurul Izzah dan Saifuddin.

## DAP tunggu surat rasmi Pendaftar Pertubuhan

**KUALA LUMPUR:** Jawatankuasa Kerja Pusat (CEC) DAP yang bermesyuarat tergempar 8 Julai lalu memutuskan untuk menunggu komunikasi rasmi daripada Jabatan Pendaftar Pertubuhan (RoS) sebelum mengambil langkah seterusnya.

Bercakap dalam sidang media selepas mesyuarat tergempar itu, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng berkata, pihaknya akan memohon bertemu RoS bagi mendapatkan penjelasan lanjut tentang arahan terbaru agensi terbabit supaya DAP mengadakan pemilihan semula.

Membaca kenyataan rasmi CEC, Guan Eng yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang menambah, tindakan terbaru RoS itu bertujuan melumpuhkan pentadbiran DAP serta mengganggu gugat persediaan parti bagi menghadapi pilihan raya umum (PRU) tidak lama lagi.

Sementara itu, Ketua Biro Undang-undang DAP, Gobind Singh Deo berkata, pihak RoS sepatutnya berkomunikasi secara rasmi dengan DAP dan bukannya mengeluarkan kenyataan media.

"Sepatutnya, RoS mesti berkomunikasi secara rasmi, bukan keluarkan kenyataan media. Ini ada implikasi undang-undang."

"Empat tahun kemudian RoS baru nyatakan senarai perwakilan tidak tepat, jadi kita akan

jumpa RoS untuk dapatkan penjelasan," jelas beliau yang juga Ahli Parlimen Puchong.

Menurut Gobind lagi, surat daripada RoS sebelum ini dihantar selepas pemilihan semula diadakan pada 2013 bertepatan dengan arahan RoS ketika itu.

Namun jelas beliau, RoS masih enggan mengiktiraf CEC yang telah dilantik semula dan tidak memberikan alasan serta enggan bertemu dengan peguam-pegawai DAP.

DAP kemudiannya, ujar Gobind menghentik RoS ke mahkamah untuk mendapatkan semakan kehakiman pada Januari 2014, namun permohonan tersebut ditarik balik setelah RoS bersetuju bahawa keengganannya mengiktiraf CEC tidak boleh dikuatkuasakan.

Ketua Pengarah RoS Datuk Mohammad Razin Abdullah pada 7 Julai mengeluarkan kenyataan media mengarah DAP untuk mengadakan pemilihan semula empat tahun selepas suatu pemilihan semula dijalankan mengikut arahan agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri itu.

La dilihat sebagai bermotifkan politik ekoran isu tersebut ditimbulkan semula oleh Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Sariffuddin ketika membela analisis Ahli Parlimen Kluang Liew Chin Tong baru-baru ini.

## DAP ingatkan Zahid jangan campur urusan RoS

**KUALA LUMPUR:** Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dingatkan supaya tidak mencampuri urusan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (RoS) yang mengarahkan DAP melakukan pemilihan semula Jawatankuasa Kerja Pusat (CEC).

"Zahid adalah pihak lawan dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Dia justeru tidak sepatutnya mencampuri sebarang keputusan RoS yang mana akan memberi kesan kepada DAP dalam PRU berkenaan," tegas Ketua Biro Undang-undang DAP, Gobind Singh Deo dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Peringatan itu dibuat Gobind memandangkan DAP berhasrat mengadakan pertemuan dengan RoS bagi membincangkan mengenai arahan tersebut dan tidak mahu sebarang campur tangan berlaku seperti sebelumnya.

RoS dalam kenyataan 7 Julai lalu mengarahkan pemilihan semula dibuat selepas mendakwa CEC DAP yang dipilih pada 29 September 2013 sebagai tidak sah kerana kononnya tidak mengikuti undang-undang.

Kenyataan yang dikeluarkan Ketua Pengarah RoS Datuk Mohammad Razin Abdullah itu juga seolah-olah mendakwa

DAP tidak menggunakan senarai 2,576 perwakilan parti pada 2012 untuk melakukan pemilihan semula.

Terdapat juga laporan media yang mendakwa kononnya DAP ingkar atas arahan untuk mengadakan pemilihan semula CEC di peringkat Kongres Nasional sedangkan ia tidak dibangkitkan sama sekali dalam kenyataan RoS itu.

"Tidak ada sebarang arahan langsung daripada RoS untuk DAP mengadakan Kongres Nasional dalam surat bertarikh 30 Julai 2013.

"Apa yang ada hanyalah arahan untuk DAP melakukan pemilihan semula berdasarkan senarai perwakilan 2012 seperti termaktub dalam perlumbagaan kami yang mana telah dijalankan pada 29 September 2013," ujar Gobind.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Puchong turut menafikan dakwaan sesetengah pihak kononnya DAP takut untuk mengadakan pemilihan semula.

"Kita tidak ada sebab untuk takut. Malah kita telah menjalankan pemilihan semula dan akan mengadakan Kongres pada awal tahun hadapan. Jadi persoalan tentang takut untuk mengadakan pemilihan langsung tidak timbul," ujarnya.

# Rahsia cantik secara alami

Selamat Hari Raya para pembaca sekalian. Minal Aidin Wal Faiizin. Semoga perayaan Hari Raya Aidil Fitri kali ini membawa kemesraan dan kebahagian yang mententeramkan jiwa kita semua.

Artikel saya pada kali ini ialah menenai pokok herba Cassia Alata atau nama melayunya; pokok gelenggang. Saya juga akan menerangkan berkenaan kegunaan dan kebaikan sabun gelenggang dan teh gelenggang dari produk **Dr. Olive Bodycare**.

Pokok Cassia Alata atau Gelenggang berbunga kuning, cantik dan sentiasa menarik perhatian si kumbang, lebah dan semut. Pokok Gelenggang senang tumbuh di tepian sungai.

Cassia Alata atau Senna Alata merupakan pokok herba yang mempunyai nilai perubatan yang penting. Walaupun begitu, kita boleh juga menanamnya sebagai pokok hiasan. Pokok ini boleh tumbuh sehingga mencecah 3-4 meter ketinggian, daunnya pula berpelepas 50-80 sentimeter panjang. Pada waktu malam, semua daunnya akan menutup seperti daun semalu yang tutup apabila disentuh. Bunganya yang tumbuh menegak, kelihatan anggun seperti sebatang lilin. Buahnya pula berbentuk seperti buah kacang botor, berwarna hitam apabila matang dan mengandungi 50-60 biji. Pokok gelenggang boleh ditanam dengan biji dan juga dari keratan batang.

Apakah kelebihan pokok gelenggang ini? Pokok Senna Alata/gelenggang ini ada kalanya digelar ringworm bush (kurap) kerana keberkesannya dalam rawatan kurap dan jangkitan kulat pada kulit. Daunnya ditumbuk sehingga lumat seperti "green cotton wool" dan dicampur sedikit minyak sayur dan di sapukan



Pengasas Dr Olive Puan Zaiton Abu Bakar



*Pokok Gelenggang*

kebahagian yang bermasalah, 2-3 kali sehari. Bahan aktif, asid chrysophanic yang terdapat dalam daun gelenggang memainkan peranan utama. Gelenggang mujarab untuk menghilangkan sembelit. Kesan laxatif ini ialah kerana gelenggang mengandungi anthraquinone yang sudah terbukti efektif untuk mengatasi masalah sembelit. Selain dari itu, gelenggang juga digunakan untuk mengatasi athlete's foot, ekzema, kegatalan kulit dan gigitan serangga.

Produk yang ingin diketengahkan untuk keluaran kali ini ialah Teh Gelenggang.

Daun Gelenggang boleh dikeringkan dan dijadikan teh. Teh gelenggang tidak pahit dan boleh diminum seperti teh biasa bersama gula atau stevia ataupun begitu sahaja, sejuk ataupun panas.

Daun gelenggang ialah herba yang kuat dan penuh keberkesanan untuk merawat sembelit secara alami. Dalam ertikata yang lain, teh gelenggang boleh digunakan dalam program pelansingan badan. Mengamalkan peminuman teh gelenggang bukan saja boleh menguruskan badan, ia juga boleh membuang toksin dari badan.

Teh Gelenggang boleh diminum 2 kali sehari. Pertama kali diwaktu pagi dan kedua di waktu lewat petang. Untuk menyediakan teh gelenggang, masukkan satu uncang teh gelenggang kedalam cawan, tuangkan air yang baru mendidih dan biarkan selama 3-5 minit. Tambahkan gula atau stevia secukup rasa. Teh gelenggang boleh juga di campur dengan halia atau fennel (jintan kasar).

USDA (U.S. Food and Drug Administration telah meluluskan Cassia Alata sebagai ejen laksatif yang tidak memerlukan preskripsi doktor. Teh gelenggang tidak boleh diminum oleh ibu-ibu yang hamil dan kanak-kanak dibawah umur 6 tahun. Teh gelenggang yang sangat pekat boleh menyebabkan keguguran. Mereka yang mengalami cirit birit, inflamatory bowel disease dan ulser usus juga tidak boleh meminum teh gelenggang.

Untuk maklumat lanjut sila layari [drolivebodycare.wixsite.com](http://drolivebodycare.wixsite.com)

**DR. OLIVE BODY CARE**

**Natural Safe Effective**

**PROMOSI**

**0124902861**

untuk urusan pembelian

DAPATKAN SEGERA!!

**TEH GELENGGANG**

HANYA RM 29.90

- 1. Teh Gelenggang boleh diminum 2 kali sehari.
- 2. Teh gelenggang bukan saja boleh menguruskan badan, ia juga boleh membuang toksin dari badan.
- 3. Teh gelenggang tidak boleh diminum oleh ibu-ibu yang hamil dan kanak-kanak di bawah umur 6 tahun.

<b>DEODORANT (CREAM)</b> RM 20.90	<b>SERUM</b> RM 34.90	<b>SABUN LOOFAH LAVENDER LEMON</b> RM 24.90	<b>SABUN KOPI (SKRUB)</b> RM 24.90
Melindungi dari bau badan yang tidak menyenangkan dan memutihkan ketiak	Mengandungi bahan asli seperti Avocado, Sweet Almond, Olive Vitamin E	Melancarkan darah, buang kulit mati, melembutkan kulit kaki dan tumit	Melancarkan darah, buang kulit mati, melembutkan kulit kaki dan tumit

**Handmade product**

**Free harmful chemical**

**Free paraben**

**Organic**

# Menanti waktu MO1 di'checkmate'

**PENDEDAHAN** ketiga Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ), walaupun sangat dahsyat impaknya ke atas MO1 (Malaysian Official 1) dan isterinya, semakin memperkuatkan kedudukannya serta kesungguhan partinya dan BN untuk membela dan mempertahankan beliau.

Meskipun sangat pelik atau 'ajaib' sekali fenomena ini, 'titik perubahan' atau 'tipping point' hanya akan mampu berubah ketika berlaku ke atas sahabat karibnya, Jho Low, satu 'malapetaka'.

Ya, hanya apabila Jho Low berjaya diheret ke mahkamah dan diletakkan ke dalam 'kandang orang salah' untuk berdepan pelbagai dakwaan jenayah 'mencuri-mengsonglap', pecah amanah, melanggar akta penggubahan wang haram berbilion dollar Amerika bersabitan dana 1MDB. Bila Jho Low terpaksa mengakui sememang beliau merompak 1MDB!

Ya, barulah akan tersentap, terburai dan lenyap segala 'ketenangan jiwa' MO1 dan isterinya. Ya, bayangkan apabila Jho Low dihujani persoalan-persoalan maut pihak pendakwa yang telah menghimpun segala fakta dan bukti!

MO1 tidak mempedulikan serta terus mempersetakan semua pendedahan DoJ; pertama, kedua dan kini ketiga. Hari ini dunia tahu dana US\$861 juta atau lebih dikenali 'Derma RM2.6 bilion' dalam akaun MO1 adalah dari Akaun Tanore (Tanore Finance Corporation). Ia diam-bil dari terbitan bon US\$3 bilion untuk syarikat usahasama ADMIC, atau JV antara 1MDB-Aabar.

MO1 sangat lega Peguam Negara berkata derma itu dari keluarga 'Raja Saudi'. Pada 26 Jan 2016, Peguam Negara (AG) membebaskan MO1 dari segala dakwa-dakwi jenayah tentang dana 1MDB dan perihal derma itu.

MO1 lebih lega apabila AG meletakkan dapatan Ketua Audit Negara untuk Laporan JK Kira-Kira Awam (PAC) bersabitan 1MDB, dilenyapkan dari pengetahuan rakyat dengan mengklasifikasi sebagai dokumen di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Sebaliknya, MO1 meminta rakyat bersabar melalui 'ujian yang melanda negara' serta di-

bantu oleh 'rakan-rakan barunya' yang tidak mahu 'campurtangan asing' dalam perihal skandal ini kerana undang-undang negara sudah cukup wibawa kononnya.

Wibawa atau tidak mahkamah kita, sehingga kini tidak seorang pun 'perompak' Malaysia berjaya diheret ke mahkamah. Sebaliknya sudah 4 warga Singapura telah dipenjara. Pada 12 Julai lalu, Yeo Jiawei mengaku salah melakukan 'pengubahan wang haram dan menipu' dalam urusniaga yang melibatkan dana 1MDB dan Jho Low.

Yeo mengaku bersalah dan dipenjara 54 bulan. Seorang warga Swiss, Jens Sturzenegger, bekas Pengurus Falcon Private Bank di Singapura. Beliau disabit kesalahan dan dipenjara 7 bulan! Lesen Falcon Swiss Private Bank (dan BSI-Swiss) itu ditarik balik oleh Monetary Authority of Singapura (MAS).

Ya memang pelik sehingga kini Jho Low, selaku dalang atau 'mastermind' tetap bebas dan belum diheret ke dalam kandang orang salah di mana-mana negara sekali pun!

MO1 boleh terus persetakan pemfailan ketiga DoJ yang membongkar bahawa dakwaan US\$620 juta dari US\$681 juta yang dipulangkan kepada penderma Saudi itu adalah tidak benar. Kini diketahui bahawa ke akaun Jho Low juga akhir penerimanya.

Sebanyak US\$200 juta (RM855.3 juta) dari US\$620 juta didakwa dibelanja Jho Low dengan pembelian beraneka barang kemas dan berlian termasuk 'kalung berlian merah jambu berharga US\$27.3 juta (RM116.7 juta) untuk isteri MO1.

Berkebetulan dan aneh juga, hanya pembeiran kepada Mirinda Kerr, supermodel itu dan ibu Jho Low sahaja berjumlah US\$9.9 juta tersenari dalam aset yang mahu disita dan dilucut sahamiliknya. Mirinda Kerr telah pun memulangkan berlian yang diterima dari Jho Low bernilai RM35 juta.

Pihak pengurusan 1MDB, sangat ganjal bersama beberapa Menteri Kabinet MO1, tetap berpandangan 1MDB tidak dirompak atau dananya disonglap. Mereka selari dengan pihak Peguam Negara, terus bertegas bahawa tidak ada 'bukti' (evidence), hanya 'fakta'

(facts) dalam pemfailan DoJ ketiga ini juga bahawa pengsonglapan (misappropriation) telah berlaku.

Bukti apa yang diperlukan 1MDB? Mungkin 1MDB perlu membuat protes bahawa salah MAS (Monetary Authority Singapura) menutup dua bank swasta Swiss Falcon dan BSI. 'Salah dan zalim' Mahkamah Singapura mensabit kesalahan jenayah menipu (cheating) dan penggubahan wang haram (money-laundering) ke atas individu-individu dia aas tadi, sebab 1MDB tidak pernah dirompak! Tak ada bukti? Dalam perbicaraan di Mahkamah Singapura, segala "bukti" telah dikemukakan untuk mensabitkan kesalahan!

Apakah Peguam Negara dan Menteri-Menteri MO1 mesti disekolahkan kembali? Bilakah 'bukti' perlu ditampilkan? Apakah 'bukti-bukti' disertakan semasa sesuatu 'pemfailan saman atau 'complaint' dibuat? Bukankah merupakan satu perkara asas dan 'elementary' dalam undang-undang bahawa ketika sesuatu 'pleading' atau permohonan saman dan kompleks dibuat, hanya pernyataan fakta (facts) sahaja yang mestilah disertakan bukan buktinya! Kalau bukti bersekali disertakan dengan fakta dalam permohonan, saman akan ditolak!

Buktinya hanya akan dikemukakan semasa perbicaraan dijalankan di mahkamah untuk menguatkan penghujahan fakta yang telah difailkan pada tahap permohonan. Semua pengamal undang-undang tahu. Menteri mungkin tidak tahu. Tapi kalau Peguam Negara pun macam tak tahu, apa bala yang sedang menimpah negara ini?

Sebaliknya pula, sesuatu permohonan tidak akan difailkan ke Mahkamah, kalau lahir si pendakwa (plaintiff) tidak bersiap dengan segala bukti bagi menyokong segala fakta dan pernyataan yang dibuat dalam permohonan saman (complaint) tersebut.

Dan kita bercakap tentang Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) dan Federal Bureau of Investigation (FBI)! Mereka telah bersiap dengan "timbunan bukti" setelah membuat tiga permohonan sitaan aset-aset yang dirompak oleh penyangak Jho Low dan kuncu-kuncunya.



## ANALISIS

**DR DZULKEFLY AHMAD**

Akta Patriot, selepas kejadian September 11, 2001 telah mewajibkan segala transaksi penghantaran elektronik (SWIFT) melebihi US\$50,000 mesti melalui 'clearing banks' di New York! Tambahan kalau berjuta dan berbilion dollar, meskipun setelah merentasi (kaedah 'layering') secara amat kompleks 10 negara!

Semua 'bukti' tersimpan kemas termasuk komunikasi telefon dan segala-galanya. Mati keraslah Jho Low! Ingat Yeo Jiawei dan Sturzenegger... semua mereka akhirnya 'mengaku' salah!

Nah, mengikut laporan WSJ (Bloomberg, 22 March 2017), DoJ dan MAS serta pihak Pendakwa Raya Singapura sedang bersiap untuk memfailkan kesalahan jenayah (criminal charges) yang dilakukan Jho Low!

Untuk ingatan rekod, Jho Low pernah memberitahu pihak media bahawa beliau adalah "mangsa konflik politik di Malaysia" dan hanya seorang 'penasihat tidak rasmi' (an informal advisor) kepada 1MDB.

Anda boleh bayangkan apabila terperangkap dalam "kandang orang salah" nanti maka mungkin sahaja Jho Low mahu melepaskan diri dan tenguknya... lalu melafazkan sesuatu yang menjadi malapetaka buat MO1!

Andainya Jho Low amat terdesak lalu terpaksa menyatakan bahawa beliau hanya "bertindak atas arahan dan mengikut nasihat seseorang..." maka apakah MO1 akan berdepan dengan 'Waterloo'nya dan ketika itu di'checkmate' secara muktamad?

Semoga Allah merahmati rakyat dan melindungi negara tercinta ini...

**■ Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi Parti Amanah Negara.**

# Naratif baru demi Malaysia

**WALAUPUN** bangsa Arab adalah bangsa yang dibangkitkan dari kalangan Nabi akhir zaman, namun Arab tidak pernah mendakwa formula Arab-Islam, Islam-Arab.

Adalah amat jelas kenapa ini tidak berlaku, pertama Arab itu bangsa dan Islam itu agama. Kedua, Nabi Muhammad s.a.w adalah Nabi untuk semua kaum dan bangsa dan ketiga bangsa bukan kayu pengukur kemuliaan tetapi nilai takwa dalam agama yang menjadi kayu pengukur Pencipta.

Bagi menjaga nama baik agama, Nabi Muhammad tidak pernah menjadikan perjuangan perkauman sebagai asas, malah membencinya dan Baginda tidak mengakui pejuang kaum di kalangan umatnya.

Islam adalah milik semua, setiap bangsa yang menerimanya akan diberi kemuliaan walaupun mereka bukan Arab. Malah taman Islam bersilih ganti dari Arab ke Parsi ke Kurdi ke Turki dan ke bangsa Melayu. Islam

boleh diterima tanpa mengira kaum dan bangsa tetapi Arab tidak boleh menjadi Parsi dan Parsi tidak boleh menjadi Kurdi dan Kurdi bukan Turki dan bangsa Melayu bukan bangsa kesemuanya di atas.

Bangsa boleh terhapus tetapi agama tetap dipelihara Allah. Apabila Melayu-Islam, Islam-Melayu, naratif kita terbantut, apakah lagi dalam konteks sebuah negara majmuk seperti Malaysia, konsep kewarganegaraan membantut kewujudan bangsa Malaysia yang merentasi sempadan kaum dan agama.

Islam-Melayu, Melayu-Islam turut menghalang kebobrokan penguasa kerana apabila pemimpin negara merompak kekayaan negara naratif yang dipakai adalah, "Kita kena utamakan 'bangsa dan agama' jadi kita perlu bersatu demi bangsa dan agama". Rasuah dan tiada integriti bukan perkiraan.

Melayu Islam, Islam Melayu turut mempertengangkan para agamawan yang dianggap

paling berautoriti tanpa mereka sedari menjadi 'pembela' kepada perompak kekayaan negara di kalangan pemimpin.

Naratif Islam-Melayu, Melayu-Islam turut menimbulkan kebencian kaum dan agama sehingga istilah 'Kafir Harbi' dan 'Musuh Islam' sewenangnya dipakai dan mengugat kesepadan rakyat.

Lebih malang kuasa rakyat untuk menentukan pimpinan masa depan negara melalui pilihan raya demokrasi dibantut dengan naratif Melayu-Islam yang menghalang pilhan terbaik untuk rakyat dan terus memecahkan undi berprinsip yang diperlukan negara.

Justeru naratif baru diperlukan di mana asasnya ialah kewarganegaraan, keadilan dan kebebasan beragama mengikut Hak Perlembagaan Persekutuan yang menjadi terma kontrak seluruh rakyat Malaysia.

Naratif baru ini adalah Islamik dan sesuai

## Pendapat

**Dr Mujahid Yusof**

dengan Maqasid Syariah dalam pembentukan sebuah negara bermaruah dan ber-integriti. Melayu tak perlu bimbang dan Islam tetap menjadi asas kewujudan negara ini. Memuliakan nilai keadilan, hak dan menuhi janji akan menjamin kesepadan dan menolak segala kemusnahan negara.

"NARATIF BARU, MALAYSIA BARU"

**■ Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa ialah Ahli Parlimen Malaysia dan Naib Presiden AMANAH.**



# Potensi Husam sebagai calon MB Kelantan

**Pandangan pelbagai pihak termasuk Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang bahawa Datuk Husam Musa adalah tokoh paling sesuai mengetuai kerajaan Kelantan jika Pakatan Harapan (PH) menang dalam pilihan raya umum mendapat reaksi pelbagai. Husam diyakini mampu menjadi pengganti Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai pemimpin contoh. Wartawan Malaysia Dateline, DALIA ISMAIL mendapatkan pandangan Pensyarah Kanan dari Sekolah Perdana Universiti Teknologi Malaysia (UTM) DR MAZLAN ALI berhubung isu ini. Ikuti pandangan beliau tentang kewajaran Husam sebagai calon Menteri Besar Kelantan.**

*Apakah signifikannya Datuk Husam Musa dicalonkan sebagai Menteri Besar Kelantan. Adakah Husam mempunyai kekuatan politik untuk mendapat sokongan pengundi dan Pakatan Harapan jika menang pilihan raya di negeri itu?*

Datuk Husam Musa dikenali sebelumnya sebagai seorang ikon politik Kelantan, seorang tokoh Pas yang terkemuka, umumnya sering dilihat orang yang berada di balik tabir kejayaan Almarhum Tuan Guru Nik Aziz dalam pentadbiran kerajaan negeri Kelantan.

Idea-idea dan perancangan pembangunan ekonomi beliau yang segar menyebabkan tokoh ini pernah dikatakan bakal menerajui pemerintahan pasca Tok Guru di Kelantan.

Bagaimanapun, disebabkan Pas sebagai sebuah gerakan harakah dan tadjid, dan letaknya Kelantan sebagai sebuah negeri majoriti Melayu yang berstatus "Serambi Mekah", kedudukan Datuk Husam sebagai golongan profesional sedikit sebanyak merencatkan kemaraannya yang dikelilingi oleh pemimpin-pemimpin berstatus

ulama yang sangat percaya kepada konsep kerajaan yang harus dipimpin ulama.

Masalah politik dalam Pas Kelantan dan perpecahan Pas tahun 2015 akhirnya meletakkan Datuk Husam dalam zon "humanis" yang dilihat antikerajaan Pas.

Bagaimanapun, penyertaan beliau dalam Amanah dilihat memberi momentum baru bukan sahaja kepada kedudukan politik beliau, malah kepada Pakatan Harapan seluruhnya.

Saya fikir cadangan Penasihat DAP, Lim Kit Siang yang mengumumkan Datuk Husam sebagai bakal MB Pakatan Harapan di Kelantan, meskipun dipercayai dibuat secara spontan, tidaklah memerlukan sesiapa pun.

Ini kerana tiada siapa pun boleh pertikaikan senioriti dan 'track record' beliau dalam politik Negeri Serambi Mekah itu.

Saya percaya, pengumuman ini mampu membawa gelombang sokongan politik terhadap Pakatan Harapan dan gabungan part-parti politik pembangkang tiada masalah menerima formula ini.

*Pas anggap kenyataan Kit Siang membela-kangkan gabungan Pakatan Harapan tetapi dari segi strategi politik ia dilihat bagaimana?*

Walaupun Pas menganggap kenyataan Kit Siang sebagai membela-kangkan Pakatan Harapan, saya menilai tuduhan ini tidak menjelaskan kedudukan politik Pakatan Harapan di Kelantan.

Sesiapa pun yang mengumumkan demikian, sama ada Tun Dr. Mahathir, Datuk Seri Anwar Ibrahim atau Mohamad Sabu, hakikat dan persepsi politik negeri ini tidak pernah menolak bahawa Datuk Husam Musa adalah pemimpin masa depan yang pernah 'disia-sikan' oleh kepimpinan Pas Kelantan.

*Selain Husam siapakah tokoh lain yang dikira layak memimpin Kelantan jika Pakatan Harapan menang?*

Setakat ini, saya menilai tiada tokoh yang dilihat benar-benar paling layak dipilih sebagai pemimpin yang memenuhi kriteria dan pakej seorang Ketua Eksekutif Negeri, kecuali Datuk Husam.



**Dr Mazlan Ali**

Harus diingat, seorang calon MB bukan hanya perlu dilihat bijak berpolitik, tetapi mestilah dilihat mempunyai visi dan misi yang jelas.

Perlantikan Datuk Husam sebagai Penasihat AMANAH Kelantan, meskipun lebih lewat menyertai parti ini adalah petanda jelas pengiktirafan rakan-rakan politik beliau dalam AMANAH Kelantan.

*Melihat kepada sokongan rakyat Kelantan yang berpecah antara Pakatan Harapan dan Pas adalah kali ini Kelantan berkemungkinan akan jatuh ke tangan BN?*

Sekiranya berlaku pertembungan tiga penjuru antara BN, PH dan Pas pada PRU-14 akan datang, saya menilai BN mempunyai peluang yang lebih baik untuk

merampas negeri ini.

Namun sejak akhir-akhir ini, dalam kajian-kajian yang dibuat sambutan rakyat Kelantan terhadap parti AMANAH dan Bersatu (Parti Pribumi Bersatu Malaysia) semakin meningkat.

Saya menilai parti Bersatu mampu merampas kerusi-kerusi BN di Barat dan Selatan manakala AMANAH pula mampu menggugat kerusi-kerusi Pas di utara dan Timur Kelantan.

Harus diingat, pengundi-pengundi Kelantan adalah kategori participants (menyerupai karektor pengundi Pantai Barat) dan bilangan pengundi luar (terutama Lembah Klang) dan faktor-faktor ini adalah sangat memberi kelebihan kepada Pakatan Harapan untuk merampas negeri ini daripada Pas kelak.

## Beli saham Edra umpama tumpung hutang 1MDB

**KUALA LUMPUR:** Dana-dana dilibatkan dalam pembelian saham syarikat milik kerajaan China, Edra Energy di Bursa Malaysia kerana rakyat sudah serik dengan episod penyeraian Felda Global Ventures (FGV) dan tanggungan hutang-hutang 1MDB yang tidak berkesudahan.

Malah Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli yakin China General Nuclear Power Corporation (CGNPC) yang memiliki Edra, mampu menjual saham-saham syarikat itu kepada pelabur antarabangsa tanpa perlu bergantung kepada dana awam negara jika ianya berpotensi tinggi.

Sehubungan itu beliau mempelawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan untuk berdebat secara terbuka bagi mendedahkan pihak sebenar yang mensabotaj ekonomi negara.

"Tindakan serta-merta Datuk Seri Rahman menuduh saya

cuba mensabotaj ekonomi negara apabila saya menyeru supaya dana awam tidak terlibat di dalam penyeraian Edra milik syarikat Kerajaan China, menunjukkan rasa cemas pentadbiran Datuk Seri Najib mengenai cadangan penyeraian itu," kata Rafizi dalam satu kenyataan.

Jelas beliau, dakwaan Abdul Rahman bahawa Edra mendorong perjanjian pembekalan tenaga oleh penjana bebas (IPP) menjadi lebih adil lalu harga yang dibayar oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada IPP adalah lebih murah jelas meleset kerana tarif elektrik tidak turun selari dengan penurunan kos dan keuntungan TNB seperti didakwa.

"Sebaliknya tarif elektrik menjadi lebih tinggi sejak pembabitan 1MDB di dalam industri penjanaan elektrik bebas," ujarnya.

Beliau turut mengulas dakwaan Abdul Rahman bahawa 1MDB telah mengurangkan tanggungan subsidi gas oleh Petronas dengan bil subsidi gas Petronas bagi 2015 adalah satu pertiga dari apa yang

perlu ditanggung pada 2012, membawa kepada penjimatan RM10 bilion.

Menurut Rafizi, kos subsidi gas yang ditanggung Petronas turun mendadak kerana harga minyak mentah dunia telah jatuh mendadak berbanding 2012 dan ia-hnya tiada kaitan dengan 1MDB.

"Seluruh dunia juga tahu jumlah subsidi gas yang ditanggung Petronas turun mendadak selari dengan jatuhnya harga minyak mentah; bukannya disebabkan oleh 'jasa' 1MDB," katanya.

Rafizi sebaliknya mengingatkan bahawa 1MDB terpaksa menanggung hutang yang tinggi kerana membeli aset-aset penjanaan elektrik bebas dari syarikat kronik pada harga yang lebih tinggi dari nilaiannya.

Aset-aset itu kemudiannya, jelas beliau dijual kepada CGNPC yang dimiliki kerajaan China walaupun TNB membidanya untuk mengurangkan hutang-hutang 1MDB.

"Kini, apabila CGNPC ingin menyenaraikan Edra (yang dibeli dari 1MDB) bagi tujuan mengutip

kembali RM5 bilion dari jumlah asal RM9.83 bilion yang dibayar kepada 1MDB, ia samalah seperti rakyat Malaysia yang menanggung hutang 1MDB buat kali kedua jika saham-saham itu dibeli oleh dana-dana awam yang dimiliki rakyat seperti KWSP, KWAP, Tabung Haji, PNB, PERKESO dan Khazanah," ujar beliau.

Sehubungan itu, ahli parlimen Pandan itu menyeru dana-dana awam tidak terlibat membeli saham Edra kerana rakyat sudah serik dengan episod penyeraian Felda Global Ventures (FGV) dan tanggungan hutang-hutang 1MDB yang tidak berkesudahan.

Menurut beliau, jika Edra adalah syarikat yang mempunyai potensi keuntungan yang tinggi seperti yang diuar-uarkan,

CGNPC mampu menjual saham-sahamnya kepada pelabur antarabangsa yang lain dari dana-dana antarabangsa tanpa perlu bergantung kepada dana awam milik rakyat Malaysia.

"Hakikatnya, yang mensabotaj ekonomi Malaysia bukanlah

orang seperti saya yang hanya menjalankan tugas sebagai ahli parlimen pembangkang untuk memastikan dana awam tidak digunakan untuk pelaburan berisiko tinggi.

"Rakyat juga tahu bahawa pihak yang mensabotaj ekonomi Malaysia adalah Jho Low, 1MDB dan MO1 yang menyebabkan rakyat Malaysia menanggung hutang sehingga RM50 bilion," ujarnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan sebelum ini menggesa Rafizi menarik balik seruan kepada pengurus dana Malaysia supaya memboikot cadangan penyeraian Edra Energy di Bursa Malaysia.

Katanya, saranan memboikot yang tidak masuk akal itu boleh melemahkan keyakinan pelabur asing di Malaysia dan menyebabkan Edra serta syarikat lain untuk tidak membuat penyeraian di Bursa Malaysia, tetapi sebaliknya memilih untuk membuat penyeraian di bursa saham negara lain.

Siasat dana 1MDB yang diselewengkan

# Empat negara maju bertindak bodoh?

Oleh ARIF ATAN

**KUALA LUMPUR:** Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Ab Aziz Kaprawi mungkin terpengaruh dengan maklumat palsu berhubung saman sivil Jabatan Kehakiman Amerika (DOJ) sehingga menganggap usaha merampas aset yang dibeli menggunakan dana 1MDB yang diseleweng sebagai 'memalukan'.

Ahli parlimen Segambut Lim Lip Eng juga yakin komen ahli majlis tertinggi Umno itu dibuat berdasarkan maklumat yang tidak tepat.

Menurut Lim, empat pegawai bank telah disabitkan kesalahan dan dipenjara di Singapura kerana terlibat dalam skandal 1MDB manakala siasatan sedang berjalan di Singapura, Switzerland, Luxembourg dan Amerika Syarikat terhadap jenayah pengubahan wang haram berkait 1MDB.

"Adakah si Aziz ini sedang cuba menyatakan bahawa keempat-empat pegawai bank tersebut tidak bersalah dan telah dihukum secara tidak adil oleh mahkamah Singapura berdasarkan keterangan dan bukti-bukti palsu?"

"Adakah si Aziz juga menyatakan bahawa empat negara tadi benar-benar bodoh kerana menghabiskan begitu banyak masa, wang dan tenaga menyiasat maklumat palsu melibatkan 1MDB?"

"Kenapa Malaysia begitu terbelakang dari segi ekonomi dan pendidikan jika dibandingkan dengan empat negara 'bodoh' ini?" soal Lim sinis.

Beliau turut mengulas kenyataan Aziz bahawa hampir semua campur tangan Amerika Syarikat di negara asing telah memusnahkan keharmonian dan menjadikan kestabilan negara terlibat.

Bagi Lim, Aziz sepatutnya mendekati

sak presiden partinya yang juga perdana menteri untuk memutuskan hubungan diplomatik dengan Amerika Syarikat jika benar-benar serius menentang campur tangan Amerika Syarikat dalam hal ehwal negara lain.

"Hakikatnya Aziz mungkin telah tersilap percaya tentang maklumat palsu mengenai Amerika kerana baru sahaja kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengarah Komunikasi Strategik BN yang juga gigih menghentam tindakan DOJ ke atas 1MDB, kelihatan gembira meraikan ulang tahun ke-merdekaan ke-241 Amerika Syarikat di majlis anjuran Kedutaan Amerika di sebuah hotel bertaraf lima bintang di Kuala Lumpur.

"Kenapa Aziz tak ikut sekali dan nyatakan tuduhannya terhadap DOJ dan kerajaan Amerika di majlis itu?" soal Lim.

## Bina semula negara: Invoke lancar program jelajah

**KUALA LUMPUR:** Pengasas Invoke Rafizi Ramli akan menjelajah dari daerah ke daerah di seluruh negara bermula bulan ini untuk berjumpa seramai mungkin rakyat bertujuan menggalakkan orang ramai turut serta di dalam proses membina semula negara.

Dalam satu kenyataan media, Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan menjelaskan akan singgah di setiap daerah dengan trak kempen yang telah diubahsuai untuk menyampaikan tiga mesaj utama iaitu menuntut agar kenaikan gaji dikuatkuasakan melalui undang-undang; menuntut agar kerajaan mengawal kenaikan harga barang bagi mengurangkan kos sara hidup yang membebankan; dan menuntut agar kebanjiran pekerja asing dikenakan serta merta.

"Tiga isu ini adalah isu yang paling penting bagi rakyat biasa seperti anda," katanya yang juga pengasas Invoke.

Menurut beliau, walaupun rakyat mengetahui tentang skandal 1MDB namun ia tidak dirasai dan mendatangkan kesan kepada kehidupan mereka.



*Kempen mengajak orang ramai khususnya anak muda menyertai program Invoke giat dijalankan.*

Bagaimanapun rakyat, ujarnya terkesan dengan kenaikan harga barang, gaji yang tidak mencukupi dan kehadiran terlalu ramai pekerja asing.

"Anda mungkin tidak sukakan politik tetapi orang politik menentukan gaji anda, mengutip cukai dari anda dan membenarkan majikan membawa masuk pekerja asing di sekeliling anda."

"Datang berjumpa dengan saya bila saya singgah di daerah anda."

Saya akan berdialog dengan anda dalam keadaan santai. Ada BBQ dan ais krim, ada kaunter mendaftar undi dan sukarelawan," ujarnya.

Jadual jelajah Invoke bagi pusangan pertama adalah Johor Bharu pada 9 Julai lalu; Tg Malim, Padang Rengas dan Tambun di Perak (15 Julai); Balik Pulau di Pulau Pinang (16 Julai); Ledang, Sembrong dan Segamat (22 Julai); Melaka (23 Julai), Kuala Terengganu dan Dungun (28 Julai); Kuantan dan Temerloh (29 Julai).

## Kenapa tidak tubuh RCI siasat 1MDB, FGV?

**PASIR PUTEH:** Pas perlu membuat pilihan segera sama ada mahu bersama Pakatan Harapan (PH) atau BN dalam menghadapi pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Ahli parliment Pas Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar berkata parti itu tidak boleh mengelak untuk berada di antara dua pakatan politik itu.

"Sikap yang menjadikan semua pihak sebagai musuh sudah tidak serasi dengan suasana politik baru yang memerlukan persahabatan luas dan bertolak ansur," katanya di majlis ceramah anjuran PH Kawasan Pasir Putih, 7 Julai lalu.

Pas katanya akan menghadapi laluan sukar jika bertanding tiga penjuru menentang PH dan BN dalam PRU akan datang.

"Bagi saya PH akan lebih mudah menang jika berlaku pertandingan tiga penjuru. Kalau Pas bersama BN, peluang PH mungkin lebih

sukar," katanya.

Menurut Mahfuz, ahli-ahli Pas perlu sedar sikap menjauhkan diri dari bersama rakan-rakan pembangkang akan memencarkan parti itu dari orang ramai.

"Kita berlawan melalui pilihan raya yang perlukan ramai kawan untuk dapat suara majoriti, lainlah kalau nak berlawan cara lain," katanya.

Mengulas usikan Ketua Penerangan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Datuk Kamarudin Mohd Nor yang berharap beliau menyertai parti itu, Mahfuz berkata beliau tetap bersama PH.

"Ada yang kata saya harum manis, hijau di luar oren di dalam dan malam ni pula Datuk (Kamarudin) sebut tembakai, hijau di luar merah di dalam.

"Kedua-dua sunnah Allah, kejadian Allah dan pertegaskan bahawa saya akan tetap bersama Pakatan Harapan," katanya.

## Persempadanan semula tetap diteruskan, kata SPR

**KUALA LUMPUR:** Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tetap meneruskan urusan siasatan tempatan kali kedua persempadanan semula kawasan pilihan raya di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Selangor dalam tempoh masa yang ditetapkan Perlembagaan Persekutuan.

Pengerusi SPR Datuk Seri Mohd Hashim Abdullah berkata, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 5 Julai tidak membenarkan permohonan Kerajaan Selangor untuk menghalangnya daripada meneruskan proses siasatan tempatan kali kedua bagi persempadanan semula bahagian pilihan raya negeri-negeri Tanah Melayu.

Mahkamah katanya, hanya membenarkan permohonan kedua Kerajaan Selangor untuk menghalang SPR menyerahkan laporan persempadanan semula kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, SPR menghormati kedua-dua keputusan mahkamah dan sedia maklum bahawa laporan akhir hanya boleh diserahkan kepada Perdana Menteri selepas proses siasatan tempatan di Melaka dan Selangor diselesaikan dan kesemakan kehakiman dimuktamadkan oleh mahkamah.

"Tidak timbul persoalan bahawa SPR akan menyerahkan laporan akhir kepada Perdana Menteri

tanpa memasukkan Selangor atau mana-mana negeri atau tidak mematuhi keputusan mahkamah itu.

"Jika tiada keputusan daripada mahkamah sekali pun, SPR tidak akan menyerahkan laporan akhir kepada Perdana Menteri kerana proses siasatan tempatan belum diselesaikan sepenuhnya di dua negeri iaitu Melaka dan Selangor.

"Justeru, SPR menegaskan andaian pihak tertentu bahawa dengan keputusan itu, mereka berjaya menghalang SPR menjalankan tanggungjawabnya seperti mana yang digembar-gemburkan kononnya akan memberi manfaat kepada rakyat adalah tidak tepat kerana keputusan itu hanya terhad kepada proses penyerahan laporan saja dan bukannya membabitkan proses persempadanan yang lain," katanya dalam satu kenyataan, 7 Julai lalu.

Sebelum ini, portal berita melaporkan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menyifatkan keputusan mahkamah menerima permohonan kerajaan Selangor bagi menghalang SPR menyerahkan laporan akhir syor persempadanan semula kepada Perdana Menteri tanpa memasukkan negeri itu adalah kemenangan besar kepada Selangor dan rakyat dalam usahanya mencabar persempadanan semula negeri itu yang dilakukan SPR di mahkamah.

# Dakwa penjenayah 1MDB atau letak jawatan

**KUALA LUMPUR:** Peguam Negara Tan Sri Mohd Apandi Ali digesa mendakwa individu-individu yang terlibat dalam penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) atau meletakkan jawatan bagi memulihkan imej Jabatan Peguam Negara (AGC).

Presiden AMANAH Mohamad Sabu berkata, bantahan Apandi terhadap saman sivil yang dikemukakan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) berhubung dana yang diselewengkan dari 1MDB meletakkan kredibiliti beliau sebagai peguam negara bagaikan ‘di hujung tanduk’.

“Ini kerana beliau (Apandi) sepatutnya sudah bertindak tegas terhadap perompak dana syarikat pelaburan negara bersandarkan laporan tempatan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

“Keenggan Tan Sri Apandi



Tan Sri Mohd Apandi Ali

untuk memulakan tindakan undang-undang ke atas sesiapapun dari perompak dana 1MDB adalah satu tindakan yang seolah-olah cuba untuk mempertahankan perompak wang rakyat. Di mana kredibiliti beliau sebagai seorang peguam negara?” soalnya dalam satu kenyataan media, 6 Julai lalu.

Apandi pada Jun lalu menyifatkan saman sivil DoJ untuk

merampas aset yang didakwa dibeli menggunakan dana 1MDB yang diselewengkan adalah bermotif politik.

DoJ juga, tambah Apandi tidak pernah secara rasmi meminta maklumat atau penjelasan daripada ACG.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata sebagai peguam negara, Apandi perlu bebas daripada pengaruh politik parti yang menerajui kerajaan.

“Selagi tiada tindakan diambil terhadap dana yang diselewengkan daripada 1MDB, kredibiliti beliau sebagai peguam negara sangat tercaltar.

“Sekiranya Apandi seorang yang bertanggungjawab, sudah lama tindakan telah beliau ambil tanpa perlu menunggu tiga tindakan saman sivil DoJ atas pensonglap dana 1MDB,” ujarnya.

Menurut Mohamad, pada April 2016 PAC telah mengeluarkan laporan berhubung

tadbir urus 1MDB setebal 106 muka surat.

Jawatankuasa itu antara lain mengesyorkan pihak berkuasa supaya menyiasat bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB Datuk Sharul Azrai Ibrahim Hilmi berhubung pengurusan syarikat pelaburan strategik negara itu.

“Berkali-kali Pakatan Harapan dan NGO serta individu bekas institusi kehakiman negara mendesak beliau agar memulakan tindakan terhadap bekas ketua pegawai eksekutif 1MDB itu.

“Laporan PAC dengan jelasnya pada muka surat 94, Jadual 15 laporan PAC, menyatakan pelbagai kesalahan Sharul termasuk memindahkan US\$700 juta kepada akaun 11116073 di RBS Coutts Bank Ltd, milik Jho Low pada 29 September 2009.

“Sehingga hari ini Sharul dibiarkan bebas bahkan boleh memegang jawatan penting dalam GLC yang lain,” ujarnya.



## Pakatan Rakyat tidak lagi wujud

**SETIAUSAHA** agung DAP Lim Guan Eng berkata gabungan Pakatan Rakyat sudah tidak lagi wujud.

Tidak ada lagi Pakatan Rakyat, kata beliau pada sidang media selepas menghadiri sambutan rumah terbuka Aidilfitri Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di Georgetown, 6 Julai lalu.

Lim membuat kenyataan itu sehari selepas Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata Selangor akan terus ditadbir oleh Pakatan Rakyat yang telah dibubarkan kerana ia berupa mandat daripada rakyat.

Lim, yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang diminta mengulas kenyataan Azmin. Lim, bagaimanapun tidak mahu mengulas lanjut mengenai perkara itu.

“Pulau Pinang ditadbir oleh kerajaan Pakatan Harapan dan kita adalah sebahagian daripada Pakatan Harapan. Saya akan menjawab dengan memberi butiran kemudian,” kata beliau.

Pakatan Harapan ditubuhkan pada Sept 2015 oleh DAP, Keadilan dan Parti Amanah Negara (Amanah) selepas Pas memutuskan hubungan dengan DAP pada Julai 2015 yang menyebabkan Pakatan Rakyat berkubur.

## Pasport satu keistimewaan bukan hak perlombagaan

**MAHKAMAH** Rayuan memutuskan bahawa hak warganegara Malaysia yang termaktub dalam Perlombagaan Persekutuan tidak bersifat mutlak kerana hak itu diberikan tertakluk kepada sekatan termasuk hak untuk perjalanan ke luar negara.

Dalam penghakiman 44 muka surat, Hakim Tan Sri Idrus Harun berkata halaman terakhir dalam pasport Malaysia jelas menyatakan bahwa pasport adalah harta kerajaan yang boleh ditarik balik pada bila-bila masa.

Beliau berkata syarat-syarat yang dinyatakan dalam pasport menunjukkan bahawa pengeluaran pasport Malaysia adalah satu keistimewaan yang diberikan kepada rakyat oleh kerajaan tertakluk kepada budibicara sama ada untuk membenarkan atau menghalang seseorang daripada meninggalkan negara.

“Dalam penghakiman kami, rakyat tidak mempunyai hak perlombagaan untuk meninggalkan negara dan melakukan perjalanan ke luar negara,” kata beliau dalam penghakiman yang diedarkan kepada media, 6 Julai lalu.

Idrus berkata siasatan ke atas anggota Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua di bawah Seksyen 124 B Kanun Keseksaan (aktiviti yang memudarati demokrasi berparlimen) adalah fakta yang menjadi justifikasi yang sah dan sah untuk menafikan keistimewaan itu kepadanya.

Beliau berkata keputusan berhubung sekatan perjalanan itu bukan bertujuan sebagai sekatan berterusan atau kekal agar Pua dilucutkan sepenuhnya keistimewaan tetapi sebaliknya ia cuma keputusan untuk membantu siasatan oleh pihak polis,” kata beliau.

## Ahli MT Umno bela PM jahil undang-undang

Oleh ARIF ATAN

**KUALA LUMPUR:** Pemuda AMANAH Nasional mengingatkan Ahli Majlis Tinggi Umno, Datuk Ab Aziz Kaprawi supaya mendapatkan nasihat daripada mana-mana peguam di negara ini sebelum membela Perdana Menteri berhubung isu saman sivil oleh Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat.

Timbalan Ketuanya, Faiz Fadzil berkata, tindakan itu perlu bagi mengelak Aziz memberikan komen yang boleh mengelirukan rakyat.

“Seharusnya, Datuk Aziz mendapatkan nasihat daripada mana-mana peguam di negara ini yang jumlahnya melebihi 12,000 orang bagi mendapatkan nasihat sebelum membela Perdana Menteri yang diakui sebagai MO1 oleh Menteri Datuk Abdul Rahman Dahlan.

“Saya yakin jika beliau mendapat nasihat yang baik, sudah pasti beliau akan menasihatkan 1MDB, Perdana Menteri, isteri MO1 dan Peguam Negara bagi pihak Kerajaan Malaysia memfaillkan permohonan mencelih dan mencabar segala dakwaan saman tersebut,” katanya.

Beliau berkata, nasihat yang baik juga membolehkan sebanyak mungkin keterangan dan saksi disediakan bagi menyangkal keterangan yang bakal dibawa DoJ.

“Secara prinsipalnya, DoJ tidak akan

mampu memfaillkan saman tersebut yang sarat dengan fakta tanpa memiliki bukti dan keterangan yang sah dan kredibel,” ujarnya.

Terdahulu, Aziz dilapor menganggap saman sivil oleh DoJ sebagai janggal kerana difaillkan tanpa mendapat maklumat tepat kerana tidak memanggil Presiden 1MDB, Arul Kanda memberikan keterangan, menunjukkan kejahilan Datuk Aziz berkaitan prosedur undang-undang.

Mengulas lanjut, Faiz menjelaskan pihak yang didakwa harus memfaillkan penyata pembelaan seperti mengikut amalan prosedur sivil bagi menjawab segala dakwaan yang terkandung di dalam 251 muka surat saman itu.

“Pihak ketiga yang terkilan (aggrieved) atau mempunyai kepentingan dalam saman tersebut pula seharusnya memfaillkan permohonan mencelih (intervener) untuk mempertahankan hak atau menyangkal dakwaan dalam saman tersebut.

“Pihak pencelih pula seterusnya akan memfaillkan penyata pembelaan bagi menjawab dakwaan saman tersebut,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurut peguam itu, hanya setelah prosedur tersebut dipenuhi, satu perbicaraan akan ditetapkan apabila DoJ akan mengemukakan keterangan dan saksi bagi membuktikan segala dakwaan dalam saman tersebut.

“Di sinilah jelas kejahilan Datuk Aziz dan mana-mana individu yang mempertikaikan kesahihan saman tersebut dan nilai keterangan yang dimiliki DoJ.

“Tunggulah hari perbicaraan di mana kesemua keterangan dan saksi akan dipanggil dan memandangkan saman tersebut pun sudah menjangkau 251 mukasurat yang sarat dengan fakta yang begitu jelas dan probabel, sudah pasti lebih daripada dua saksi akan dipanggil memberikan keterangan,” ujarnya.

Pada masa sama, Faiz menyifatkan Aziz harus menasihatkan Perdana Menteri, isteri MO1, Arul Kanda, Jho Low dan Riza Aziz untuk pergi ke Amerika Syarikat bertemu dengan pihak DoJ untuk memberikan keterangan sebagai sebahagian daripada prosedur undang-undang jenayah.

Menurutnya, tindakan DoJ adalah di bawah undang-undang jenayah pengubahan wang haram yang disebut sebagai ‘Title 18 Section 981 of the US Code’.

“Saya juga yakin pihak DoJ tidak akan menangkap mereka kerana kehadiran untuk memberikan keterangan adalah sebahagian proses penyiasatan kes jenayah.

“Mereka pasti disanjung oleh rakyat Malaysia kerana mempertahankan maruah negara ini yang tercemar teruk akibat pendedahan dalam saman tersebut,” tambahnya lagi.

# Kehangatan



# Aidilfitri masih terasa



**1** Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub melayani rakan-rakan pimpinan AMANAH Nasional memuilih juadah.

**2** Dari kiri Mohamed Hanipa, Dr Hasan Baharom, Abang Ahmad Kerdee dan Ustaz Hasanuddin di majlis jamuan Aidilfitri Wisma Amanah.

**3** Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Naib Presiden Dr Mujahid Yusof dan Setiuasaha Agung Mohd Anuar Tahir pada majlis jamuan Aidilfitri Wisma Amanah, 10 Julai lalu.

**4** Sambutan Aidilfitri Pakatan Harapan Bagan Datuk 11 Julai lalu.

**5** Pengurus Biro Kebajikan, Kemanusiaan dan Bencana Alam AMANAH Perak Zainuddin Mohd Yusof menyerahkan bantuan kepada wakil pondok Pak Teh Pengkalan Hulu yang musnah dijilat api baru-baru ini.


**6** Timbalan Pengurus AMANAH Perak Datuk Seri Ir Mohamad Nizar Jamaluddin menyampaikan duit raya kepada anak-anak pada majlis sambutan Aidilfitri AMANAH Kawasan Tapah.

**7** Mohamad bersama wakil PPBM pada majlis sambutan Aidilfitri AMANAH Kawasan Tapah di Kg Baru Air Kuning. Hadir sama pada majlis itu mantan Duta Malaysia ke Oman Datuk Omardin Muthalib.

**8** Pengurus AMANAH Kedah Datuk Dr Ismail Mohd Salleh (berbaju Melayu jingga) menyambut tetamu pada majlis sambutan Aidilfitri AMANAH Kuala Kedah.

**9** Kemeriahannya cukup terasa pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri AMANAH Kuala Kedah yang menyaksikan kehadiran ribuan penduduk berbilang bangsa.

**10** Anak-anak turut diraikan dengan duit raya pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri AMANAH Kuala Kedah.



6



4



3



# 1MDB-IPIC: GANT1 saman Najib

Kelolaan ARIF ATAN

**TIDAK** sekadar baling batu sembunyi tangan, NGO Gerakan Anak Muda Tolak Najib (GANT1) tampil memfailkan saman terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, 11 Julai lalu.

Diteraju Faiz Fadzil, mereka mendakwa penjelasan mengenai 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan urusannya dengan International Petroleum Investment Company (IPIC).

Beliau berkata, tiada tindakan diambil kerajaan terhadap pihak yang terbabit dengan penipuan bayaran kepada Aabar Investments PJS Ltd (Aabar BVI) apabila IPIC mengenakan tindakan saman terhadap Malaysia.

"Malangnya, kerajaan bersetuju membayar selepas mencapai persetujuan penyelesaian di London. Kita mahu tahu dari mana dapat wang untuk bayar IPIC ini."

"Kita memerlukan perintah ini untuk rakyat tahu perbelanjaan wang negara secara telus dan bersih," ujarnya yang juga yang juga Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional.

Menurut Faiz, GANT1 menyifatkan langkah konkrit perlu diambil untuk



Faiz dan sembilan plaintif lain mewakili GANT1 memfailkan saman ke atas Najib, kerajaan Malaysia dan 1MDB.

mencegah penyalahgunaan dana sejak penyelesaian melalui proses timbang tara yang melibatkan wang pembayar cukai.

Peguam tersebut berkata, bayaran sejumlah AS\$3.5 billion (RM15.5 billion) adalah "penipuan" yang dibayar

kepada Aabar yang diperbadankan di Virgin Islands.

"Kita juga mohon perintah injuksi supaya tiada apa-apa bayaran dibuat sehingga keputusan akhir serta mohon dedahkan akaun yang menyelasaikan isu IPIC ini," tegasnya lagi.

Sementara itu, peguam yang mewakili GANT1, Haniff Khatri pada sidang media di lobi Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memberitahu seramai 10 plaintif terbabit dalam saman sivil bagi memaksa kerajaan mendedahkan akaun yang diguna untuk membayar

IPIC.

Selain Faiz, individu yang turut dinamakan sebagai plaintif antaranya wakil ARMADA Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Mahathir Mohd Rais serta wakil DAPSY, Howard Lee.

"Dari segi undang-undang, tindakan ini ialah tindakan berkumpulan. 10 orang yang dinamakan plaintif itu bukan sahaja mewakili nama yang tersenarai tetapi untuk rakyat Malaysia," jelasnya.

Tahun lalu, IPIC memulakan tuntutan terhadap 1MDB di Mahkamah Timbangtara Antarabangsa secara tertutup di London dengan meminta AS\$6.5 billion daripada syarikat pelaburan negara itu kerana gagal memenuhi tanggungjawabnya kepada IPIC.

Pada April lalu, IPIC dilapor berkata 1MDB dan MOF Inc telah bersetuju membayar AS\$1.2 billion selain turut memikul tanggungjawab terhadap dua bon yang sebelum ini dijamin oleh IPIC bernilai AS\$ 4.8 billion.

Di bawah penyelesaian tersebut, 1MDB dan IPIC juga bersetuju mengenai dana 1MDB yang telah dibayar kepada entiti tertentu.

## Felda lepas tangan, anak muda bangkit ikhtiar

**P**elbagai skandal penyelenggaraan berkaitan Felda termasuk bahana kewujudan Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) yang sebelum ini dipengerusikan Tan Sri Isa Samad dilihat secara tidak langsung turut mengheret anak muda.

Generasi ketiga peneroka Felda Gedangsa, Syafiq Musa (**gambar**), 28, memberitahu Felda pada masa ini sudah tiada peruntukan dana untuk program berkaitan meningkatkan sosio-ekonomi peneroka termasuk bantuan persekolahan sekalipun.

"Zaman saya sekolah dulu, banyak program diadakan. Sekarang tiada lagi dana-dana seperti itu. Kalau dulu, anak peneroka dapat bantuan belajar."

"Usahawan pun ada peruntukan, sekarang tiada tabung-tabung seperti itu sudah dipotong. Antara alasan pihak Felda, pinjaman yang dulu tidak dibayar lagi."

"Paling ketara selepas FGV ditubuhkan. Peneroka lagilah tidak mendapat banyak manfaat bahkan sebaliknya pendapatan peneroka dipotong lagi setiap bulan sebanyak RM50 untuk urus niaga saham FGV



itu," dedahnya.

Ditemui akhbar mingguan Amanah baru-baru ini, Syafiq berkata, Jawatankuasa Pengurusan Rancangan (JKR) juga tidak mempunyai pelan rancangan bagi tujuan pembangunan anak muda peneroka.

"Saya pernah masuk mesyuarat JKR beberapa bulan lalu. Tanya apa hala tuju JKR nak bawa generasi muda. Mereka kata tiada. Ini mengecewakan."

"Di peringkat JKR sendiri serah bulat-bulat kepada MBFM (Majlis Belia Felda Malaysia). Bila kita minta dana untuk buat program belia, alasan mereka, tiada duit," ujar ayah kepada seorang anak itu.

Bahkan, jelasnya, program cabaran kembara alam April lalu juga langsung tidak mendapat sokongan Felda.

"Mujur pihak pejabat penghulu dapat menyalurkan dana. Program itu berjaya naikkan nama Felda walaupun Felda tidak menyumbangkan dana," luahnya.

Sehubungan itu, Syafiq yang juga Timbalan Pengurus MBFM Cawangan Gedangsa terpaksa mengambil ikhtiar sendiri dalam usaha membimbing golongan sebayanya.

"Kita di peringkat belia buat pelbagai program walaupun tidak mendapat dana daripada Felda. Pendekatan saya, mahu belia di Felda belajar berorganisasi bukan sekadar bising di kedai kopitiam."

"Kami MBFM di Cawangan Gedangsa ini terapkan belia Felda untuk belajar jadi usahawan. Buat projek pertanian, penerangan projek madu kelulut juga ternakan haiwan," tambahnya lagi.

## Kekurangan rumah mampu milik kritikal

### JAWATANKUASA

Perumahan Pemuda AMANAH Nasional menggesa penubuhan badan berautoriti bagi mengetuai agenda perumahan mampu milik negara.

Pengerusinya, Ammar Atan berkata, kerajaan pada masa ini perlu mengambil langkah sewajarnya dan tidak harus menafikan peranan pihak swasta dalam industri perumahan negara.

Menurutnya, realiti menunjukkan kekurangan rumah mampu milik pada 2014 adalah kritikal dengan mencecah anggaran 960,000 unit.

"Angka ini mungkin akan melepas 1 juta menjelang 2020 selagi mana tiada usaha progresif bersama dilakukan," ujarnya dalam satu kenyataan.

Mengulas kebimbangan Bank Negara Malaysia (BNM) tentang keceluaran dasar perumahan dalam program

"Dialogue on Sustainable Development of Affordable Housing" baru-baru ini, beliau berkata, Pemuda AMANAH Nasional secara konsisten menegaskan kerajaan gagal memandu pasaran perumahan negara.

"Kebimbangan BNM terhadap apa yang berlaku ini juga mendesak



Ammar Atan

BNM untuk mewujudkan kerjasama dalam agenda perumahan mampu milik melibatkan pelbagai pihak berkepentingan," sarannya.

Sehubungan itu, Ammar berpendapat dasar awam yang berkesan, inovatif dan selaras penting dalam usaha menangani cabaran perumahan mampu milik.

"Kami telah mencadangkan agar penubuhan badan autoriti yang berperanan mengetuai, mengawasi dan menyelaraskan inisiatif perumahan mampu milik untuk negara."

"Hal ini akan mempromosikan integrasi perumahan nasional yang sinergi dari aspek integrasi data permintaan dan penawaran, kekuatan ekonomi rakyat, demografi, pengangkutan, peluang pekerjaan setempat dan sebagainya," tegas beliau.

Bagi tujuan tersebut, beliau berkata, semua pihak berkaitan pasaran perumahan perlu dilibatkan bersama kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat.

"Kami percaya kepentingan menyediakan rumah mampu milik untuk rakyat mengatasi kepentingan politik tertentu," tambahnya lagi.

# Kontradiksi ketika mahu melonjak tinggi

Oleh ARIF ATAN

**LUMRAH** kita dengar seruan supaya rakyat Malaysia bersyukur kerana kerajaan melakukan itu, ini. Skrip kitar semula media perdana yang dikuasai parti pemerintah itu sudah menjadi klise yang tidak lebih membunuh daya fikir rakyat daripada bersuara.

Namun, apabila turut dijadikan modal orang nombor satu universiti, jelas tidak kena pada tempatnya sekali gus menelanjangkan kecenderungan politiknya.

Ini dapat dilihat pada kenyataan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Seri Dr Noor Azlan Ghazali dalam sidang media penarafan universiti baru-baru ini.

Beliau dilapor berkata, rakyat negara ini perlu bersyukur kerana kerajaan membuat keputusan meletakkan pendidikan sebagai satu keutamaan dalam pembangunan negara.

Nampak, apa yang sedikit lucu pada seruan itu? Mustahil Noor Azlan bernada sarkistik terhadap kerajaan. Keutamaan kerajaan kepada pendidikan sepatutnya dibuktikan dengan me-



nambah peruntukan dalam belanjawan tahunan negara.

Bahkan, tindakan kerajaan meningkatkan dana bagi pendidikan termasuk sektor paling kritis di peringkat pengajian tinggi pun tidak harus memaksa rakyat 'menyembah' kerajaan.

Sudah jadi tanggungjawab mana-mana parti pemerintah memberi keutamaan kepada pembangunan pendidikan selain kesihatan dan bekalan makanan.

Jadi, mengapa Noor Azlan masih mengulang 'mantera' perlunya rakyat bersyukur pada kerajaan diikuti satu lagi klise membuat perbandingan pencapaian hari ini berbanding realiti sosio-ekonomi masyarakat lebih 50 tahun lalu?

Bersyukur hanya pada Tuhan dan pada masa sama berdoa supaya pemerintah adil dan tidak korup dalam memberi perhatian apakah lagi dalam hal berkaitan pendidikan. Itu hujah paling minimum dan kelihatan lebih intelektual sesuai



Pentadbir universiti yang mendambakan penarafan tidak harus mengitar semula skrip pembaca berita TV3.

dengan gelaran akademik disandang.

Ironinya, beliau bercakap demikian pada ketika mahu universiti melonjak dalam penarafan antarabangsa. Penegasan Noor Azlan tentang tanggungjawab untuk membiayai pendidikan bukan sahaja terletak di atas bahu kerajaan juga mungkin disambut senyum lebar jika Najib mendengar.

Cara orang akademik bercakap tentunya berbeza dengan orang politik. Lainlah kalau orang akademik itu menyimpan impian mahu menjadi orang politik atau 'kuasawan' meminjam

istilah kerap diguna Sasterawan Murbawan, Pak Samad Said.

Apapun, wujud kontradiksi atau percanggahan retorik ketika universiti dicanang perlu melonjak tinggi sehingga tergolong dalam 200 universiti terbaik dunia dalam tempoh dua atau tiga tahun akan datang.

Buatlah sidang media setiap hari dan paksalah Menteri Pengajian Tinggi menguar-uarkan kita terbaik serba-serbi tetapi selagi golongan akademik 'berebut tempat' mahu menjadi pembaca berita TV3, hasrat murni hanyut dibawa deras keangkuhan pengusa.

## Acuan Malaysia kerangka Islam

**B**UAH tangan sembilan ilmuwan dalam buku *Islam dan Kenegaraan: Suatu Perbahasan Dalam Konteks Fiqh Malaysia* ini padat membahas tentang persoalan syariah dalam konteks wajah masyarakat semasa.

Bermula sebagai prosiding kertas kerja yang dibentangkan ketika Nadwah Ulama' Nahdah Jadidah (NUNJI) pada 2015, pembaca dibawa memahami bagaimana cabaran pelaksanaan syariah di negara ini serta fiqh al-Muwatonah (fiqh kewarganegaraan) dalam persekitaran baru politik Islam.

Wacana berkaitan demokrasi, pluraliti dan hak asasi diperkatakan berpandu kepada prinsip maqasid syariah



### Bacalah

sebagai terasnya.

Idea kenegaraan tersebut tidak dapat dielak apa

lagi dalam konteks majmuk masyarakat di Malaysia.

Dato' Dr Siddiq Fadil misalnya menekankan pentingnya Malaysia membina fiqh demokrasi dan tidak boleh memakai fiqh negara monarki mutlak.

Bagi Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad pula, politik berdasarkan kaum dan kepentingan elit politik dapat ditangani jika menggunakan pendekatan maqasid syariah.

Buku Panel Penyelidikan NUNJI ini wajar dimiliki dalam usaha memahami ciri keMalaysiaan sebagai realiti setempat dan semasa berpandukan sistem nilai Islam.



## Sepintas NEWS

### Diterima Universiti Harvard

**B**ersaing dengan lebih 350 calon, Dr Mohd Lutfi Fadil Lokman, 30, mencipta sejarah apabila menjadi rakyat Malaysia pertama ditawarkan belajar di Universiti Harvard dalam Doktorat Kesihatan Awam (DrPH) bersama 19 penuntut lain dari seluruh dunia.

Beliau sebelum ini disenaraikan sebagai pencetus perubahan agenda Pembangunan Kelestarian 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada September tahun lalu dan dalam Forbes 30 Under 30 Asia pada April lalu.

Aktif dengan kegiatan kebajikan di Hospital Beyond Boundaries (HBB) yang merawat orang miskin secara percuma, Dr Lutfi dilapor berkata, beliau ditemuduga sebanyak dua kali oleh pihak Universiti Harvard menerusi teknologi panggilan video, *Skype*.

"Saya memilih bidang kesihatan awam kerana memang minat dan bercita-cita untuk menjadi pakar perubatan kesihatan awam," ujar bekas pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Tun Ghafar Baba itu lagi.

### Dekati Komunikasi Kuantum

**I**NOVASI Simulasi Komunikasi Kuantum (QuCS) mendekatkan masyarakat terhadap penerokaan bidang komunikasi kuantum yang berdasarkan ilmu sains fizik, matematik dan sains komputer, ujar Prof Madya Dr Zuriati Ahmad Zulkarnain dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau yang menghasilkan perisian tersebut dipetik berkata, QuCS juga dapat menjimatkan kos penyediaan peralatan eksperimen Komunikasi Kuantum yang nilainya mencecah hampir RM1 juta.

Menurut profesor pelawat di Akademi Reka Cipta Korea (KIA) sejak akhir tahun lalu itu, penghasilan QuQS membolehkan pembelajaran dan penyelidikan dapat dilaksanakan dan difahami dengan lebih mudah.

Pensyarah kanan Jabatan Teknologi Komunikasi dan Jaringan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat itu berkata, teknologi pengkomputeran kuantum dapat menyimpan jumlah maklumat yang besar menggunakan tenaga rendah berbanding komputer klasik ketika ini.

### Pengundi sebagai raja

**P**ENGUNDI adalah raja dan bersifat volatile iaitu berubah-ubah walaupun ada sebilangan yang kekal setia, kata pensyarah di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr P. Sivamurugan.

Menganalisis keputusan pilihan raya United Kingdom (UK), jelasnya, pola pengundian yang tidak tetap menyaksikan Theresa May dan Parti Konservatif seolah-olah 'tewas dalam menang'.

Beliau dipetik daripada artikelnya berkata, wujud keadaan 'parlimen tergantung' apabila 318 kerusi yang dimenangi masih kurang daripada 326 kerusi untuk menubuhkan kerajaan majoriti mudah walaupun sebelum itu May yakin akan mendapat mandat besar.

"Strategi agresif May memakan diri dengan tumpuan berlebihan di kerusi Parti Buruh dan hanya satu perlisa di kerusi marginal walhal Corbyn menghabiskan lebih banyak masa berkempen di kerusi yang dimenangi Parti Buruh dengan margin kecil," ujarnya.

# Pertembungan Tekad Budaya-Tekad Politik dalam teater

**P**EMENTASAN Muzika *UdaDanDara* karya Usman Awang, atau perjalanan pementasannya yang sedang saya lalui sekarang, seolah-olah suatu ujian kepada kefahaman Tekad Budaya; khasnya dalam hubungan atau pertembungannya dengan tekad politik.

Saya berfahaman bahawa kerajaan yang merintah harus bertanggungjawab ke atas kehidupan dan kemajuan seni-budaya yang diusahakan oleh rakyat. Di peringkat ini sahaja pun kita sudah menghadapi masalah. Sebab? Dalam masyarakat kita, apa yang dikatakan 'kerajaan' itu masih lagi difahami dan dilayani sebagai ia adalah hak kepunyaannya sebuah atau gabungan beberapa parti politik.

Perjalanan saya menuju ke arah mementaskan teater muzika *UdaDanDara*, misalnya, mengalami beberapa pertembungan dan halangan yang wajar diperhatikan. Malah sebelum itupun, perjalanan untuk program menyambut Hari Puisi Dunia, bersama Yayasan Usman Awang (YUA), Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), juga mengalami permasalahan.

Mengenai *UdaDanDara*, pertama sekali kami memilih tempatnya di Kuala Sedili, kerana kumpulan Ziarah Karyawan pimpinan Yassin Salleh memilih tempat itu, yakni tempat lahirnya Usman Awang, sempena program mereka Ziarah Karyawan Mengenang Usman Awang (ZKMUA), dan teater ini dibuat sebagai satu daripada acara dalam program besar itu.

Di peringkat awalnya lagi pihak YUA bersetuju untuk bersama-sama dengan Ziarah Karyawan (ZK) menganjurkan program ZKMUA. Dan YUA juga, melalui Pengurus Lembaga Penasihatnya, Syed Husin Ali, berusaha mendapatkan pihak-pihak tertentu untuk menaja atau membiasai perbelanjaan program dan pementasan UDD,

di samping YUA sendiri menyumbang sebahagian daripada kewangan yang diperlukan.

Alkisahnya maka adalah sebuah perbadanan korporat besar di Johor, yang ada hubungan dengan pihak kerajaan, bersetuju untuk membiasai sebahagian besar perbelanjaan dan menyediakan beberapa kemudahan yang diperlukan di bumi kelahiran seniman besar kita Usman Awang itu.

Maka terjalinlah hubungan kerjasama yang membanggakan demi mengangkat Sedili sebagai daerah istimewa bukan sahaja di Johor tetapi di Malaysia amnya, kerana di situ telah lahir seorang seniman dan pujangga Melayu yang besar jasa dan sumbangannya kepada tamadun Melayu moden.

Demikianlah kefahaman kami dan kami amat bersyukur dan berbangga yang pimpinan perbadanan korporat kita juga mempunyai kesedaran seni-budaya yang tinggi seperti itu. Lalu kami pun, pihak produksi, mengambil inisiatif sendiri menghubungi pihak Yayasan Warisan Johor, untuk mengajak mereka bersama-sama menjayakan pementasan UDD.

Tetapi entah gerangan apalah malangnya menjelang beberapa hari menyambut Aidilfitri, pihak YUA menerima surat yang sangat mengejarkan daripada perbadanan korporat berkenaan. Mereka menyatakan bahawa mereka hanya bersetuju membiasai percetakan sebuah buku dan membiasai suatu kenduri arwah, dan itu sahaja. Yang lain-lainnya yang telah dipersebutui dalam mesyuarat bersama di pejabat mereka sebelum Ramadan itu, semuanya terbatas.

Dalam konteks Tekad Budaya dan Tekad Politik, bagaimanakah kita harus melihat duduknya perkara persetujuan dan pembatalan persetujuan itu? Sama-samalah kita fikirkan! Bagi saya, ia mengingatkan peristiwa sam-

butan Hari Puisi Dunia YUA-ZK-Paksi sebelum ini, dimana ITBM dan DBP tiba-tiba menarik diri daripada bekerjasama, kerana katanya mereka tidak dibenarkan bekerjasama dengan Paksi (Seniman Paksi Rakyat). Kenapa tidak dibenarkan, dan siapa yang tidak memberangkaninya; biarlah tidak dijawab dulu soalan itu di sini.

Maka berikut itu ZK, YUA dan Paksi mengambil keputusan memindahkan program tiga hari ZKMUA dan pementasan UDD daripada Kuala Sedili, Johor; ke Tanjung Karang, Selangor. Untuk itu seorang sahabat daripada Institut Darul Ehsan (IDE) tampil menyumbang, mencari kawasan yang sesuai dan mendapatkan beberapa kemudahan yang diperlukan oleh produksi UDD, di Tanjung Karang.

Dan sementara itu, barangkali memikirkan faktor kesuntukan waktu untuk mencari dan mendapatkan pihak penaja bagi membiayai program ZKMUA dan UDD, maka mesyuarat pengurusan YUA memutuskan untuk meningkatkan jumlah sumbangan kewangan mereka kepada program ini, empat kali ganda jumlah yang difahamkan pada awalnya.

Tetapi pihak YUA mempunyai sebab-sebab tertentu pula, yang mereka tidak bersetuju program ini dibuat di Tanjung Karang. Dan sebab-sebab yang diberikan itu, saya memahaminya sebagai sebab-sebab yang bersifat politik. Di sinilah saya mula terfikir bahawa Tekad Budaya apabila bertembung dengan Tekad Politik itu – bagaimana?

Sebelum ini (perlu disebut), sebaik saja saya menyatakan kekecewaan yang pihak penaja di Johor itu membatakan janji mereka, seorang sahabat yang bukan orang politik tetapi berpengaruh dalam politik menawarkan kepada saya untuk membuat pementasan UDD di Putrajaya. Saya terpaksa menolak tawaran itu kerana tidak mahu terikat den-



gan tekad politik tertentu, dan juga kerana faktor kreativiti seperti yang saya jelaskan dalam tulisan minggu lalu.

Sekarang saya bertembung pula dengan faktor tekad politik yang tidak ketara, dalam cadangan YUA supaya memindahkan lokasi pementasan UDD daripada Tanjung Karang itu. Sahabat saya Bahrin daripada IDE bersetuju bahawa terdapat pertembungan Tekad Budaya dengan Tekad Politik di sini, seperti yang pernah berlaku dalam satu program Paksi dan IDE, iaitu program Puisi Bumbung yang dibuat di bumbung bangunan IDE, beberapa bulan lalu.

Seperti saya jelaskan dalam tulisan minggu lalu, faktor kreativiti memerlukan saya mementaskan UDD dalam kawasan sawah padi, yang tanahnya sedang kering selepas menuai. Hal ini sampai kepada pengetahuan seorang Ahli Parlimen yang dikatakan mempunyai minat dalam seni-budaya, dan beliau berminat agar pementasan UDD dibuat dalam kawasan parlimennya, dan beliau bersedia menyumbang bagi menampung kewangan yang masih berkurban, dan beberapa kemudahan.

Nah, sekali lagi faktor Tekad Politik masuk ke dalam permasalahan Tekad Budaya. Bagaimanakah kita sewajarnya meladeni permasalahan ini? Sama-samalah kita fikirkan. ■

## Perjuangan lama dalam parti baharu

Oleh ABU FIRDAUS

**D**ENGAN bertujuan memperkecil-kecilkan Parti Amanah Negara (AMANAH) ada pihak menyebut bahawa parti ini adalah baharu kerana ia ditubuhkan pada tahun 2015, lebih-lebih lagi apabila dibandingkan dengan parti-parti lain dalam Pakatan Harapan, sebelum adanya Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

Ekoran itu ada yang memandang kecil pada Amanah apabila dibandingkan dengan Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Kelembutan Rakyat (PKR). Iaitu terdapat faktor ketuaan atau kesenioran antara parti itu, seolah-olah seperti pelajar kolej yang mana senior memperkecilkan junior.

Apabila PPBM ditubuhkan pada tahun ini, cara pandangan senior-junior turut ditujukan pada parti itu. *New kid in the block*, seperti dalam ungkapan Inggeris merujuk

seseorang yang baharu dalam lingkungan kawan-kawan di suatu kejiran. Walaupun AMANAH lebih tua daripada PPBM, kira-kira dua tahun saj, tetapi kedua-dua parti ini dianggap sekutu muda dalam Pakatan Harapan berbanding DAP dan PKR yang dianggap tua.

Hakikat bahawa banyak anggota AMANAH termasuk pemimpin-pemimpinnya telah aktif dalam politik, bukan sebarang politik tetapi politik pembangkang menentang Barisan Nasional sejak tahun 1981 tidak diambil kira. Lebih-lebih lagi antaranya pernah ditahan melalui Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Walaupun kegiatan politik mereka dibuat melalui parti lain.

Begitu juga dengan PPBM. Walaupun ia baharu ditubuhkan tetapi ahli-ahlinya bukan orang baharu. Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri

berusia 92 tahun yang menyebabkan beliau lebih senior daripada sesiapapun dalam Pakatan Harapan sekarang.

Sebenarnya dalam Pakatan Harapan ini tidak timbul siapa senior atau junior. Semua parti Pakatan Harapan mempunyai kedudukan setaraf dengan ketua masing-masing berada dalam majlis kepimpinannya. Walaupun dari segi parti, AMANAH dan PPBM belum diuji dalam pilihan raya umum tetapi pemimpin-pemimpinnya turut menang sebelum ini sama ada atas nama Pakatan Rakyat atau Barisan Nasional.

Sememangnya dari segi usia rasmi parti, DAP boleh dianggap paling tua kerana ditubuhkan pada tahun 1965. Ini diikuti dengan PKR yang didaftar pada tahun 2003. Sementara Amanah adalah pada tahun 2015 dan PPBM pada tahun 2017.

Namun, parti bukan sekadar organisasi yang didaftarkan. Ia terdiri daripada sekumpulan aktivis

yang kebanyakannya sudah berkecimpung dalam perjuangan lebih lama.

Walaupun PKR didaftarkan pada tahun 2003 tetapi tarikh itu merupakan gabungan Parti Keadilan Nasional dan Parti Rakyat Malaysia (PRM). Keadilan pula ditubuhkan lebih awal lagi iaitu pada tahun 1999. Tetapi PRM pula lebih tua lagi, iaitu tahun 1955.

Namun begitu Keadilan sendiri merupakan perubahan nama kepada Ikatan Masyarakat Islam Malaysia yang ditubuhkan lebih awal iaitu pada tahun 1991. Pun begitu aktivisnya telah bergerak sebelumnya dalam Pergerakan Keadilan Sosial (Adil) yang ditubuhkan pada tahun 1998.

Sementara AMANAH pula adalah hasil daripada perubahan nama Parti Pekerja-pekerja Malaysia (PPM) yang ditubuhkan lebih awal lagi iaitu pada tahun 1978. Sebelum AMANAH dapat ditubuhkan, aktivisnya bergerak dalam Gerakan Harapan Baru (GHB) yang ditubuh-

kan pada tahun 2015.

Dalam DAP pula, banyak aktivis yang senior dalam DAP sebelumnya adalah dari parti lain. Walau pun banyak merupakan bekas anggota Parti Tindakan Rakyat (PAP) ketika Singapura dalam Malaysia, tidak kurang juga yang merupakan aktivis Parti Buruh Malaya yang jauh lebih tua.

Umum mengetahui banyak aktivis AMANAH adalah bekas anggota Parti Islam Se-Malaysia (Pas) dan di antara mereka pula ada yang pernah menganggotai Keadilan juga. Begitu juga banyak aktivis PKR dan PPBM adalah bekas anggota Umno.

Maka jika dilihat dari sudut ini, di antara parti-parti Pakatan Harapan, tidak ada yang boleh disebut tua atau muda. Kesemuanya adalah setara dalam perjuangan untuk rakyat dan negara demokrasi Malaysia. ■

# Fajar mulai merah di Myanmar

**KOTAK** undi yang bermasalah dari kem tentera petang itu akhirnya dikunci semula dan dibawa ke pusat penjumlahan undi, dekat pusat bandar. Kami tidak diberi sebarang jawapan oleh pegawai-pegawai yang bertugas melainkan diminta untuk menunggu sehingga SPR di pusat bandar memberi kata putus.

Kami meneruskan pemantauan yang sudah pun mulai memasuki proses pengiraan undi di tempat lain. Di sebuah sekolah dalam pekan Hpa-An, kami mengikuti pengiraan undi yang sedang berjalan serapatan.

Siapa tahu kalau berlaku lagi masalah yang sama. Akhirnya undi yang dikira di kotak undi orang awam tersebut tidak menimbulkan sebarang masalah. Begitu juga dengan kotak-kotak undi di stesen lain yang sempat kami kunjungi.

NLD menang pada semua kotak undi orang awam yang kami pantau. Ohn Mar yang asalnya keletihan kelihatan ceria dan bersempang melihat kemenangan demi kemenangan diumumkan di depan mata beliau sendiri. Namun ia tetap terlalu awal.

Kotak-kotak undi tersebut datang dari kawasan pekan yang memang sudah dijangkakan kemenangan NLD. Kota undi di luar pekan masih belum tahu apa keputusannya.

Sekitar jam 10 malam, setelah habis undi di jumlahkan di stesen mengundi terakhir yang dipantau, kami langsung ke pejabat SPR.

Sampai sahaja di sana, delegasi dan pemantau asing yang lain yang terlihat kelibat kami terus menerpa. "Apa yang berlaku di kem tentera? Kamu (Anfrel) disebut sebagai saksi kejadian. Kayin tidak dapat mengeluarkan keputusan penuh malam ini kerana kota undi yang satu tersebut," antara yang disampaikan oleh teman pemantau kami dari kedutaan Norway dan Amerika Syarikat.

Pejabat SPR kecoh dan hingar. Ajen-ajen parti politik dilihat bertikam lidah sesama sendiri. Dari penjumlahan awal, NLD telah pun memenangi banyak dari kawasan pekan Hpa-An, namun keputusan masih belum boleh diumum disebabkan oleh kotak undi kem tentera tersebut dan pengiraan yang masih belum selesai di kawasan luar bandar.

Ibu pejabat menghubungi kami dan meminta laporan tentang apa yang berlaku. Ternyata, bukan hanya Hpa-An yang berhadapan kesulitan untuk mengumumkan pemenang, sebaliknya juga negeri lain. Bekalan elektrik yang terhad, serta tahap kecekapan kerja dek kurangnya pengalaman

**ADAM ADLI**  
  
**universiti  
ketiga**

mengurus pilihan raya membantutkan keputusan pilihan raya daripada dapat diumum awal.

Setelah keadaan sedikit reda, kami langsung berjumpa dengan ketua SPR Kayin yang turut berada di situ. Tuntas, keputusan untuk kerusi dalam Hpa-An yang ditandingi malam itu hanya boleh diketahui paling awal esok.

"Esok awal pagi, kamu semua perlu berada di sini. Kamu adalah satu-satunya saksi bebas yang ada, parti-parti politik kesemuanya tidak mahu percaya satu sama lain," pohon beliau.

Jam sudah menunjukkan hampir 12 malam ketika itu. Kebanyakan orang sudah mulai meninggalkan pusat penjumlahan undi. Esok pagi, masalah yang timbul ini akan diselesaikan di hadapan wakil dari Nay Pyi Taw.

Kami pulang ke hotel dalam keadaan yang lelah setelah sehari bergelut dengan pemantauan. Sepanjang perjalanan ke hotel, kelihatan beberapa stesen mengundi masih belum memadamkan lampu.

Proses perkiraan undi masih berlangsung di banyak stesen yang lain. Kami memilih untuk menunggu esok sahaja. Tenaga sudah habis untuk hari itu.

Ohn Mar tidak pulang ke rumahnya di Endu, sebaliknya tinggal di bilik Roisai. Beliau masih diperlukan esok pagi. Di lobi sebelum

masing-masing pulang ke bilik, Ohn Mar yang gemar berbual tentang politik menanyakan saya tentang kemungkinan untuk hari esok.

Saya katakan pada beliau, tentulah masalah ini akan selesai dan kita akan dapat keputusannya esok. Beliau menggeleng kepala. "Bukan itu, maksud saya negara ini. Adakah esok akan ada kerajaan baru?"

Saya tersentak. Hampir sahaja saya lupa bahawa beliau adalah pengundi dan salah seorang dari jutaan manusia yang mengimpikan perubahan dalam negara ini.

"Saya tak tahu, sekurang-kurangnya Hpa-An dan Kayin ini, NLD berpeluang menang."

"Saya tak tahu, sekurang-kurangnya Hpa-An dan Kayin ini, NLD berpeluang menang. Harapnya di negeri lain kita dapat berita yang sama," jawab saya ringkas.

Saya tidak berani memberi sebarang harapan kepada beliau. Saya sendiri pernah mengalami pengalaman yang sama; disuap setinggi harapan, namun kecewa keesokan harinya.

Saya tinggalkan Ohn Mar dan menuju ke lif untuk naik ke bilik. Ohn Mar yang masih di sofa lobi membelek telefon bimbit beliau untuk cuba mendapatkan berita.

"Adam!" jerit beliau menghalang saya dari masuk ke dalam lif. "NLD sudah menang di Yangon!" teriak beliau dengan mata yang bergenang.

## Dilema gred rendah makanan rakyat Malaysia

**M**INGGU lalu, saya sempat mengadakan program bersama-sama dengan ketua unit saya yakni Suhaizan Kaiat bagi membangunkan perjalanan media dalam mendekati isu masyarakat.

Keputusan pun dibuat dengan mengembara mencari masalah yang dihadapi rakyat berkenaan peningkatan harga barang. Saya bersama Suhaizan telah merencanakan beberapa misi untuk bertemu dengan masyarakat awam sendiri.

Sepanjang tiga hari di lapangan, kami mendapat isu kenaikan harga barang banyak memberi kesan negatif kepada masyarakat khususnya di Johor. Timbul persoalan, mengapa perkara ini banyak terkesan di negeri Johor? Perkara ini telah menyelubungi dalam misi seterusnya bagi mendapatkan jawapan di atas persoalan yang timbul semenjak memulakan kembara membongkar permasalahan rakyat.

Bersetuju untuk menamakan produk kami sebagai Jelajah Live Bongkar, akhirnya pada 9 Julai lalu, kami bertandang di pasar basah dan runcit di pasar awam Larkin Johor Bahru.

Sewaktu bertemu peniaga, Farez Abd Aziz, beliau telah dengan tidak semena-menanya mengeluh berkenaan isu sayur-sayuran dan bahan mentah yang diekspot ke luar negara.

**Kembara  
Selotan  
Amni Jagat**



Jawapan yang kami perolehi adalah memberangsangkan di mana sayur, buah serta bahan basah seperti ikan, ayam dan pelbagai lagi telah diekspot ke luar negara. Permasalahan yang timbul apabila barang eksport tersebut dihantar ke luar negara ia membuatkan harga barang dalam negara berkurangan sekali gus melonjak tinggi.

Inilah adalah suatu faktor yang membuatkan bahan mentah itu menjadi mahal apabila ia sekali gus memberikan bebanan kepada pembeli atau pengguna. Beliau yang sudah berniaga kira-kira 20 tahun di pasar itu turut mengeluh berkenaan sayuran serta bahan mentah lain dihantar ke negara jiran seperti Singapura adalah yang bergred tinggi.

Jika yang dihantar ke luar negara adalah bahan mentah yang bergred tinggi, bagaimana pula dengan bahan mentah yang tinggal dalam negara? Inilah persoalan yang dijawab oleh Farez dengan menyatakan yang tinggal di dalam negara adalah sayuran dan bahan mentah yang bergred rendah sahaja. Kualitinya jauh

berbeza dengan bahan mentah yang dieksport.

Hal ini memerlukan. Saya juga sebagai pengguna di negara ini. Saya melihat hal ini tidak adil kerana menganaktirikan rakyat yang selama ini memajukan negara ini tetapi hasilnya hampa. Harga kos bahan mentah yang mahal ini tidak setimpal dengan hasil pembelian yang diperolehi.

Sudahlah harga bahan mentah ini mahal hasilnya pula dalam gred rendah yang tidak berbaloi untuk kita mengeluarkan banyak wang tetapi hanya sisa dari negara yang diekspot. Saya mengajukan permasalahan ini kepada beberapa rakan, ada yang memberi maklum balas yang kasar dan ada yang memberi maklum balas berlainan daripada kotak pemikiran saya.

Ada yang berpendapat, "jika makanan atau bahan mentah kita bergred rendah patutlah banyak pasaraya menggunakan semburan kimia supaya nak menggambarkan sayuran atau bahan mentah mereka nampak segar dan akhirnya bahan mentah itu telah menjadi bahan mentah yang bergred rendah serta mengandungi kimia untuk dilihat segar".

Saya terfikir jauh mungkin logik pandangan yang diberikan sahabat saya itu. Namun, perkara ini mendukacitakan. Hal ini perlu dipantau kerana keselesaan hidup adalah dengan ber-

mula dari kesihatan.

Di Johor, banyak hasil yang boleh kita temui tetapi sayangnya disebabkan pengurusan ekonomi yang tidak baik membuatkan perkara-perkara seperti ini berlaku.

Diakui kadar tukaran matawang asing menyebabkan perkara-perkara sebegini berlaku. Tidak dinafikan jika ekonomi Malaysia diurus dengan baik dan berjaya meningkatkan semula nilai Ringgit, sudah pasti bahan mentah yang diekspot ini akan dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia.

Kos sara hidup rakyat juga menjadi punca utama dalam kehidupan masyarakat kita di dalam negara ini. Benar masih ramai boleh makan, membeli kenderaan, membeli belah menjelang hari perayaan, tetapi siapa yang tahu mengenai masalah bebanan yang dihadapi mereka.

Mereka terpaksa makan di luar sebab suami dan isteri yang terpaksa berkerja. Rakyat terpaksa membeli kenderaan kerana pengangkutan awam yang lemah terutama di Johor.

Rakyat perlu membeli-belah ketika hari perayaan kerana waktu itulah adanya jualan murah dan itulah tarikh yang tunggal dalam setahun untuk menukar pakaian yang baru.

# Warkah Shakira buat Junta

Panti Pelarian  
Jalan Penderitaan.

Salam sejahtera,  
Junta,

**B**UAT makluman kalian, kini aku baik-baik saja di sini. Aku ditempatkan di sebuah panti pelarian yang mewah dengan segala impian. Impian di Arakan yang menempatkan oasis khemahku di pemukiman nerakamu. Walaupun kami di sini sebagai warga pesona non grata atau sekadar mendapat izin permit UNHCR, namun kami bebas seperti warga merdeka di tanah ini.

Buat pertama kalinya sejak sekian lama mengidam rasanya, aku dapat menggaul sendiri dal, kacang parang dan ramuan lain. Meladeni anak-anak kami yang tidak begitu terurus, tapi kami bahagia. Dapat menjadikannya serasi seperti rakyat di tanah ini. Dan dapat aku cicip nikmati rasa sanahbul yang kami rindui. Biarpun ia bukan hasil panen bumi kita, junta. Bukan!

Kini aku menyantuni warga buanganmu yang bergelandangan ke sini. Ada yang terkubur bersama arus samudera ketika gagal mementangnya. Ada juga yang luka parah akibat cuba meloloskan diri daripada buruan pihak berkuasa. Atau ada juga yang memang telah kudung tangan atau kaki bekalan daripada jiran-jiran jalang kami yang kalian restui.

Aku di sini membangun kembali legasi kami yang cuba kalian mansuhkan dari muka



bumi. Bumi yang kita bangunkan bersama suatu ketika. Mengajar bahasa dan kira-kira hidup, atau mengerah kreativiti untuk ikhtiar diri. Kerana kami tidak punya pasport untuk menjadi murid sekolah atau visa untuk menjadi kontrak tetap.

Namun kelangsungan hidup harus diteruskan, dah syukur kami tidak diapa-apakan berbuat sesukanya di tanah ini. Tanah yang tiada kena-mengena dan bukan siapa-siapa dengan kami. Kamu tahu itu junta. Tahukah?

Kalian sedia maklum kami adalah warga pemastautin sah tanah kita yang kalian nafikan segala haknya. Kami adalah pemilik asal tanah yang kita bina bersama tapi kalian tawan serakus-rakusnya dan humban kami ke kancang hina. Kamu sedarkan itu, junta!

Junta!  
Dari kecil kami bermain, berhubung dan bertanam hingga hasil tani kami, kita kongsi dan kalian juga nikmati. Kami amalkan budaya hidup kami yang syumul dan tiada agenda sengketa. Kami tidak pernah hirau apa yang kaummu amalkan, malah menghormatinya.

Tapi kalian utuskan balaci junta untuk berkolaborasi dengan tentera merobek pondok kami. Membenci koloni kami yang kecil seakan harimau meratah anak dara bebiri. Merogol anak-anak gadis kami, membunuh lelaki kami dan membakar mentah-mentah anak-anak kami. Hingga daging mereka masak semerah ikan dipanggang pada lidi.

Lalu tubuh hangus bergelimparan menjadi landasan jentolak, dirakam media dan ditonton penuh emosi oleh warga global. Yang menangisi hanya boleh dibilang jari. Sedang yang lain hanya berpuas hati dengan mengumpul dokumentasi. Kamu tahu itu junta!

Kelompok kami yang minoriti bertempiaran lintang-pukang mencari tempat persebunya. Bapaku terbakar hangus tubuhnya. Mamaku tercedera dan gagal meneruskan lariannya. Raungannya menyuruhku meninggalkannya dengan juriahan tangisan. Hingga kini masih tidak tahu akan khabar beritanya. Dan sebahagian kami merentas sempadan memburu kematian atau membeli kehidupan yang amat mahal harganya.

Lalu aku ingin bertanya padamu, junta. Salahkah kami mengamalkan polisi hidup kami sendiri tanpa mengganggu sesiapa-pun dan apapun milikmu? Salahkah kami bermukim di tanah yang kita meterai bersama dalam sebuah deklarasi persefahaman suatu ketika? Simpan dahulu soalan ini, junta.

Junta,  
Pagi ini kami berpeluang menjilat manisan gurirfa yang juga lama tidak dijamah. Seratus enam puluh ribu wargamu di tanah ini, junta. Tanpa apa-apa sebab, orang lain kena tanggung makan-pakai kami. Beri ruang untuk kami dirikan khemah. Buat pusat-pusat jagaan dan tahanan di atas tanah mereka. Tanah yang bukan apa-apa dan bukan siapa-siapa kepada kami. Tapi tanah ini telah memberi semula kami kehidupan yang telah kalian kuburkan.

Junta, di tanah kita, kami tidak pernah merasa begini selesa. Di sini kami tidak punya apa-apa, tetapi telah dianugerahkan apa-apa. Kami tidak pernah kenal pena, tapi di sini kami dihadiahkan komputer. Di sana kami disekat untuk menjawat posisi biarpun sudah tuntas graduasi. Tapi di sini kami dibayar gaji biarpun hanya menjadi kuli.

Kamu juga harus tahu, junta. Di sana, hari-hari kami dihujani, senjata, peluru asli dan umpat maki. Tapi di sini kami ditaburi rezeki, kasih dan sayang sejati. Ada sahaja tangan yang menghulur sumbangan dan padangan. Bukan sahaja dalam kalangan jelata tetapi pemerintah juga. Mereka insan yang ada jiwa, junta. Kau harus tahu itu!

Aku langsung tidak faham apa yang kalian mahukan. Tidak cukup lagikah pengalaman rejimu yang lebih kejam membaham bangsamu sendiri. Tidak jadi pengajaran kekalahan puak pembebasanmu yang ditindan saban ketika suatu waktu dahulu.

Dan ketika api demokrasi kalian uar-uarkan, seakan membawa jamung kebebasan, kami pula jadi bahan racikan. Kami digilis seperti rejim lalu pernah melakukan ke atasmu. Kalian mayang kami halus-halus seperti menghiris bawang buat sayuran. Inikah erti perjuangan kemanusiaan yang kamu banggakan?

Bukan aku sahaja yang terpinga-pinga dengan hasil kerja kerasmu mengambil alih rejim lalu. Malah seluruh nusantara membelakangkan mata, terpana dengan muncung senjata yang sering kalian tuding hala. Bukan kepada penggalan di luar sana, tetapi kepada kami yang tidak berbuat apa-apa. Lalu bumi ini sanggup jadi galang ganti. Tanah yang bukan apa-apa dan bukan siapa-siapa kepada kita.

Junta,  
Akhirnya, junta, aku ingin lontarkan peluru kemanusiaan. Alangkah ajaibnya aku di tanah ini. Orang yang bukan siapa-siapa tetapi diberi apa-apa. Aku kini memimpin satu gagasan sukarelawan. Aku jadi ketua kepada ibu-ibu yang kebanyakannya berstatus tunggal tanpa suami yang tidak dikenal pasti.

Akiviti kami berlangsung di bawah suatu bumbung yang diwakafkan oleh entah

sesiapa. Segalanya mendapat biaya dari mana-mana NGO yang juga entah dari mana. Hari-hari ada sahaja tangan-tangan yang menginfak sumbangan.

Kau tahu junta, pemerintah di sini juga bukan persis sempurna. Masih banyak yang perlu dibaiki dan diganti. Dan kami akan membantu membaiki yang kurang sempurna dengan yang lebih baik. Di sini masih ramai mereka yang berhati mulia dan wajar diangkat menjadi idola.

Tidak perlu mendapat mahkota pejuang dunia mahupun juara seantero. Mereka yang amanah dan patuh pada aturan-Nya. Bukan yang sekadar memenuhi tembolok mereka dan keluarga dengan api rasuah. Ini pejuang dalam pembikinan. Tangan-tangan inilah yang mengumpul infak dan bantuan.

Ironinya, mereka yang menghulurkan tangan bukan dari spesis dan seagma dengan kami sahaja. Malah ada yang bermata sepet dan pucat seperti puak-puakmu di sana, junta. Puak yang di sana melanyak kami, tapi di bumi ini, anehnya sama menatang kami. Kau dengarkah bicaraku ini, junta!

Aku aman membina citra kehidupan dan menghadam permasalahan. Malah kami bisa berkawan dan berkahwin tanpa ada sebarang sekatan. Bahkan semua kami dibenarkan bekerja tanpa sebarang halangan. Aku sudah mampu menyewa sebuah kamar untuk keluar-ga kendatipun bukan bertaraf mewah, namun jauh lebih aman dari teratakku di Arakan.

Junta, aku kini mengendalikan sebuah NGO sukarelawan sebagai proksi juntamu yang hilang kemanusiaan. Jajahanku tidak luas seluas nafsumu, tetapi cukup untuk kembali membina empayar kecil kehidupan.

Soalan akhirku, layakkah kau bergelar junta jika tidak mampu melindungi rakyatmu dari sengketa yang kau barakan sendiri? Tidak malukah kalian kepada warga dunia yang saban hari membilang-bilang kejahanat yang kalian nukilkau? Dan tidak layakkah kami menjadi warga sah taraf di tanah yang kami miliki sendiri?

Junta!  
Kau dengarkah getus suara hatiku ini? Kau fahamkah bahasa api yang bernyalai di dada kami? Kau tahukah sekam yang membara itu akan membura juga suatu ketika nanti? Kau sedarkan bahawa kuasa junta tidak kekal selama? Kau tahukah!

Aku menanti balasan warkahku ini, junta. Aku tunggu. Sebelum malapetaka menunggu di hujung nyawa. Bukan sahaja kamu, bahkan mana-mana junta yang korup dan derhaka.

Pecah kaca pecah gelas, sudah baca harap balas.

Yang benar,  
Shakira  
(warga tanpa negara)

Kirim cerpen dan  
puisi kepada  
[karyakreatifamanah@gmail.com](mailto:karyakreatifamanah@gmail.com) untuk  
disiar di halaman ini setiap minggu.

## MAWAR

Seri galah bertongkat  
dari akar berjunjung ke pucuk  
menanti lahir kuntum  
menunggu saat kelopak mentari  
mendempangi bumi  
duri memacak  
sekental persada terpasak  
aduh! Mawarku sayang

Pucuk tak kembang  
warna tak girang  
sedang mentari mula mendempang  
alahai ragam apa sayang?

Serimu tak ingin mekar  
pucukmu tak ingin kuntum  
hibamu menonton dunia  
tanahmu busuk milik orang  
ibumu lama gugur kelaparan  
tak ingin jua kau kembang  
ya, ini bumimu sayang  
yang kau lihat dari dempang mentari  
dan kau rela mati  
dari hidup di dada  
tanah busuk yang kini tergadai

## AMNI JAGAT

## PUTUSI

# P. Pinang sasar negeri terbersih 2018

**B**AYAN LEPAS: Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Datuk Maimunah Mohd. Sharif yakin Pulau Pinang mampu menduduki tempat pertama negeri terbersih bagi tahun 2018.

Ujar beliau, tiada yang mustahil sekiranya pekerja am MBPP yang melakukan kerja-kerja pembersihan awam memberikan komitmen dalam melaksanakan tugas.

"Jika tahun ini MBPP mampu mencapai tempat ketiga di belakang Terengganu dan Perak, tidak mustahil tahun hadapan Pulau Pinang merampas tempat pertama sebagai negeri terbersih.

"Saya yakin dengan warga MBPP yang ada di hadapan saya ini mampu memberikan pencapaian

yang terbaik serta komitmen sepenuh hati dalam menjalankan kerja-kerja pembersihan di sini.

"Saya berharap anda semua tidak mudah patah hati dalam menjalankan tugas sehari-hari serta berbanggadengan tugas yang diberi dan mestilah bersemangat dalam menjadikan Pulau Pinang negeriyang bersih.

"Manakala bagi orang awam pula, saya ingin menyeru agar kita semua dapat meningkatkan tahap kebersihan di kawasan sekitar kita, erta mengubah sikap ke arah yang lebih baik dalam mencapai sasaran negeri terbersih tahun hadapan," ujarnya ketika berucap pada sesi pertemuan bersama warga kerja pembersihan awam

(3D) dekat Dewan MBPP Jalan Rajawali, dekat sini, baru-baru ini.

Hadir sama Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Maimunah dalam pada itu, turut mengingatkan semua warga MBPP tentang pentingnya integriti ketika bertugas.

"Integeriti ini tidak terhad kepada rasuah semata-mata, ianya merangkumi soal kehadiran, tidak lewat masuk kerja, menipu sijil cuti sakit dan lain-lain.

"Kita (MBPP) tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tatatertib kepada pekerja-pekerja yang gagal mematuhi disiplin dan integriti bekerja," tegas Maimunah yang mahu warga kerjanya ber-



**Maimunah beramah mesra dengan kakitangan 3D MBPP pada pertemuan di Dewan MBPP.**

pegang kepada tanggung jawab dan intergriti dalam melaksanakan sesuatu tugas.

Sementara itu, Maimunah turut

meluangkan masa beramah-mesra bersama-sama pekerja 3D dan mandur yang hadir sebelum bergambar kenangan.

## Laporan kewangan MB Inc Perak perlu dibentang

**IPOH:** AMANAH Negeri Perak menggesa Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir membentangkan laporan kewangan MB Inc pada sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) untuk dibahaskan berikutkan keraguan ketelusan kewangan yang dipertikai banyak pihak sebelum ini.

Pengerusinya Asmuni Awi berkata, AMANAH akan memohon secara rasmi untuk melihat sendiri laporan kewangan MB Inc Perak ke-

wangan syarikat diperbadankan itu. "Datuk Seri Zambry tidak boleh menggunakan alasan bahawa laporan kewangan tersebut tidak perlu dibentang di dalam Dewan hanya kerana negeri-negeri lain juga tidak

pernah membentangkannya di dalam sidang Dun mereka.

"AMANAH Perak akan memohon secara rasmi untuk melihat sendiri laporan kewangan MB Inc Perak termasuklah eluan yang diberikan kepada beberapa orang pegawai Menteri Besar Perak selain untuk mengetahui jumlah bayaran zakat yang dibayar kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Negeri Perak (MAIAM-Pk)," ujarnya dalam satu kenyataan.

Asmuni mengulas kenyataan Dr Zambry dalam program 'Selamat Pagi Malaysia - Perak Bersama Dr Zambry di Perak FM' 10 Julai lalu, yang yang mempelawa pelbagai pihak untuk melihat sendiri laporan



**Asmuni Awi**  
kewangan khas Perbadanan Menteri Besar (MB Inc) Perak.

Isu berkaitan kewangan MB Inc ini dibangkitkan beberapa pemimpin

pemimpin Pakatan Harapan (PH) sebelum ini.

Mereka berpendapat MB Inc tidak telus dan tidak berintergriti, tidak berkemampuan mengurus, diberikan tanah dan aset yang besar, diberikan keistimewaan melebihi agensi lain, mempunyai liabiliti (tanggungan), tidak menyumbang kepada negeri dan rakyat dan bersaing dengan pemain industri lain dalam bidang batu-batuan, mineral dan hartaan.

Bagaimanapun dakwaan para pemimpin PH itu dinafikan Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan

dan Pembangunan Koridor Perak, Datuk Mohamad Zahir Abdul Khalid yang berkata, MB Inc telah diurus secara berhemah dan membawa perubahan positif terhadap industri mineral di negeri itu.

Mohamad Zahir juga mendakwa, MB Inc turut menyumbang kepada rakyat melalui pelbagai program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

MB Inc juga, tambahnya telah menyumbang sebanyak RM53.7 juta kepada pendapatan negeri di samping RM4.5 juta sumbangan dalam bentuk CSR dan zakat.

## Nasi dan kuah kosong jadi hidangan pelajar IPTA

Oleh **AMNI JAGAT**

**BATU PAHAT:** Hanya nasi dan kah kosong menjadi hidangan para pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di bandar ini akibat kenaikan kos sara hidup.

Perkara ini didebakkan peniaga kedai makan, Baharudin Omar, 55, dalam tinjauan yang dilakukan AMA-NAH Johor, baru-baru ini.

Baharudin meluahkan rasa simpati melihat pelajar-pelajar tersebut yang terpaksa berjimat sehingga makan nasi berlaukan kuah kosong serta air kosong semata-mata.

Pengusaha kedai makan yang menjadi tumpuan pelajar itu turut mengakui perniagaannya mengalami kemerosotan ketara mutakhir ini.

"Kalau tengok pelajar yang datang makan di sini hanya makan nasi putih, kuah serta air kosong saja, kita akan berasa sedih dan kebanyakkan mereka datang dari keluarga yang susah serta tidak berkemampuan.

"Kalau dulu dari sepuluh orang kita akan tengok dua daripadanya makan macam ini tapi hari ini boleh dikatakan lapan hingga sembilan orang yang akan makan macam ini sepanjang waktu.



**Baharudin Omar**

"Saya akui pelanggan saya semakin susut dan peniagaan ini tak rancak macam dulu. Bagi saya ini adalah disebabkan ekonomi rakyat yang semakin teruk terbeban. Gaji macam tu tapi barang belanja semakin mahal," katanya.

Naib Pengurus AMANAH Johor Suhaizan Kiat bersimpati dengan nasib pelajar IPTA yang terpaksa menanggung kesan daripada kepincangan pengurusan ekonomi negara.

Beliau menggesa kerajaan memandang serius perkara ini bagi memastikan para pelajar IPTA dapat meneruskan pembelajaran mereka dengan lebih selesa.

## AMANAH Melaka sasar 9 kerusi Dun, 1 Parlimen

**MELAKA:** AMANAH Negeri Melaka mensarankan sembilan kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) dan satu kerusi Parlimen pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Pengerusi AMANAH Melaka Adly Zahari berkata, kesemua kerusi sasaran parti itu adalah kerusi campuran dan kerusi majoriti tipis dimenangi BN pada PRU 2013 lalu, namun ia masih bergantung kepada perbincangan bersama parti gabungan dalam Pakatan Harapan.

"Tumpuan kita (AMANAH) kepada sembilan kerusi Dun dan satu Parlimen. Namun ia bergantung kepada perbincangan Pakatan Harapan.

"Tujuh daripada kerusi Dun tersebut adalah kerusi campuran.

"Ini kerana tertubuhnya AMANAH berdasarkan sokongan kepada seluruh masyarakat jadi kita mengambil kira kekuatan itu (kerusi campuran) untuk memilih kawasan meletakkan calon parti.

"Kita yakin Pakatan Harapan masih dapat mengekalkan kerusi yang pernah dimenangi pembangkang dalam PRU lalu cuma untuk dapatkan kerusi campuran kita melihat kepada kesesuaian calon dalam

pakatan," ujarnya.

Beliau ditemui ketika hadir di majlis Rumah Terbuka Hari Raya Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) di Shah Beach Resort, Klebang, dekat sini.

Menurut Adly lagi, AMANAH bukan sahaja menumpukan kepada kerusi yang pernah ditandingi Pas tetapi turut memberi tumpuan kepada kerusi yang dimenangi tipis oleh BN di negeri itu.

Justeru beliau berkeyakinan Pakatan Harapan Melaka berpotensi untuk meraih sekurang-kurangnya 19 kerusi Dun dalam PRU-14 nanti.

Dalam PRU13 lalu, parti-parti pembangkang yang bergabung di bawah Pakatan Rakyat memperoleh dua kerusi Parlimen dan tujuh kerusi Dun.

Ditanya mengenai isu yang menjadi tumpuan di negeri itu, beliau menegaskan ia masih lagi berkaitan dengan isu rasuah membebikkan kerajaan negeri dan agensinya.

"Isu rasuah yang berlaku di negeri ini memberi kesan kepada rakyat dengan tangkap-tangkapan yang dilakukan Suruhanjaya Penegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baru-baru ini," ujar beliau.

# MBPP, MPSP terima penarafan 5 bintang

**G**EORGE TOWN: Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) masing-masing berjaya mencapai penarafan lima bintang dalam Sistem Star Rating (SSR) PBT bagi tahun 2016 oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Perkara tersebut diumumkan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow baru-baru ini.

Katanya, penarafan tersebut diperolehi ekoran kedua-dua PBT mempamerkan prestasi cemerlang berdasarkan kriteria ditetapkan meliputi pengurusan, perkhidmatan teras,

pengurusan pelanggan, penyertaan komuniti dan pandangan penduduk.

"Kedua-dua PBT menunjukkan peningkatan membanggakan apabila memperolehi penarafan lima bintang bagi tahun 2016.

"Jika tahun sebelumnya, MBPP dan MPSP hanya memperolehi empat bintang untuk dua tahun berturut-turut iaitu tahun 2011 dan 2013, manakala tiga bintang (tahun 2008). Ini merupakan kejayaan memberangsangkan."

"Tahniah untuk semua kakitangan dan warga pengurusan MBPP dan MPSP," ujarnya ketika memaklumkan perkara tersebut selepas senarai penuh pemenang (PBT) diumumkan menerusi Mesyuarat Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT)

yang ber sidang 10 Julai lalu.

Sebanyak 41 daripada 101 PBT di Semenanjung Malaysia dan Labuan telah mencapai penarafan lima bintang.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa MBPP adalah antara PBT yang menerima markah tertinggi.

"Ini adalah pencapaian baik yang perlu dikongsi dengan semua yang telah bertungkus lumus, bukan sahaja warga MBPP dan MPSP tetapi Ahli-ahli Majlis, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan warga negeri Pulau Pinang," ujarnya.

## AMANAH Parit Buntar yakin kekal kerusi

**PARIT BUNTAR:** AMANAH Parit Buntar menaruh keyakinan Pakatan Harapan (PH) mampu memenangi kerusi parlimen dan dewan undangan negeri (Dun) di Parit Buntar pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Keyakinan itu disandarkan Ketua AMANAH Parit Buntar Ir. Mohamad Sufian Ahmad selepas melihat kerja keras dan maklum balas positif pengundi di parlimen tersebut.

"PH mendapat respon positif dari pengundi semua kaum yang mahu satu gabungan kuat menghadapi BN pada PRU ke-14.

"Pengundi Cina dan India kekal memberi sokongan kepada PH, manakala peningkatan sokongan pengundi Melayu kepada PH sangat ketara selepas PPBM menyertai PH," katanya ketika ditemui semasa Mesyuarat Agung AMANAH Parit Buntar kali pertama di Pekan Lama, dekat sini, baru-baru ini.



*Antara perwakilan dan pemerhati yang hadir pada mesyuarat agung AMANAH Parit Buntar.*

Mesyuarat Agung AMANAH Parit Buntar telah dirasmikan Ketua Pengarah Pilihan Raya AMANAH Perak Badri Khalid.

Ir. Mohamad Sufian berkata, AMANAH Parit Buntar sudah pun menyusun strategi untuk menghadapi PRU14 bagi meraih kemenangan dan meneruskan khidmat kepada rakyat.

"Pada hari ini AMANAH Parit Buntar mengadakan mesyuarat agung pertama selepas mesyuarat penubuhan tahun lalu. Walaupun ditohmah hanya akan bertahan tiga bulan, peningkatan kehadiran perwakilan dan pemerhati sekali ganda dari tahun lalu memberi petanda positif kemaraan parti Islam generasi baru ini," katanya.

Beliau berkata, sokongan pengundi



*Ir Mohamad Sufian*

Melayu kepada AMANAH sentiasa bertambah sejak awal ditubuhkan dan sokongan semakin ketara sejak dua bulan kebelakangan ini.

"Perpecahan Umno sehingga tertubuhnya PPBM dan halatuju Pas yang mengelirukan ahlinya memberi kesan positif kepada AMANAH.

"Beberapa kajian termasuk kajian Invoke telah membuktikan perubahan sokongan orang Melayu kepada

PH," jelasnya.

Katanya, orang Melayu juga terbebani dengan kenaikan harga barang akibat cukai jualan dan perkhidmatan (GST) yang tidak mampu ditanggung dengan pendapatan yang rendah.

"Orang Melayu mahukan pembelaan dan mereka melihat hanya PH sahaja yang jelas memperjuangkan nasib mereka," katanya.

## Program Perkebunan Komuniti tingkat produktiviti makanan

Oleh ZAINULFAQAR YAACOB

**MACHANG BUBUK:** Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (JPNPP) meluluskan RM3,370,000 insentif kepada petani dan usahawan industri asas tani (IAT) pada tahun ini berbanding RM3,180,000 pada tahun sebelumnya.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang menyalurkan sejumlah peruntukan bagi Program Perkebunan Komuniti dengan kerjasama JPNPP serta beberapa jabatan lain demi menggalakkan lagi penduduk bandar terlibat dalam sektor pertanian.

"Tujuan utama program ini ialah untuk membantu isi rumah bandar meringankan kos sara hidup dengan mengeluarkan sendiri sebahagian daripada bahan makanan yang diperlukan."

"Usaha ini akan dibantu oleh pihak Jabatan Pertanian (JPNPP) melalui insentif dan khidmat nasihat secara berterusan kepada institusi, agensi,



*Dr. Afif dan Chong Eng pada majlis Hari Bertemu Pelanggan 2017 di pejabat JPNPP.*

individu dan komuniti yang terlibat," jelas Dr. Afif pada Majlis Hari Bertemu Pelanggan 2017 di pejabat JPNPP di sini, baru-baru ini.

Pengarah JPNPP, Rozaidi Abdul Rahman turut berucap pada majlis tahunan itu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Padang Lalang, Chong Eng yang juga Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti.

Afif yang juga Adun Seberang Jaya

memberitahu bahawa agensi pelaksana negeri merangka pelbagai inisiatif dan polisi demi pembangunan sektor agromakanan tempatan bagi memastikan industri ini kekal relevan di Pulau Pinang.

"(Di bawah Program Perkebunan Komuniti ini), RM72,000 peruntukan telahpun disalurkan kepada 1,002 peserta pada tahun 2017, berbanding RM48,500 kepada 485 peserta pada tahun sebelumnya (2016)," jelas Afif yang juga Timbalan Ketua

## Filem berunsur LGBT dibatalkan tayangan

**GEORGETOWN:** Bagi menghormati sensitiviti masyarakat negeri ini, Pusat Seni Persembahan Pulau Pinang (PenangPAC) telah membatalkan penayangan filem 'Lost In Paradise' daripada Vietnam yang telah dirancang tayangannya pada 11 Julai lalu.

Filem yang mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan norma budaya dan agama itu diterbitkan pada tahun 2011 dan mendapat sambutan di beberapa negara yang memperjuangkan hak golongan LGBT (lesbian, gay, bisexual and transgender).

Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna negeri Datuk Abdul Malik Abul Kassim dalam satu kenyataan media berkata, pihaknya hanya mengetahui tentang rancangan penayangan filem itu pada 11 Jun dan dimaklumkan tentang pembatalan tayangannya oleh PenangPAC.

"Walaupun PenangPAC adalah milik individu dan tidak berkaitan dengan kerajaan negeri, namun bagi menunaikan tanggung jawab saya sebagai Exco Hal Ehwal Agama, saya perlu mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pihak berkaitan," ujar beliau.

Angkatan Muda Keadilan (AMK) nasional.

Selain itu, Afif memberitahu kerajaan negeri pada tahun 2016 turut memberikan insentif kepada 52 pihak yang perladangan mereka berjaya mencapai piawaian pensijilan skim myOrganic pada tahun 2016, berbanding empat pihak pada tahun sebelumnya.

Menurut beliau, insentif Kerajaan Negeri turut diberikan kepada enam pihak peladang yang berjaya mencapai piawaian pensijilan skim myGAP, berbanding 37 pihak pada tahun sebelumnya.

# Wanita AMANAH Kelantan kukuhkan hubungan

**K**OTA BHARU: Angkatan Wanita AMANAH (Awan) Negeri Kelantan menumpukan usaha meluaskan hubungan dengan pelbagai pihak bertujuan mengukuhkan parti bagi menghadapi pilihan raya umum (PRU) yang bakal diadakan bila-bila masa.

Ketua Awan negeri, Normala Mohd Nadzar berkata usaha ini melibatkan semua parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negeri itu.

"Alhamdulillah setakat ini kita telah mengadakan perbincangan dengan gerakan wanita parti-parti dalam Pakatan Harapan (PH).

"Semua pimpinan wanita dari PPBM, Keadilan dan DAP telah ada hubungan baik dan kita akan terus tingkatkan kerjasama dari semasa ke semasa," katanya ketika berucap di majlis perasmian konvensyen tahunan Awan negeri yang pertama di Wisma Tok Guru 8 Julai lalu.

Menurutnya perkembangan Awan Kelantan bergerak seperti dirancang dari segi penubuhan di peringkat kawasan dan Awan Muda (Warda).

"Dua kawasan iaitu Tumpat dan Machang telah ditubuhkan Awan peringkat kawasan masing-masing.

"Semua 12 kawasan lain telah mendaftarkan penaja masing-masing dan Insya Allah semuanya akan mengadakan mesyuarat tahunan masing-masing tahun ini.

"Kita juga bersyukur Angkatan Wanita Muda (Warda) telah mewujudkan jawatankuasa penajaannya dan telah bersama-sama kita

bergerak mengembangkan parti," katanya.

Konvensyen Awan negeri itu dirasmikan oleh Naib Presiden AMANAH, Datuk Husam Musa.

Dalam ucapannya, beliau mahu petugas wanita AMANAH turut diberi kefahaman isu-isu yang melibatkan kerajaan negeri dan pusat yang kini berhadapan pelbagai masalah.

"Kita berhadapan tadbir urus kerajaan negeri dan pusat yang berada dalam keadaan tenat dan amat menyusahkan rakyat.

"Gerakan penerangan kita khususnya di kalangan wanita perlu diberi latihan bagi membolehkan maklumat sampai kepada rakyat bagi mereka membuat pilihan tepat semasa pilihan raya.

"Isu-isu besar negara seperti GST, 1MDB dan pelbagai kepincangan

tadbir urus kerajaan negeri mesti diberi kefahaman kepada rakyat," katanya.

Walik Awan Nasional, Norhayati Bachok pula mahu Awan Kelantan meningkatkan keupayaan supaya seiring dengan gerakan Amanah negeri.

"Dari luar gerakan Amanah Kelantan dilihat begitu ke hadapan jadi kita berharap pihak Awan tidak ketinggalan.

"Insya Allah pihak kita di nasional akan membantu sedaya mungkin gerakan peringkat negeri terutama Kelantan bagi memastikan cita-cita kita untuk melihat Amanah berjaya menjadi kenyataan," katanya.

Hampir 100 pemerhati turut hadir pada konvensyen itu selain perwakilan terdiri jawatankuasa negeri, kawasan Machang dan Tumpat.



Perwakilan Konvensyen Awan Kelantan tekun mengikuti persidangan.



Husam merasmikan konvensyen Awan Kelantan.



Ustaz Che Ibrahim berucap mewakili Jawatankuasa Pimpinan Negeri.

## Konsert rock, dangdut mula dapat tempat di Kelantan

**K**OTA BHARU: Slogan Membangun Bersama Islam yang menjadi identiti Kelantan sejak Pas menerajui negeri itu kini diwarnai persembahan rock dan dangdut yang berlangsung hanya pada jarak kurang 10 kilometer, malam 8 Julai lalu.

Tular di media sosial, konsert penyanyi rock Awie berlangsung di Stadium Sultan Muhammad IV manakala gelek dangdut oleh artis tempatan pula di Sekolah Menengah Kebangsaan Berangan di Kampung Padang Tembesu dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Wakaf Bharu.

Awie atau nama sebenarnya Ahmad Azhar Othman, 48, membuat persembahan pada hari kedua Kelantan International Bike Week 2017 anjuran bersama kerajaan negeri Kelantan di bawah Urusetia Belia dan Sukan (Ubes) dengan Darulnaim Bikers.

Difahamkan seorang pegawai kanan pihak berkuasa tempatan (PBT) turut menyanyikan lagu di konsert vokalis kumpulan Wings itu.

Sebelum itu, Awie bersama Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Belia dan Sukan negeri, Datuk Abdul Fattah Mahmood menyempurnakan gimik pelancaran program yang

dilapor disertai 100 kelab moto-sikal berkuasa tinggi dari seluruh negara.

Sementara itu, persembahan gelek dangdut di khalayak awam termasuk sekumpulan remaja lelaki dipercayai kumpulan dikir barat pula menampilkan dua penyanyi tempatan dikenali Wanie dan Linda yang masing-masing berpakaian warna hijau dan merah jambu.

Satu rakaman video menunjukkan sebelum bergelek lagu 'Secawan Madu', Linda yang berambut perang meminta hadirin meluangkan masa dua minit untuk menyedekahkan bacaan Al-Fatihah kepada arwah anaknya yang meninggal dunia Februari lalu.

Kemudiannya, sebaik muzik berulang terdengar suara penonton lelaki yang membuat rakaman secara amatur itu berkata, "pusing kot ni etek" apabila kedua-dua penyanyi membela kongnya.

Laman Facebook salah seorang penyanyi itu atas nama Ayue Rosalinda II turut memuatkan gambar dan rakaman video secara langsung program tersebut berserta catatan penghargaan kepada semua pihak terlibat.

Ayue Rosalinda ialah penyanyi tempatan yang terkenal dan dapat dilihat pada status Facebo-

ok tersebut yang mencatat lebih 1,100 'likes' hanya selepas empat jam dimuat naik manakala rakaman videonya menerima lebih 1,800 tontonan.

Walau bagaimanapun, banyak pihak mengelam kerajaan negeri yang dikuasai Pas kerana gagal menguatkuasakan peraturan hiburan yang ditetapkan.

Pengguna media sosial turut menyifatkan kedua-dua persembahan hiburan tersebut bercanggah dengan ciri Kelantan yang sebelum ini digelar Serambi Mekah dan mempunyai banyak sekolah pondok dan ramai ulama itu.

Tidak kurang juga menyindir Pas yang menerajui kerajaan negeri pada masa ini sudah maju 'Membangun Bersama Rock' selain 'Membalak dan Melombong Bersama Ulamak'.

Tindakan kerajaan negeri membenarkan Awie, pemilik kelab malam Malai Rock Station Bistro di Ipoh menyanyi juga dianggap bertentangan dengan peringatan Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man menjelang Ramadan lalu.

Tuan Ibrahim melarang pembelian makanan di bazar Ramadan daripada "orang yang tidak taat pada perintah Allah" termasuklah penjual yang tidak menutup aurat dan meninggalkan sembahyang.

## Kelantan hanya 'Serambi Mekah', kata Nik Abduh

**K**UALA LUMPUR: Ahli Jawatankuasa Pas Pusat Nik Abduh Nik Aziz dalam nada sindiran seakan mempertahankan kewajaran kehadiran penyanyi rock Awie mengadakan persembahan di Kelantan, pada 8 Julai lalu.

"Awie datang ke Kelantan meninggalkan bekas yang baik. Siapa pun datang ke Kelantan dengan niat yang baik, Allah akan menyantuninya dengan baik insya Allah.

"Adapun orang yang niatnya tak baik, walaupun duduk di Kelantan, yang luas akan jadi sempit, yang harum akan bertukar busuk dan siangnya akan bertukar malam 24 jam.

"Kelantan bukan Mekah. Kelantan hanya serambinya," ujar mantan Ketua Pemuda Pas Pusat itu seperti dipetik dari laman facebooknya, 12 Julai lalu.

Kehadiran Awie atau nama sebenarnya Ahmad Azhar

Othman, 48, membuat persembahan pada hari kedua Kelantan International Bike Week 2017 anjuran bersama Kerajaan Negeri Kelantan di bawah Urusetia Belia dan Sukan (Ubes) dengan Darulnaim Bikers menjadi tular di laman sosial.

Ini berikutan hari sama turut diadakan persembahan gelek dangdut di khalayak awam oleh dua penyanyi tempatan dikenali Wanie dan Linda.

Justeru ramai beranggapan slogan 'Membangun Bersama Islam' yang menjadi identiti Kelantan sejak Pas menerajui negeri itu pada 1990 telah dicemari dengan persembahan hiburan tersebut.

Banyak pihak mengelam kerajaan negeri yang dianggap menyimpang daripada norma-norma pentadbiran bekas Menteri Besar Allahyarham Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

# Demi rakyat Husam sedia disaman

**K**OTA BHARU: Naib Presiden AMANAH Datuk Husam Musa mengalau-alukan hasrat seorang individu Tang Too Siah yang mahu menyaman beliau ekoran kenyataan yang dibuatnya pada 3 Julai lalu mengenai sebuah syarikat yang memungut deposit tanpa kelulusan Bank Negara Malaysia.

Husam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Salor dalam kenyataannya itu mahu kerajaan negeri Kelantan menjelaskan sama ada tindakan syarikat Climate Protector menggunakan kelulusan sejuta ekar Hutan Simpan Kekal (HSK) untuk mengutip wang orang ramai dengan menjual token atau 'cryptocurrency' dipersetujui kerajaan negeri.

Ini kerana Menteri Besar Kelantan telah mengumumkan projek 'perniagaan karbon' bertaraf dunia itu pada majlis Aidilfitri 26 Jun lalu

sedangkan BNM tiga hari sebelumnya telah menyenaraikan Climate Protector dan sekutunya, EcoBit beroperasi tanpa kelulusan bank pusat itu.

"Saya mengalau-alukan tindakan yang dicadang diambil oleh beliau (Tang Too Siah). Banyak perkara mengenai kepentingan negeri Kelantan, orang awam dan rakyat yang berbangkit sekarang dapat diselesaikan menerusi proses itu Insya Allah," ujar Husam di laman Facebooknya.

Penasihat Amanah Kelantan itu berkata, pihaknya telah menerima aduan yang bertali arus daripada orang ramai termasuk dari Indonesia dan beberapa negara mengenai tuduhan scam melibatkan BTC Panda dan TS Tang.

"Seseorang bernama TS Tang telah banyak dikaitkan di dalam aduan itu. Beliau dikatakan terlibat melesapkan wang pelabur

melalui skim bit coin anjuran BTC Panda.

"Saya belum dapat mengesahkan sama ada dakwaan ini benar atau tidak."

"Saya berharap Encik Tang boleh menjelaskan kepada umum sama ada beliau ada terlibat dengan dakwaan itu atau tidak," tambah beliau.

Husam bagaimanapun tidak pasti sama ada TS Tang yang disebutkan oleh para pengadu dan Tang Too Siah yang mengancam untuk menyaman beliau ialah individu yang sama.

Menurut beliau, jika TS Tang yang terlibat dengan BTC Panda adalah sama dengan Tang Too Siah dari Climate Protector dan EcoBit, beliau yakin peringatan yang dibuat kepada Kerajaan Kelantan adalah penting dan mustahak.

Husam juga berharap pihak polis

mempercepatkan siasatan ke atas isu ini, yang telah dilaporkan di pelbagai balai polis di seluruh negara antaranya di Setapak, Cheras, Rawang, Kajang, Kepong, USJ8, Paroi, Pantai serta Seksyen 6 Shah Alam.

Beliau juga hairan dengan kegagalan Tang untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap BNM kerana mengumumkan Climate Protector telah menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Malah tambah beliau, Program Pembangunan Bangsa Bersatu (UNDP) Malaysia menafikan terdapat sebarang kerjasama dengan EcoBit, yang menggunakan logo UNDP tanpa kebenaran pihak mereka.

Penyelaras Residen PBB di Malaysia merangkap wakil UNDP bagi Malaysia, Singapura dan Brunei

Stefan Priesner, ujar Husam turut menafikan sebarang projek yang diluluskan agensi tersebut di Malaysia.

"Kenapa En Tang tidak ingin menyaman UN (PBB) dan UNDP sendiri kerana kenyataan-kenyataan ini telah menafikan dakwaan tentang mekanisma UN REDD berkait sejuta ekar hutan Kelantan?" soal beliau.

Husam menambah, menjadi tugas beliau selaku Adun untuk menjaga kepentingan negeri dan rakyat Kelantan malah ugutan saman tidak boleh mengubah tugas dan tanggung jawab beliau untuk terus bersuara.

"Saya juga berharap PDRM terbaca posting ini dan bertindak sewajarnya dalam masa yang dikira tidak tertangguh-tangguh oleh mangsa dan bakal mangsa," katanya.

## MB Kelantan dimaklum watak utama syarikat EcoBit

**AHLI** Dewan Undangan Negeri (Adun) Salor Datuk Husam Musa 6 Julai lalu menghantar mesej pesanan ringkas (SMS) kepada Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob berhubung dakwaan sebuah syarikat yang mengutip dana awam tanpa kebenaran dan kelulusan pihak berkuasa.

SMS itu turut ditujukan kepada Ahli Exco Kerajaan Negeri Datuk Dr Mohd Fadhl Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Penasihat Undang-undang Negeri.

"Tengah hari ini saya telah menghantar SMS seperti di bawah, kepada YAB MB Kelantan, dengan 'di c.c.' kepada YB Dr Fadli, SUK dan LA Kelantan," kata Husam dalam satu

pesan WhatsApp. Kandungan mesej itu menyebut;

*YAB MB Kelantan,  
Salam. Berkait isu sejuta ekar kelulusan hutan simpan negeri kita Kelantan. Berkait isu sejuta ekar kelulusan hutan simpan negeri kita Kelantan yg diluluskan pd Climate Protectors yg kemudiannya telah digunakan menerusi EcoBit utk mengutip dana awam tanpa kebenaran sah menerusi jualan koin digital berbasas eco, sy jemput YAB membuat google search - sama ada atas entry TS Tang atau btc panda miners atau scam bitcoin btc panda, utk mengenali latar belakang watak utama syarikat CP/EcoBit.*

*Tujuan sms ini adalah utk YAB mengambil langkah segera yg sesuai dan mengambil t jwb dan risiko yg sesuai.*

*Husam Musa  
Zohor, 6/7/17*

*Sk:*

*1. Yb Dr Fadli Hassan  
2. Kelantan SS*

Ahmad sebelum ini mempertahankan perkongsian kerajaan negeri dengan syarikat Climate Protector Sdn. Bhd. berkaitan urusniaga karbon kredit.

Beliau turut mencabar orang ramai supaya membuat laporan polis sekiranya syarikat itu menjalankan aktiviti bersalahan undang-undang.

Kerajaan negeri, menurut Ahmad tidak pernah mengarahkan atau meminta Climate Protector Sdn. Bhd. atau mana-mana syarikat mengutip wang untuk melaksanakan projek karbon trading tersebut.

Beliau terus mempertahankan usahasama itu yang diyakini dapat meningkatkan program pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan berhutan di negeri Kelantan yang berfungsi dalam mengawal kestabilan alam sekitar, menjamin air bersih dan keberkekalan kepelbagaiannya biologi.

Kerajaan Kelantan telah mendatangi memorandum perjanjian (MOA) dengan Syarikat Climate Protector Sdn. Bhd. pada 9 Januari lalu yang antara lain memperuntukkan

tempoh 24 bulan atau 2 tahun untuk dilakukan analisa saintifik, penilaian dan laporan verifikasi oleh para saintis bertaullah bagi mengenal pasti stok karbon di kawasan hutan yang dienal pasti kerajaan negeri.

Kerajaan negeri juga akan mendapatkan pandangan pihak ketiga daripada institusi kewangan berwibawa tentang perjalanan urusniaga yang akan dilaksanakan syarikat bagi memastikan urusniaga itu sah dari segi perundangan tempatan dan antarabangsa.

Ahmad juga berkata, kerajaan negeri turut mengambil kira pandangan daripada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dalam hal ini.

## Perdagangan karbon di Kelantan: Bila ia bermula?

**PERDAGANGAN** karbon di Kelantan pertama kali didengar dalam sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Kelantan pada November 2016 apabila anggota Exco Kerajaan Negeri Datuk Anuar Tan ketika berucap menyebut Kelantan adalah negeri pertama di Malaysia terlibat dalam perniagaan karbon kredit.

Dalam penjelasannya, Anuar berkata setiap hektar hutan simpan kekal yang diserahkan kepada syarikat terbabit bernilai 20 kredit dengan satu kredit berharga RM25.00.

Kerajaan negeri (pada waktu itu), ujarnya telah menyerahkan 300,000 hektar hutan simpan kekal yang membawa nilai RM150 juta.

Bagaimanapun Bank Negara Malaysia telah menyenaraihitamkan Syarikat Climate Protector (Ecobit) yang

menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan kerajaan negeri Kelantan bagi projek perdagangan karbon itu kerana terlibat dalam aktiviti pengambilan dana awam tanpa kebenaran.

Dalam perkembangan berkaitan, satu laporan polis dibuat oleh Ketua Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan 9 Julai lalu supaya hubungan kerajaan negeri dengan syarikat yang menjual token 'cryptocurrency' disiasat.

"Saya dengan ini memohon agar disiasat hubungan antara Climate Protectors Sdn. Bhd. dan Ecobit serta Kerajaan Kelantan kerana mengikut carian rasmi yang saya buat pemilik Ecobit adalah individu yang sama dengan salah seorang ahli lembaga pengarah Climate Protectors.

"Aktiviti keduanya secara jelas merujuk kepada kelulusan satu juta ekar yang berkenaan di dalam mempromosikan perniagaan 'cryptocurrency' Ecobit yang tiada kelulusan Bank Negara Malaysia (BNM)," kata Hazmi dalam laporannya.

Menurutnya dalam perjanjian pada 9 Januari awal tahun ini, pihak kerajaan negeri menyerahkan kepada Climate Protectors sejuta ekar hutan simpan (HSK) bagi tujuan yang didakwa sebagai program Carbon Climate Change.

"Program ini di bawah inisiatif melindungi alam sekitar daripada pemusnahan hutan dan degradasi (REDD) melibatkan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) yang pernah ditimbulkan dalam sidang Dun Kelantan pada Oktober 2016," katanya.

Pada 17 Februari 2017 katanya,

Kementerian Sumber Asli telah mengeluarkan kenyataan mengatakan bahawa perjanjian yang ditandatangani antara kerajaan Kelantan berhubung inisiatif REDD bercanggah dan tidak memenuhi syarat Konvensyen Rangka Kerja PBB mengenai perubahan iklim (UNFCCC).

"Pada 23 Jun 2017 pula, BNM merentas laman webnya menyenaraikan Climate Protectors Sdn Bhd. dan sekutunya Ecobit sebagai beroperasi tanpa kelulusan BNM.

"Semua ini tidak dihiraukan Menteri Besar Kelantan kerana dalam satu majlis sambutan hari raya pada 26 Jun sekali lagi diumumkan penglibatan kerajaan negeri dalam projek tersebut," katanya.

Menurutnya lagi pihak PBB melalui agensinya United Nation Develop-

ment program (UNDP) pula pada 5 Julai 2017 menafikan penglibatan PBB dalam projek berkenaan.

"Saya secara peribadi telah pergi mencari syarikat berkenaan berdasarkan alamat berdaftar syarikat berkenaan akan tetapi tiada pejabat syarikat berkenaan di alamat yang telah didaftarkan tersebut," katanya.

Menurut Hazmi, bermula 9 April tahun ini, Ecobit mula menggunakan kelulusan sejuta ekar HSK itu dengan mengutip wang orang ramai dengan menjual token atau apa yang di-

dakwa 'cryptocurrency' yang kemudiannya disahkan tidak mendapat kelulusan BNM.

Lebih 30 pemuda Pakatan Harapan turut mengiringi Hazmi untuk menyatakan solidariti bersama beliau ketika membuat laporan itu di Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Bharu.

# Maruah dan akal budi

**SEKITAR** tahun 2002 ketika saya berkunjung ke Peshawar, Pakistan saya sempat menemui beberapa orang sahabat yang saya kenali sejak awal 80-an. Salah seorang darinya saudara Mohamad Gulzai, iaitu salah seorang pemimpin utama Hezbi Islami Afghanistan yang diketuai Ir. Gulbuddin Hekmatyar.

Waktu itu Gulzai yang sangat rapat dengan Hekmatyar malah mereka berbesan, mengambil keputusan untuk meninggalkan perjuangan bersenjata dan berjuang melalui kegiatan masyarakat sivil (civil society). Beliau menyatakan bahawa alangkah baiknya jika mereka meneladani gerakan Islam di Malaysia yang memberikan tumpuan kepada pembinaan kader-kader Islam sejak tadika hingga ke universiti.

Suatu yang tidak pernah berlaku dalam masyarakat Afganistan yang sangat kuat, sangat teguh berpegang kepada agama dan budaya berbagai suku. Semangat tinggi dan kesanggupan mengorbankan diri dalam perjuangan itu belum mencukupi sebenarnya.

Memang pengalaman kita di Malaysia amat unik, yang dihargai oleh orang-orang luar yang dapat melihat kesungguhan kita mendorong kebangkitan baru Islam di dekad 70-an dan 80-an. Kita sendiri barangkali tidak dapat mengapresiasi kaedah mahupun trends yang diguna pakai oleh para aktivis Islam yang sangat kreatif di awal era kebangkitan baru Islam di Malaysia.

Oleh itu kita yang sudah berada di milenium baru ini tidak seharusnya memandang ringan kepada apa yang telah dilakukan oleh para senior kita. Sejarah mesti dipelajari dan dianalisis sebaik mungkin agar kita dapat memperbaiki prestasi dan menghindari kesilapan kali kedua.

Di Peshawar juga saya bertemu dengan seorang lagi kenalan Mohammad Parvez Iqbal, yang pernah menyertai beberapa siri latihan dan pertemuan pemuda-pemuda Islam Rantau Asia Pasifik sama ada yang dijalankan di Dhaka atau Kuala Lumpur. Parvez adalah pelajar medis yang mewakili Jamaat E Thalaba, organisasi pelajar Islam Pakistan yang bernaung di bawah parti Islam Jamaat E Islami yang diasaskan oleh Sayyid Abul Ala Al Mawdudi.

Parvez yang saya temui di Peshawar telah

memenangi pilihan raya dan dilantik sebagai Timbalan Datuk Bandar Peshawar. Dalam pertemuan itu, Parvez memberitahu saya bahawa oleh kerana kebencianya yang amat sangat kepada Presiden Pakistan, Parvez Musyarrif beliau telah membuang nama Parvez secara rasmi dengan mengangkat sumpah di mahkamah. Dan beliau memberitahu namanya sekarang bukan lagi Mohammad Parvez Iqbal, tetapi Muhammad Iqbal sahaja.

Tegasnya kepada saya, "Brother Anuar, do not call me Parvez. My new name is Muhammad Iqbal."

Agak janggal juga berbual dengan beliau kerana selama ini saya memanggil beliau dengan nama Parvez, dan kini terpaksa memanggil beliau Iqbal pula. Demikian rupanya kemarahan seorang Pakistan kepada pemimpin negaranya sehingga sanggup menukar namanya.

Kita di Malaysia pada masa kini berdepan dengan seorang pemimpin yang amat tidak popular. Kemarahan orang dengan pemimpin yang seorang ini luar biasa sekali. Malah, seorang mantan Perdana Menteri (PM) memanggil PM sekarang sebagai 'maling' (pencuri). Namun kita belum pernah mendengar orang sampai sanggup menukar nama apabila mereka senama dengan Perdana Menteri Malaysia sekarang ini. Agaknya cara dan budaya kita di Malaysia berbeza sekali dengan Pakistan.

Kebencian dan kemarahan orang Malaysia dizahirkan dalam bentuk tersendiri misalnya suatu ketika dahulu apabila berlaku demonstrasi menolak penguatkuasaan cukai GST yang membebankan itu, ramai juga para demonstran memakai kemeja T dengan bertulis "Undur Najib Undur!" dan "Undur Najib!" namun ia hanya dipakai semasa demonstrasi. Sesudah itu jarang kita bertemu dengan mereka yang memakai baju begitu lagi.

Nampaknya ramai dalam kalangan rakyat di negara kita ini masih dibelenggu oleh budaya takut. Agaknya doktrin budaya Melayu yang melarang penderhakaan terhadap pemimpin walau betapa buruk pun akhlak pemimpin tersebut masih wujud sehingga kini.

Menurut Shaharuddin Maarof dalam bukunya "Konsep Wira Dalam Masyarakat Melayu Membelai Romantisme Dekaden" Edisi Baru terbitan SIRD, Kuala Lumpur 2014, salah seorang pengarang Melayu Ibrahim Mahmood yang juga seorang anggota Umno, wartawan dan penulis sejarah mengesyorkan agar Tun Bajid, anak Hang Tuah diangkat sebagai seorang wira Melayu. Shaharuddin menyinggung hal itu dalam bukunya seperti berikut;

*"Sekiranya dikaji dengan halus, watak Tun Bajid mendokong prinsip jangan mengkritik pemimpin. Mengikut Sejarah Melayu, Sultan Mahmud pernah bermukah dengan isteri Tun Bajid. Pada suatu Subuh, apabila pulang bertugas semalam, Tun Bajid terserempak dengan Sultan Mahmud yang sedang tergesa-gesa meninggalkan rumahnya. Tun Bajid naik radang sekali dan kalaularah tidak kerana psikologi feudalnya sudah tentu beliau membunuh Sultan Mahmud. Beliau membentak kepada Sultan Mahmud: "...jikalau tuan hamba bukan tuan kepada hamba, jika tiada lembing ini kutumbukkan di dada bukannya hamba anak laki-laki". Tun Bajid mematuhi konsep taat setia feudal yang mengutuk seseorang menentang tuannya. Peristiwa itu meruntuhkan rumah tangga Tun Bajid. Sebagai bantahan Tun Bajid menjauhi istana. Walau bagaimanapun, kemudian dari itu Sultan Mahmud menitah beliau ke istana dan beliau segera datang menyembah. Sultan memberinya seorang isteri dan beliau menerima."*

Yang menjadi soalnya sekarang, apakah proses pengislaman rantau ini belum benar-benar sempurna, apakah watak dan jati diri orang Melayu yang dikongkong oleh budaya feudal itu terlalu mendalam sehingga ia belum menjadi suatu watak bangsa yang mantap?

Siddiq Fadzil dalam "Islam dan Melayu – Martabat Umat dan Daulat Rakyat" (Akademik Kajian Ketamadunan, Kuala Lumpur 2012) menyatakan:

*"Mulai abad 13M, rantau ini menyaksikan suatu gerakan pengislaman secara ekstensif dan intensif dalam erti meratai hampir seluruh kepulauan Melayu, meliputi hampir seluruh lapisan masyarakat rumpun Melayu. Sejak itu muncullah umat baru yang beragama dan berbudaya baru, umat yang melihat segala sesuatu dengan 'worldwide tauhidik', menyikapi segala sesuatu berdasarkan etos dan set nilai Islami. Transformasi keagamaan itulah yang membentuk sikap menjunjung tinggi nilai maruah dan prinsip keadilan. Kesedaran Melayu tentang maruah (dignity) terlambang dalam kata air muka dan terjelma dalam sikap tahu malu atau 'sense of shame'. Transformasi inilah juga yang telah melahirkan kontrak sosial baru berdasarkan prinsip dan nilai keadilan sebagaimana yang terumus dalam ungkapan raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah. Demikianlah, hubungan rakyat- enguasa bukan lagi hubungan mentimun-durian. Melayu yang telah mengalami transformasi keislaman adalah Melayu yang setianya bersyarat, dan derhaknya bersebab."*



PENDAPAT  
MOHD ANUAR TAHIR

Orang Malaysia sewajarnya membebaskan diri dari kongkongan nilai usang zaman Merong Mahawangsa atau zaman Raja Bersiong, membebaskan diri untuk menjadi manusia dwifungsi Ibadurrahman-Khalifa-tullah memerlukan pembinaan jati diri.

Ketidakberanian menzhirkan protes berpunca dari jiwa hamba yang telah menjadikan mereka lemah dan tidak berkemampuan. Kepada kalangan elit Melayu dan golongan terpelajar Malaysia, pandangan-pandangan dari Jamaluddin Afghani seperti yang diungkapkan Dr Shaharuddin Maarof perlu diberikan perhatian;

*"Afghani berpendapat bahawa salah satu peranan penting agama ialah memupuk perasaan malu di kalangan umatnya. Dengan sifat 'malu' beliau maksudkan perasaan yang mencegah seseorang itu melakukan perbuatan buruk dan mendorong pula seseorang itu meluaskan pendangan, mengejar kemajuan dan sifat mulia dan tidak hanya berpuas hati kekal dalam kejahilan, kemunduran dan kehinaan. Mengikut Afghani, tanpa agama sifat malu itu akan terjejas dan insan akan kehilangan satu pendorong kemajuan serta satu kawalan sosial yang penting bagi mencegah perbuatan-perbuatan hina. Perasaan malu ini telah terjejas di kalangan elit Melayu secara keseluruhan. Nampaknya mereka berbangga dengan perkara-perkara yang salah jika ditinjau dari segi pembangunan orang-orang Melayu. Nilai-nilai dan pencapaian sihat tidak ditonjolkan atau dianjur dengan kesungguhan. Mereka tidak berasa malu yang terdapat dalam masyarakat mereka gejala-gejala kemiskinan, ketidakadilan sosial, kejahilan, sifat tamak dan oportunistis, sikap kadam, kepimpinan yang tidak sihat, sikap tidak rasional dan tahlul, berleluasa pengertian nasionalisme yang sempit dan kedudukan sains dan teknologi yang mundur."*

Proses pengislaman rantau yang terganggu oleh kedatangan penjajah Barat ke rantau ini perlu dikembalikan ke landasan asalnya. Proses Islah dan reformasi taghyir al-nufus merubah jiwa dan minda umat perlu diintensifikasi oleh semua pihak yang berkewajipan.

Oleh itu, menghayati sikap tinggi akal budi dalam sebuah bangsa yang merdeka menuntut kesungguhan semua. Konsep wira dalam budaya bangsa memerlukan pengamatan yang halus. Budaya 'malu' memelihara dari keaiban dan menegakkan maruah diri akan menjadikan kita bangsa yang berani.

Semangat kita harus membela menolak segala tipu daya dalam menyanggah ke-pura-puraan dan kecurangan. Dari hidup bercermin bangkit baik mati bergalang tanah.

Mohd Anuar Tahir ialah Setiausaha Agung AMANAH



Preparing For The Bullfight – Kota Bharu, Kelantan, Circa 1902

# Is it checkmate for MO1?

By DR DZULKEFLY AHMAD

**G**RANTED, the third complaint of the US Department of Justice (DoJ) suit filed on June 5, no matter how damning to Prime Minister Najib Razak a.k.a. MO1, has only fortified his resolve and that of his party, with the BN coalition ostensibly standing firm behind him.

While that could be extremely intriguing to many, especially to the global community, that is how it will be until a "breakthrough of sorts" befalls his confidante, Jho Low a.k.a. Eric Tan (Tan Kim Loong).

Yes, only a criminal charge against Jho Low will arguably rattle Najib and I will tell you why, shortly. Yes, only if Jho Low is put in the dock to defend himself as the "mastermind" behind this international conspiracy dubbed "Heist of the Century"!

Never mind that the first complaint of the DoJ has brought to light in compelling substance and depth, that the US\$681 million transferred to the MO1 or Najib's private account in two separate transfers were from Tanore account (Tanore Finance Corporation), taken from the US\$3 billion bond raised for the ADMIC Agreement (joint venture of the 1MDB-Aabar).

Never mind that the attorney-general had on January 26 last year announced to the world that the US\$681 million (the famous RM2.6 billion) was a donation from the Saudi royal family without any consideration. He then declared Najib innocent of any wrongdoing.

Never mind that the auditor-general's report to the Public Accounts Committee has been sealed from public scrutiny, using the draconian Official Secret Act (OSA).

Never mind that the third DoJ complaint has finally shed light on the much hyped US\$620 million returned donation to the Saudi prince. Never mind, that the 251-page lawsuit now claims that US\$200 million (RM855.3 million) siphoned from the "returned money" was used, *inter alia*, to buy gems for Jho Low and associates.

Yes, even if only those given to Mirinda Kerr, the supermodel and Jho Low's mother worth US\$9.9 million were mentioned in the assets seizure list. Even if adding the MO1's wife's 22-carat pink diamond worth US\$27.3 million (RM116.7 million), brings the total to US\$38.5 million (RM164.6 million) meaning that US\$16 1.5 million (RM690.6 million) is not as yet on the DOJ's list.

Lo and behold, all the pathetic and mind-boggling responses of the AG and cabinet ministers

to defend Najib would dramatically change once Jho Low and his international conspirators are put in the dock in the "trial of the century".

Predictably, these cabinet members who were frantically defending the indefensible boss, resorted to paraphrasing the attorney-general's chambers (AGC), that the DoJ merely rehashed the earlier insinuations, "without proof or evidence of misappropriation". But what evidence and proof do they want?

As basic and as elementary as it is, the AGC, especially the AG, should be conversant that in 'pleading' or making a 'claim' and 'complaint', one only requires to produce the 'facts' and not the 'evidence'.

The 'evidence' would be produced in the course of the trial and the legal proceeding! You don't plead with the evidence in summon, only the facts! If you plead the evidence in summon, it will be struck off, anyway!

But again, you don't plead the facts unless you've the evidence in the first place! That is presupposed or presumed. This ignorance is deplorably baffling! Or is it a case of deliberately misleading the not-so-discriminating public? Despicable!

The DoJ and the FBI are now armed to the teeth, especially after the Patriot Act was put in

place after September 11, 2001, i.e. to prevent money-laundering activities. I need not elaborate again. The wheeler-dealer Jho Low and his conspirators must have been oblivious or ill-advised in transacting in American dollar and especially laundering in the US financial systems. You're dead meat, sir!

If the media is to be believed (WSJ, Bloomberg March 22, 2017), both the US and Singaporean authorities are planning to file criminal charges against Jho Low of wire fraud and money-laundering. It is separate from the on-going civil proceedings. The ultimate reckoning is nigh.

On record, Jho Low has told news organisations that he was "the victim of political infighting in Malaysia" and was only "an informal adviser" to 1MDB.

The worst nightmare ever, nay Armageddon for MO1 would be, if Jho Low decides to save his skin and claims that he "was only acting under instruction and on advice from someone..."

Then, it will not be quo vadis IMDB, but quo vadis MO1 a.k.a. Najib! Checkmate! – FMT

**Dr Dzulkefly Ahmad is Strategy Director of Parti Amanah Negara.**

# Why PPBM has the rural votes

By RAIS HUSSIN

**T**HANKS to the efforts of the opposition since 2008, if not earlier, the 'gelombang' in Malaysian electoral politics has not peaked and probably never will. And this is true for the politics of the right as well as the left.

Just as the cost of living has risen in most other advanced and developing economies, the same holds true in Malaysia.

Let's take the UK, for example – a country which Malaysia has emulated based on corporatisation. Prior to Brexit in June 2016, to the surprise of many, David Cameron led the Conservative Party to a two-third majority victory.

This was the first majority in more than 10 years, as across the board all elections in the 27 member bloc in the European Union (EU) had seen either a minority or mixed government.

Thinking – erroneously as it was – that he had successfully breached the vote bank, Cameron took another gamble. He promised

to subject the withdrawal of the UK from the EU to a referendum. This time, he lost. The whole of UK lost. Badly, as Brexit will unleash the forces to split Scotland or Wales away from the UK one day.

And, in her attempt to reverse the lack of majority in the Conservative government, which was merely at 17 seats, Theresa May called for another snap election in June 2017.

Not only did she lose the 17-seat majority held by Cameron, she lost by a wider margin that allowed her main opponent, the Labour party – that is, from the left – a gain of 26 parliamentary seats! The right lost to the left due to the rise in the cost of living, which is a menace also confronting Malaysia.

Across the English Channel, a new upstart in the form of Emmanuel Macron defied all traditions by first winning the French presidency in May 2017, then leading his party to win even more parliamentary seats in the French Parliament, thus giving him more executive and legislative power to govern France.

Anything familiar to Malaysia? Yes. The left-centre Macron won without the support of any party structure, which is a case similar to PPBM.

What is interesting in the French and British cases is that the voting patterns look very similar to the Malaysian electoral pattern, even non-electoral patterns where the voters keep voting for those who help them understand how the government has ransacked their treasury and raised the cost of living.

PPBM is clearly committed to working with the opposition to highlight the cost element, which has indeed eroded us completely.

PPBM and opposition parties like PKR and AMANAH, if they unite, can snare all the rural Malay votes.

Even in Asia, the trends reflect that the winds are in the favour of PPBM and the opposition.

In the case of South Korea, a leftist candidate, Moon Jae In, won two-thirds of the majority to become president of South Korea after displacing Park Geun-hye for corruption and cronyism. Eighty percent of the voters were driven by job concerns – not the threat of North Korea.

In the case of Japan, Yuriko Koike, coming from the progressive centre-right of Japan, swept to a majority in the Tokyo municipal elections with more than a hundred seats! This signalled the impatience of the people in

Tokyo with the slow growth of Abenomics which only gained traction last month – too late to pacify the city folks.

If Malaysia is growing, as the government says, why can't the urban people enjoy the benefits, or even send extra money home to their parents in the villages? Again, PPBM and the opposition have the upper hand, and have been in villages to explain their lack of income in hand far longer than Umno.

Be it in Japan or South Korea, it was the disenfranchised workers that organised themselves into a powerful bloc. The same went for UK and France. All workers, whether from the left or centre or right, were sick of the status quo. And if the establishment has been enmeshed, since 2009, in the corruption of 1MDB, the impact on the cost of living is, of course, real. Every billion wasted is one billion less for workers, students and government staff. And 1MDB has gotten Malaysia into an allegedly RM44 billion conundrum based on overgearing and debt, some of which has disappeared into thin air.

Jump page articles PPBM... TO PAGE 29

# Kerajaan Pakatan Rakyat perintah Selangor?

**A**da yang bertanya kepada saya sama ada benar "kerajaan Pakatan Rakyat (PR) yang memerintah di Selangor?"

Saya jawab PR telah lama terkubur dan yang memerintah di Selangor sejak selepas Muktamar Pas tahun 2015 bukan lagi kerajaan PR tetapi satu gabungan longgar antara Keadilan, DAP, AMANAH dan Pas. Ianya gabungan yang sekadar ingin memenuhi janji-janji manifesto PR 2013 walaupun gabungan PR itu sendiri sudah tiada.

Untuk memahami keadaan ini dengan jelas, kita terlebih dahulu perlu memahami apa itu maksud gabungan parti politik. Sesuatu gabungan parti politik muncul setelah wujudnya persetujuan dan perjanjian antara beberapa parti politik untuk berkerjasama atau memerintah bersama berdasarkan garis panduan yang dipersetujui bersama. Mereka akan sering bertemu dan berbincang sam-bil merangka tindakan bersama dalam menangani masalah rakyat. Pertemuan dan perbincangan mereka dilakukan atas nama parti masing-masing dan bukan atas kapasiti individu atau jawatan yang disandang.

Oleh itu apabila hubungan antara parti-parti politik telah pun diputuskan, seperti mana yang telah dilakukan Pas pada 2015 terhadap DAP, maka gabungan yang diwujudkan sebelumnya telah dengan sendirinya terkubur. Dalam erti kata lain, PR telah dikuburkan melalui usul yang diluluskan tanpa bahas dalam muktamar Pas 2015.

Hakikat bahawa ada pimpinan dan ahli Pas yang tidak faham maksud serta implikasi "usul yang diluluskan tanpa bahas secara sebulat suara" tidak mengubah kenyataan bahawa usul itu telah diluluskan. Apabila usul itu diluluskan maka dengan itu terputuslah hubungan antara Pas dan DAP dengan sendirinya. Dan dengan itu juga terkuburlah PR.

Keadaan di mana maksud dan implikasi meluluskan sesuatu usul tidak difahami oleh ahli dan pimpinan Pas terus terserah apabila sekali lagi mereka meluluskan usul untuk memutuskan hubungan dengan Keadilan tetapi terus bersama dalam kerajaan Selangor di bawah kepimpinan

## Keadilan!

Mungkin perkataan 'usul' itu difahami Pas dalam konteks penggunaannya dalam istilah seperti 'usul Fiqh' dan 'usul Tafsir' dan bukan sebagai suatu penetapan pendirian yang memerlukan tindakan selepasnya. Maka walaupun diluluskan sesuatu usul, tiada tindakan yang perlu diambil mengikut fahaman mereka. Dan begitu juga apabila sesuatu usul tidak diluluskan, ianya tiada masalah kerana usul dibawa. Mungkin juga membawa usul, meluluskan atau ditolaknya adalah sesuatu kebanggaan dan hobi Pas. Tiada makna atau implikasi. Hanya gah semata-mata.

Maka setelah hubungan antara Pas dan DAP serta Keadilan diputuskan oleh Pas, melalui usul-usul yang diluluskan, amat pelik apabila didengari ada yang masih mendakwa "PR memerintah di Selangor".

Untuk memudahkan persoalan ini difahami, biar saya umpamakan gabungan antara parti politik sebagai satu perkahwinan. Apabila seorang lelaki dan perempuan dikatakan sudah berkahwin ini bermakna adanya hubungan peribadi rasmi di antara mereka berdua. Hubungan itu ada ditetapkan hak dan peranan masing-masing terhadap satu sama lain dan mereka saling menjaga kepentingan hubungan itu dan anggota di dalam hubungan tersebut.

Si isteri menjaga hak suami dan si suami menjaga hak isteri. Begitu juga mereka menjaga kepentingan dan hak anak-anak serta kaum keluarga masing-masing. Dan masyarakat pada ketika itu akan menggelar mereka sebagai "keluarga si polan dan si polan".

Apabila atas apa jua alasan, perkahwinan itu ditamatkan melalui perceraian, maka walaupun mereka masih ada hubungan sebagai bekas suami dan isteri serta ibu dan bapa kepada anak-anak hasil perkahwinan mereka, namun hanya yang kurang maklumat akan berkata bahawa mereka masih suami isteri dan perkahwinan tersebut tetap kekal. Malahan istilah "keluarga si polan dan si polan" tidak akan diguna pakai lagi lebih-lebih lagi sekiranya si suami atau si isteri telah berkahwin

semula dengan pasangan baru.

Hakikat bahawa mereka telah bercerai dan telah tamat gabungan mereka sebagai suami isteri akan tetap diakui walaupun mereka terus bekerja di pejabat yang sama sekiranya itulah yang dilakukan sebelum perceraian mereka. Dan sekiranya syarikat itu merupakan syarikat usahasama antara mereka berdua, hakikat mereka terus berusaha menjayakan syarikat tersebut tidak mengubahkan bahawa mereka tetap tidak lagi suami isteri. Kewajipan mereka terhadap satu sama lain juga berubah dan sememangnya si bekas suami wajib mengutamakan hubungannya dengan isterinya yang baru, atau gabungannya yang baru seperti man juga si bekas isteri.

Amat malang sekiranya mereka terus berlagak seperti masih berkahwin dan si bekas suami atau si bekas isteri mengutamakan hubungan dengan 'bekasnya' lebih dari dengan pasangan baru mereka masing-masing. Kalau itu yang berlaku ada yang tak kena!

Berdasarkan perumpamaan mudah yang telah saya berikan rasanya amat jelas bahawa dakwaan kerajaan Selangor adalah kerajaan PR amat meleset sama-sekali. Saya tidak hairan sekiranya Pas tidak faham maksud dan implikasi meluluskan usul sendiri tetapi takkan ada orang lain yang tak faham?

Kita akui dan boleh terima bahawa hubungan sebagai 'bekas' masih membawa tanggung jawab bersama tetapi hakikat bahawa sudah bercerai wajib diakui. Hakikatnya PR sudah tiada. Kerajaan Selangor bukan kerajaan PR dan Pas khususnya adalah bakal saingan dalam PRU ke-14 sama ada kita inginkan atau sebaliknya.

Ada yang mendakwa gabungan PR Selangor itu perlu disebut-sebut dan diseru 'rohnya' walaupun ianya sudah terkubur. Ini adalah untuk menentukan 'satu lawan satu' dalam PRU ke-14. Bagi saya penegasan terhadap satu lawan satu adalah kesilapan besar. Apa makna adanya satu lawan satu dengan diberikan kerusi untuk ditandingi Pas dengan disokong PH sekiranya setelah menang, Pas entah ke mana?

Dijawab balik bahawa kerusi yang Pas menang tidak penting. Yang penting adalah kerusi yang dimenangi PH apabila Pas tidak bertanding di kerusi yang sama!

Jawapan ini mengandaikan Pas akan menyokong calon PH apabila kerusi itu tidak ditandingi Pas. Andaian ini tidak berasas. Hakikatnya Pas telah tidak menyokong calon PR di beberapa kerusi pada 2013 dahulu walaupun Pas bersama PR! Apa jaminan Pas akan menyokong calon PH sedangkan mereka bukan bersama PH? Kalau semasa bersama PR pun Pas mengkhianati PR, apakah lagi mengkhianati PH? Lebih-lebih lagi apabila sudah jelas bahawa Pas sebagai 'king maker' akan sanggup bersama Umno membentuk kerajaan.

Oleh itu apa masalahnya bagi Pas sekiranya calon PH kalah? Mungkin ianya lebih disukainya kerana DAP dan AMANAH tidak bersama Umno tetapi bersama PH!

Saya tidak percaya bahawa dakwaan "kerajaan PR memerintah di Selangor" adalah dakwaan yang serius. Tak mungkin ada yang berkeyakinan sebegitu. Semua tahu PR telah terkubur. Namun malangnya ada yang masih berpegang kepada keyakinan bahawa PH tidak boleh menang tanpa Pas dan dalam keadaan tiga penjuru. Oleh itu maka dibuat dakwaan yang terdesak sebegitu rupa.

Bagi saya, yang menganggap Pas diperlukan untuk menang sedang terperangkap dalam minda dan pemikiran lama. Oleh kerana minda mereka terperangkap maka disukarkan penyelesaian sebenar mereka menyedarinya. Roh yang diseru pasti tidak akan kembali. Namun yang perlu diperkuuh dan diperkuatkan iaitu PH, akan sedikit terbai kerana sibuk menyeru 'roh lama'.

Namun saya yakin bahawa PH akan terus membina kekuatan walaupun tidak dibantu sepenuhnya. Orang putih kata, "we will grow strong in spite of you!"

**Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional.**

LAUT  
BUDI  
TEPIAN  
AKAL  
**KHALID SAMAD**



FROM PAGE 28

## Why PPBM has the rural votes

OF course, in the case of the United States (US), the poor and under-privileged Americans — especially the blue collar, white minorities, low-skilled, low-income workers — have also united in their defiance of convention by electing President Donald Trump into office.

Although widely seen as a freak election result, the scale and strength of the blue collar votes was so massive that it put Trump, who was a novice, into power! Again, the opposition and PPBM must capitalise on such sentiments to be the first among equals against BN.

Now, the elections in the US, France, UK, South Korea and Japan, have shown one powerful conclusion: Blue collar workers, indeed, rural and village folk, hidden and lodged deep in the pockets of unknown constituencies, are fed-up. Immensely fed-up. They haven't given up on their countries, which is why they keep electing new leaders into government, but neither have they given in to their own frustrations.

In Malaysia, the ground is so very fertile. People are angry. Rural or urban. It is now the

opposition's task to accentuate the anger to action by strategic narratives through strategic mediums that will inspire the voters to vote BN out.

It is clear that Abdullah Badawi and Najib Razak's joint mismanagement over the last fourteen years and counting has led to what economists like Professor KS Jomo have called 'piratisation'.

How long can Malaysians tolerate the extent to which this country has been ransacked and pillaged? The financial bleeding has been non-stop since October 2002 when Dr Mahathir Mohamad left the government with a surplus budget.

Of the 119 rural constituencies in Malaysia, almost all are semi-rural too. They are within two hours away from a boat, bus or train ride to a major city or centre. Indeed, 75% of the Malaysian economy is driven by the economies of Kuala Lumpur, Selangor and Penang alone.

The workers in Kuala Lumpur, Selangor and Penang may not have come across a party

candidate from PPBM. They may not even have heard of Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, a top passionate debater, let alone myself.

But they have heard of the power of the three Ms in the form of Mahathir, Muhyiddin and Mukhriz! And all three of them have trudged through all 119 constituencies in Malaysia at one stage or another.

And all three Ms have never dragged the name of Malaysia through the mud, as Najib and his cabinet did. Indeed, of the whole cabinet, only Ahmad Husni, the second finance minister, has had the conviction to resign.

If the global electoral patterns are telling Malaysia anything, it is that those who have the courage — despite no party structures — will win.

Indeed, of the three million members that are ostensibly in Umno, throughout the general election in 2008, and again in 2013, hardly more than 1.1 million Umno members cared to vote at all. That leaves 1.9 million Umno members free to vote for PPBM too.

What PPBM wants is not a domineering role

over Pakatan Harapan. That would be unjust, as credit must be given where credit is due. The opposition in the form of DAP, Amanah and PKR, even some elements of PAS that belonged to the faction of Tuan Ibrahim Tuan Ismail and Mustapha Ali, has worked very hard.

With at least 1.9 million disgruntled Umno members, plus another 30% from the 1.1 million members in Umno, PPBM has the ability to cross the two million threshold of the rural village votes in Peninsular Malaysia, with the hope that Sabah will likewise do the same through Parti Warisan Sabah, led by former Umno stalwart Shafie Apdal charging from the rural heartland.

When PPBM, Amanah, DAP and ideally enlightened PAS members have all the rural constituencies and urban constituencies encircled, the end of Najib will be nigh and near. - FMT

**Rais Hussin is a Supreme Council Member of PPBM. He also heads the Policy and Strategy Bureau of PPBM.**



AMANAH bersama PPBM Puchong mengedarkan bubur lambuk di bazar Ramadan.

# Sekretariat Pakatan Harapan Puchong kukuh hadapi BN

Tidak lama selepas penubuhan Parti Amanah Negara (AMANAH) di peringkat nasional, AMANAH kawasan Puchong pula ditubuhkan dengan hampir seratus-peratus penggerak Pas di kawasan itu berhijrah ke AMANAH.

Ketua AMANAH Kawasan Puchong, Ahmad Idzam Ahmad berkata, atas nama Pakatan Harapan, AMANAH berganding bahu dengan DAP dan PKR di kawasan itu dengan memberi fokus kepada gerak kerja menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

Beliau yang mesra dipanggil Cikgu Idzam berkata, ia dikuatkan lagi dengan kewujudan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

"Penggerak AMANAH sekarang, ini jugalah yang menggerakkan Pas dahulu.

"Kami terus maju dan meneruskan kerja-kerja politik dan kebajikan bersama-sama Pakatan Harapan," katanya yang ditemui akbar mingguan *Amanah* baru-baru ini.

Cikgu Idzam berkata, mereka banyak bergerak atas platform Sekretariat Pakatan Harapan di Puchong.

"Sekretariat Pakatan Harapan Puchong memang kukuh. Kami banyak mengadakan program bersama dan selalu bermesyuarat," katanya.

Ia dikukuhkan lagi dengan kewujudan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang mampu menggoyahkan Umno di kawasan itu.

"Alhamdulillah, selepas adanya PPBM, kami terus berpaktat dan bergerak kerja bersama bagi menghadapi PRU14.

"PPBM memang fokus kepada ahli Umno dan pengundi Melayu yang mula nampak



kepincangan pemerintahan Umno BN. Ini memudahkan kerja-kerja mendekati pengundi mengikut segmen," katanya yang pernah menjadi calon Pas di Parlimen Tambun pada PRU tahun 1986.

Menurut beliau juga, prestasi Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo juga merupakan faktor kekuatan Pakatan Harapan kawasan itu.

Selama dua penggal ahli Parlimen DAP itu berkhidmat di kawasan Puchong, beliau sangat disenangi oleh rakyat.

"Setakat ini servis YB Gobind sangat memuaskan hati rakyat di sini jadi tiada sebab untuk mereka beralih kepada BN. Beliau tidak mengira India, Melayu atau cina, semuanya mendapat layanan yang sama rata," jelasnya.

## AMANAH SASAR DUN SRI SERDANG

AMANAH yakin mampu menewaskan BN dan Pas jika bertanding di Dun Sri Serdang apatah lagi dengan bantuan dan sokongan daripada penggerak PPBM.

Cikgu Idzam melahirkan keyakinan itu setelah melihat momentum kebangkitan rakyat yang sudah bosan dengan pemerintahan



Cikgu Izham ketika menceritakan perkembangan AMANAH Puchong.



Ahli jawatankuasa AMANAH Puchong bergambar kenangan bersama Gobind.

tahan BN ketika ini.

Bagi Dun Sri Serdang khasnya, kehadiran PPBM sangat membimbangkan Umno BN menjelang PRU14 akan datang.

"Hubungan AMANAH dengan PPBM sangat baik dan segala gerak kerja dilakukan bersama bagi memastikan Pakatan Harapan menguasai Parlimen Puchong ini sekali gus memastikan Selangor terus ditadbir oleh Pakatan Harapan," katanya.

Beliau sendiri pernah menjadi calon Pas di Dun Sri Serdang pada PRU12 dan hanya kalah tipis dengan calon BN, Datuk Mohd Satim Duman, iaitu 45 undi.

Namun kekalahan itu tidak menjadi halangan kepada beliau untuk terus membantu masyarakat yang memerlukan.

Malah, beliau sering dicari oleh masyarakat yang memerlukan bantuan walaupun beliau bukan wakil rakyat di Dun itu.

"Walaupun saya kalah dulu, tetapi saya terus bergerak dan membantu masyarakat yang memerlukan tanpa mengira kaum."

"Mereka selesa mengadu masalah kepada saya mungkin kerana saya lama di sini. Walaupun ada Adun Pas tetapi mereka masih mahu berurusan dengan saya."

"Mana yang boleh saya bantu, saya akan bantu bersama pasukan saya," katanya.

Beliau juga berkata, rakyat juga boleh menilai siapa yang lebih ke hadapan dalam membantu mereka yang memerlukan.

"Saya selalu jumpa masyarakat di sini, dengar masalah mereka dan mereka tahu Pakatan Harapan serius dalam mendepani isu-isu rakyat," katanya.

#### TINGGALKAN PARTI MESRA BN

Cikgu Idzam juga menegaskan, sekarang ini bukan lagi masa untuk memujuk pihak-pihak



AMANAH dan PPBM kerap bermesyuarat bagi memastikan gerak kerja berjalan lancar.



AMANAH Puchong bersama ahli parlimen Puchong Gobind Singh Deo melawat aktivis AMANAH yang terlibat dalam kemalangan.

yang enggan menentang kepincangan Umno BN sebaliknya Pakatan Harapan perlu mengukuhkan kerjasama keempat-empat parti bagi menghadapi PRU14.

**JAWATANKUASA AMANAH  
KAWASAN PUCHONG SESI 2016 - 2018**

Ketua : AHMAD IDZAM AHMAD	Ahli Jawatankuasa
Timbalan Ketua : SA'ADUN ZUBIR ANUAR	- MOHD HANAPI IDRIS
Naib ketua 1 : MOHD YUNUS JAMALUDIN	- ZUIDIN MOHD YATIM
Naib ketua 2 : CHANDRASEELAN A/L JOHN NADARAJAN	- KHAIRUL ANUAR OTHMAN
Naib ketua 3 : NATHAN A/L NARAYANAN	- HALIZA RAMLI
Ketua Pemuda : SHAMSUDIN YUSOF	- ABD SHUKOR PAWANCHIK
Ketua Wanita : SAZANA ISA	- MA'AROF IBRAHIM
Setiausaha : ALWI HASRAT	- VISITKUMARAN A/L RAMAN
Penolong setiausaha : MOHD FAUZI JAAFARI	- DATUK KAMARUZAMAN IBRAHIM
Bendahari : MOHD RAZIK ABDUL MAJID	- JALIL ARIF
Ketua komunikasi : MOHD ZAIDI ALI	- MOHD ZALIKI OMAR
Ketua pilihan raya : WAN MOHD GHAZALI MOHMUD	

#### Info Kawsan Puchong

**PARLIMEN PUCHONG** terbahagi kepada dua Dun iaitu Dun Sri Serdang dan Dun Kinrara.

Ahli Parlimen Puchong ialah Gobind Singh Deo daripada DAP selepas beliau memenangi Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) mengalahkan calon BN A, Kohilan Pillay A/L G. Appu dengan majoriti 32,802 undi.

Bagi Dun Serdang, keputusan PRU13 menyaksikan calon Pas, Noor Hanim Ismail mengalahkan calon BN, Mohamad Yusof Mohamed Yassin dengan majoriti 16,251 undi. Ketika itu Pas masih dalam

Pakatan Rakyat.

Manakala bagi Dun Kinrara, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun)nya ialah Ng Sze Han daripada DAP.

Beliau menewaskan calon BN, Datuk Wong Hock Aun dengan majoriti 14,604 undi.

Pada tahun 2015, selepas Pas me-mutuskan hubungan dengan DAP dan keluarkan daripada Pakatan Rakyat, AMANAH ditubuhkan dan bekerjasama dengan DAP dan PKR.

Dijangkakan, AMANAH akan meletakkan calon di Dun Sri Serdang.



... Sekarang ini bukan lagi masa untuk memujuk pihak-pihak yang enggan menentang kepincangan Umno BN sebaliknya Pakatan Harapan perlu mengukuhkan kerjasama keempat-empat parti bagi menghadapi PRU14.

"Sekarang bukan lagi masa pujuh memujuk. Kalau Pas tidak mahu bersama, tinggalkan mereka. Kita ada AMANAH, PPBM, DAP, PKR. Ini sidah lengkap untuk melawan Umno BN."

"Rakyat tengok kita buat kerja. Mereka tak suka parti yang tidak ada pendirian."

"Saya yakin dengan sikap Pas terhadap DAP sekiranya, mereka akan hilang undi bukan Islam," tegnasnya.

#### PROMOSI JULAI & OGOS

#### JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH  
**RM 1350**

APA YANG ADA AKAN  
DAPAT JIKA BERIKLAN  
DENGAN KAMI?

- 1) Percuma iklan di laman Malaysia Dateline.
- 2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.
- 3) Capai pembaca hingga ke Singapura.

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:  
**01132334322 (EN HAKIM)**

**6** Lebih 20,000 rakyat Melaka hadiri rumah terbuka PPBM

**10** Gandingan Anwar-Mahathir mantapkan PH

**15** Potensi Husam sebagai calon MB Kelantan



PP18978/03/2016(034450)

## WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SAWAKTU DENGANNYA.

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
16.7.2017	5:38	5:48	7:10	13:22	16:46	19:30	20:45
17.7.2017	5:39	5:49	7:10	13:22	16:46	19:30	20:45
18.7.2017	5:39	5:49	7:10	13:22	16:46	19:30	20:45
19.7.2017	5:39	5:49	7:10	13:22	16:46	19:30	20:45
20.7.2017	5:39	5:49	7:10	13:22	16:46	19:30	20:45
21.7.2017	5:39	5:49	7:11	13:22	16:46	19:30	20:44
22.7.2017	5:40	5:50	7:11	13:22	16:46	19:30	20:44

# Amanah

BIL 59 | 16 - 22 JULAI 2017


# 50 KERUSI TAWAN PUTRAJAYA

**PAKATAN** Harapan boleh menawan Putrajaya jika mampu menawan 50 kerusi marginal yang kini dimenangi Barisan Nasional (BN) di Semenanjung dalam Pilihan Raya Umum ke-13 lalu, kata pengasas INVOKE Rafizi Ramli.

Laporan penuh muka 2



Othman menyerahkan borang menyertai AMANAH kepada pimpinan parti itu peringkat negeri Kelantan yang diketuai Husam Musa.



"Najib kini hanya menang dengan majoriti 13 kerusi berdasarkan kajian yang dibuat INVOKE"

## Bekas Adun sertai AMANAH

**BEKAS** ahli dewan undangan negeri (Adun) Cherang Ruku, yang kini dikenali Semerak, Ustaz Othman Wahab menyertai Parti Amanah Negara (AMANAH) selepas tidak berpuashati dengan tindakan Pas yang membuat pusingan 'U' meninggalkan rakan menjelang kemenangan.

Beliau yang kini seorang peguam syar'i berkata keputusan itu kerana yakin dalam politik di negara

ini kerjasama antara parti diperlukan.

"Islam sendiri menghendaki kita meluaskan persahabatan sama ada dengan golongan Islam maupun bukan Islam," katanya ketika ditemui selepas majlis penyertaan itu baru-baru ini.

"Kita dah nak sampai destinasi bersama rakan-rakan pembangkang tiba-tiba buat "u-turn" tinggalkan kawan dan mesra musuh," katanya.

**TERBITAN TERBARU**  
01132334322 untuk urusan pembelian  
**DAPATKAN SEGERA!!**

HANYA RM 30

